



MOHD SAYUTI OMAR

ANWAR

ABRAHIM




923.2595
ANW.M

ANWAR

ABRAHIM





**ANWAR
IBRAHIM**

Mimpi & Realiti

MOHD SAYUTI OMAR



K A N D U N G A N

Prakata	i
Muqaddimah	v
1 ANWAR YANG KITA KENALI	1
2 ANWAR DIPERANGKAP DAN TERJERAT	16
3 WAJAH BARU BUDAYA BARU	32
4 MUSUH ANWAR	57
5 ANWAR ANAK PUNGUTI	74
6 ANWAR DAN ABIM	85
7 NOTA UNTUK ANWAR	96
8 STYLE DAN BUDAYA POLITIK ANWAR	110
9 MAMPUKAH ANWAR ISLAMKAN MALAYSIA?	123
10 ANWAR DALAM SURATKHABAR (Bhg. Pertama)	142
11 ANWAR DALAM SURATKHABAR (Bhg. Kedua)	160
12 MIMPI ANWAR	176
13 HIKAYAT ANWAR DENGAN SULTAN PAHANG	187

PRAKATA

Assalamualaikum.

“Demi Masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar berada dalam kerugian, kecuali orang-orang beriman dan mengerjakan amal soleh dan nasihat menasihati supaya mentaati kebenaran dan nasihat menasihati menetapi kesabaran.”

SAYA bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan Taufik, Hidayah, Shir dan Tajalli-Nya dapat saya mempersembahkan buku kecil ini untuk tatapan anda sekali. Tidak lupa juga selawat dan salam saya kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W, para Sahabat dan ambia' sekalian. Sudah pasti tanpa keizinan dan restu Allah saya tidak dapat menyiapkan buku ini dan kita tidak mungkin dapat bertemu melalui buku ini.

Barangkali ada di kalangan anda yang tertanya-tanya kenapa saya memilih Encik Anwar Ibrahim, Menteri Pendidikan Malaysia untuk disorot dalam

buku ini ataupun lebih tepat menjadi objek sasaran penulisan saya kali ini.

Mungkin juga ada yang terus menuduh bahawa saya sengaja memilih Anwar untuk mengkhianati politik dan karier beliau sebagai seorang politik. Seandainya timbul tuduhan demikian itu adalah hak anda, dan tidak perlu saya pertikaikannya. Bagaimanapun, perlu saya menjelaskan bahawa penyorotan Anwar dalam buku ini, bukannya bertujuan negatif apa lagi bersifat provakatif murahan semata-mata untuk mengkhianatinya.

Niat saya adalah ikhlas. Sebagai seorang warga negara dan sekaligus "peminat" kepada Anwar, saya berasa bertanggungjawab untuk menulis mengenai diri Anwar secara rasional dan realistik. Rasa ini didorong oleh *responsibility* dan hubungan saya selaku rakyat dengan Anwar yang bercita-cita dan semangat Islam.

Selaku rakyat saya rasa tidak menjadi kesalahan untuk memperkatakan mengenai diri mana-mana pemimpin kita. Malahan selaku rakyat menjadi kewajipan kita untuk menegur kepimpinannya dan juga menyalurkan idea dan buah-buah fikiran untuk direnung ataupun dijadikan sempadan dan teladan.

Sebenarnya tanggungjawab demikian, adalah tanggungjawab kita sebagai rakyat. Seorang rakyat tak sewajarnya menurut seperti pandir terhadap apa sahaja yang dikata dan dilakukan oleh pemimpin. Sebaliknya kita mempunyai hak mutlak untuk menegur ataupun mengkritik kerana kita yang mengamanahkan kuasa

untuk dia memimpin kita dan mentadbirkan negara.

Apa yang harus kita tahu bahawa pemimpin tidak akan naik tanpa kita memberi kuasa kepadanya.

Terus terang saya katakan, sebagai rakyat saya begitu mengkagumi Anwar dan saya percaya anda juga demikian, amat mengharapkan Anwar akan mendapat kuasa penuh dan memimpin kita suatu hari nanti. Sebenarnya kita tidak ada pilihan lain untuk diangkat menjadi pemimpin kecuali Anwar. Visi, semangat dan sifat kepimpinan beliau amat sesuai dan serasi dengan Melayu yang menganuti Islam. Keadaan itu menyebabkan kita rasa harapan dan masa hadapan negara dan Islam, terenggam di tangan Anwar.

Namun harapan dan mimpi kita itu semakin hari semakin hancur dan lebur. Ianya dikoyak oleh evolusi yang berlaku ke atas diri Anwar. Perubahan sikap, pandangan dan juga visi politik Anwar, menyebabkan kita seperti dikejutkan oleh sesuatu yang mengerikan jika Anwar dilepaskan berkuasa dalam keadaan dirinya kini tanpa disemak dan diperbetulkan oleh kita semua.

Jadi, bertolak dari kondisi dan situasi itulah, maka saya telah memberanikan diri, membuat sedikit teguran kepada Anwar. Dan mempersoalkan beberapa tindak tanduk, sikap dan perubahan yang berlaku ke atas diri Anwar untuk diinsafi oleh Anwar dan renungan kita semua.

Adalah menjadi harapan saya, jika apa yang saya perkatakan ini benar, tepat dan perlu adanya tindakan

susunan dari anda semua, maka wajarlah kita perlakuan begitu demi kesejahteraan kita bersama.

Juga apa menjadi harapan saya semuga pendedahan dan teguran ini, akan turut memberi satu kesedaran baru kepada kita semua amnya dan Anwar khasnya dalam melihat masa hadapan politik negara. Moga-moga buku kecil ini, sedikit sebanyak boleh mengingatkan Anwar bahawa dirinya memang menjadi perhatian dan sorotan umum. Kita harap Anwar akan menyemak dirinya, memperbetulkan semula kiblat perjuangan, dan paling penting memperbaharui semula nawaitu perjuangannya.

Akhirnya saya ucapkan selamat membaca dan dan seperti biasa, teguran dan komitment anda semua terhadap buku saya ini diharap akan berterusan.

Wassalam.

MOHD SAYUTI OMAR.

Kuala Lumpur,
26hb. Jun, 1990.

MUQADDIMAH

PERKEMBANGAN diri Anwar sejak akhir-akhir ini mencemaskan ramai orang. Terutama orang-orang yang merindui tertegaknya Islam di Malaysia. Mereka akan bertanya-tanya apakah mampu untuk Anwar menunaikan segala janjinya itu. Apakah Anwar berjaya mewujudkan sebuah bentuk pemerintahan Islam di negara ini. Atau pun bolehkah Anwar mengIslamkan Umno, untuk membolehkan beliau Islamkan Malaysia?

Untuk menjawab pertanyaan itu kita tidak perlu menunggu masa panjang ataupun selepas Anwar boleh menguasai Umno sepenuhnya. Kita tidak payah menanti sampai Anwar berjaya menjadi Perdana Menteri baru kita menjawabnya. Sebaliknya sekarang ini pun kita boleh membayangkan ataupun membuat ukuran apakah Anwar Ibrahim boleh laksanakan itu semua.

Untuk melihat apakah Anwar berupaya, kita kena meneliti dahulu apakah yang dikatakan "perjuangan Islam" itu sendiri. Tanpa mengetahui akan erti serta

konsep perjuangan Islam, kita akan terus teraba-raba untuk mengetahui akan hasilnya, ataupun ke manakah perjuangan Anwar yang sebenar.

Antara ciri yang harus kita perhatikan ialah mengenai peribadi-peribadi orang yang memperjuangkan Islam itu sendiri. Apakah tokoh itu sudah mempunyai peribadi Islam ataupun sebaliknya. Dan juga, kita kena lihat apakah jemaah yang didudukinya itu memenuhi ciri-ciri sebagai sebuah jemaah Islam. Selain itu, kita juga kena lihat bagaimanakah pula bentuk ataupun sifat para pengikut pemimpin berkenaan.

Dalam soal ini kita kena lihat peribadi Anwar dan konsep serta ciri-ciri wadah yang didudukinya sekarang, Umno. Serta keinginan serta tuntutan para anggota dan ahlinya. Dalam hal itu juga kita perlu lihat sejauh manakah kesungguhan anggotanya dalam memperjuangkan sesuatu berhubung dengan Islam.

Perjuangan Islam bererti menyelamatkan manusia dari kekufuran kepada kebenaran. Dari sesat kepada benar. Dari tidak menyembah Allah kepada menyembah Allah. Dan kalau perjuangan itu sudah tepat ianya akan mengubah segala kerosakan di muka bumi ini kepada kebaikan. Misalnya daripada perpecahan kepada ukhwah. Daripada kekejaman kepada keadilan. Daripada penindasan kepada kebebasan dan keamanan.

Demikianlah seterusnya, sehingga terbinanya kembali bayangan generasi sahabat dan salafussoleh.

Sementara antara ciri-ciri dan peribadi pejuang Islam yang penting ialah mempunyai sifat Taqwa. Sifat ini penting kepada setiap pemimpin. Kerana taqwa lah yang telah menjulangkan tokoh-tokoh mujahid dan mujadid dahulu berada di tahap kecemerlangan. Dan tokoh yang mempunyai sifat demikian akan meletakkan matlamat perjuangan dipuncak segala cita-cita kehidupannya. Mereka berjuang semata-mata untuk Allah.

Orang bertaqwa banyak ibadatnya, agung akhlaknya, gigih perjuangannya, tinggi perjuangannya dan mengatur program tepat mengikut syariat Islam. Mereka tidak melakukan dosa sekalipun kecil. Mereka tidak bermewah-mewahan sekalipun mampu melakukan demikian. Mereka cinta Allah, lebih dari segalanya dan syurga idaman ialah syurga akhirat.

Mereka tidak memburu dunia, sebaliknya mereka memperalatkan dunia untuk akhirat.

Hasil dari didikan seorang pemimpin demikianlah akan lahirnya generasi salafussoleh yang dapat tawan dunia. Jadi tuan-tuan yang mentadbir dengan adil aman makmur dan mendapat keampunan Allah.

Jadi dalam kita memperkatakan soal Anwar, adakah beliau mempunyai ciri-ciri pemimpin yang disebutkan tadi. Apakah Anwar seorang pemimpin bertaqwa ulamak pewaris nabi yang bakal mencorakkan masyarakat seperti yang telah dicorak oleh Rasullullah S.A.W? Mampukah seorang pemuda lulusan Universiti Malaya dalam Pengajian Melayu dan Sastera seper-

ti Anwar itu untuk menjadi ulamak dan pemimpin Islam?

Tanpa pengajian formal, bersistem dan berguru, tentang Quran dan Sunnah, bolehkah Anwar mengetahui, memahami, menjalan dan melaksanakan undang-undang Rabbul 'alamin itu?

Peribadi Anwar, ibadahnya, akhlaknya, pengorbanan rumah tangga, pergaulannya, adakah meyakinkan atau melayakkan untuk beliau memikul dan menjayakan perjuangan yang berat ini? Kita lihat peribadi-peribadi Khalifah Islam yang berjaya dalam perjuangan mereka sebagai iktibar dan perbandingan;

1. **Sayidina Abu Bakar Al-Siddek.** Menurut sahabatnya, ibadat beliau tidak terlawan oleh sesiapa. Sewaktu mereka berjemaah bersamanya, para sahabat tercium bau hati yang terbakar dari nafas dan mulut beliau sewaktu sembahyang. Di sini menunjukkan ketakutannya kepada Allah, sampai menghancur dan menghanguskan hatinya.

Pernah beliau termakan makanan syubahat, dan apabila beliau menyedari beliau mengorek kerongkongnya hingga muntah. Harta bendanya habis semua sekali diserahkan pada perjuangan Islam. Tiada yang tinggal walaupun untuk anak isteri.

Beliau merasa cukup untuk hidup dengan Allah dan Rasulullah.

2. **Sayidina Omar Al Khattab.** Pemimpin Islam yang telah mengIslamkan dua empayar toghut Rom dan Parsi. Beliau menampal dinding rumahnya yang rusak dengan tangannya sendiri. Sering berjalan ke rumah-rumah rakyat, melihat dari dekat kehidupan mereka. Pernah memikul guni gandum di hantar ke rumah janda dan anak yatim. Beliau tidak tidur malam kerana berurus dengan Tuhan dan tidak tidur siang kerana berurusan dengan rakyat. Pun begitu beliau masih merasa dengan azab Allah.

Katanya, "sekiranya semua orang masuk syurga, kecuali seorang, aku kira yang seorang itu adalah aku"

3. **Sayidina Umar Abdul Aziz.** Khalifah dan mujaddid pertama dalam zaman Bani Umaiyah. Sebaik sahaja menyandang jawatan Khalifah, beliau jadi miskin kerana semua hartanya dan harta isterinya dimasukkan ke Baitul Mal. Hampir setiap malam sewaktu sujud tahjud air matanya melimpah-limpah membasahi sejadah.

Begitulah contoh-contoh peribadi atau pemimpin Islam yang telah berjaya mendaulatkan undang-undang Allah di bumi. Dengan keadaan begitu mereka tahan diuji, tidak menuruti nafsu dan syaitan serta selamat dari tipuan dunia. Justeru itu berjayalah mereka membawa Islam ke dalam kehidupan manusia sedunia.

Sedangkan pejuang Islam yang lantang di zaman ini sedang dialun gelombang nafsu dan tipuan

duniawi. Berenak-enak dengan jawatan tinggi, dan maksiat. Yang menyebabkan ketaqwaan mereka semakin lemah dan hidup mereka longgar dengan hukum-hukum Allah.

Makin kejam dan makin menentang gerakan Islam. Dunia sudah menipunya dan nafsunya sudah hampir-hampir menjadi tahanannya. Bagaimanakah ini, boleh membawa kemungkinan akan bangun Islam di tangannya, atau sekurang-kurangnya dapat mengurangkan maksiat dan sikap toghut dalam masyarakat.

Barangkali ada yang tidak setuju dengan kenyataan ini kerana masih beranggapan Anwar boleh membangunkan Islam sepenuhnya apabila dia mendapat kuasa penuh nanti, jadi Perdana Menteri. Di sini kita ingin bertanya, apa logiknya orang yang tidak mampu berenang dalam sungai, tiba-tiba dikatakan akan berjaya berenang di dalam laut.

Belum berlaku dalam sejarah apapun, seorang yang gagal dalam ujian kecil, tiba-tiba lulus cemerlang dalam ujian besar. Anwar yang kini gagal membangunkan hukum Islam yang kecil, ... adakah diyakini akan mampu menegakkan hukum Islam yang besar?

Seorang yang tidak mampu mengawal nafsu yang inginkan rumah besar bagaimana akan mampu mengawal keinginan-keinginan duniawi yang ditawarkan untuk seorang Perdana Menteri kelak. Dan kalau sudah termakan, sudah masuk perangkap tiada bezanya lagi, antara pemimpin yang patah dan baru tumbuh itu. Sama saja tak dapat lawan nafsu. Niat baik

dan ilmu yang cukup tidak bernilai apa-apa, bila kita gagal dalam perlaksanaannya. Kebanyakan kita begitulah, hati ingin baik tetapi perangai jahat. Cakap hendak buat baik, tetapi, tidak pernah memulakannya untuk membuat kebaikan.

Bukan tidak mahu berbuat baik, tetapi tidak mampu untuk melawan kehendak nafsu dan syaitan.

Mari kita tanya Anwar dari hati ke hati berdasar selama hampir 10 tahun berjuang dari dalam, mana lebih mudah berjuang diluar ataupun di dalam. Bila agaknya perubahan yang dijanjikan akan memperlihatkan wajah barunya itu secara meluas dan terbuka. Atau Anwar merasakan merubah dasar dan teknik matlamat perjuangan asal kepada yang baru itu lebih baik? Walaupun apa alasan dan jawapannya namun dari hari ke hari kian ramai yang kecewa dengan Anwar. Apakah Anwar sudah berfikir untuk memulihkan kekecewaan itu?

Jika tidak, kemungkinan Anwar akan tenggelam dalam gelombang kebangkitan Islam yang sedang menggulung hari ini.

1

ANWAR YANG KITA KENAL

ANWAR IBRAHIM merupakan sebuah nama cukup komersial buat masa ini. Siapa tidak kenal dengan Anwar Ibrahim. Kepopularitiannya sama hebat dengan Ramlah Ram ataupun Zaiton Sameon. Cuma bidang ataupun profesionnya sahaja yang berbeza. Ramlah dan Zaiton Sameon, terkenal sebagai penghibur, sementara Anwar Ibrahim terkenal sebagai tokoh politik!

Anwar Ibrahim mempunyai daya tarik yang unik. Di wajahnya seperti ada satu kuasa yang boleh mempesonakan sesiapa sahaja. Kemanisan yang ada di wajahnya itu, samalah "kemanisan" yang ada di wajah Dr Mahathir Muhammad. Sesiapa yang menatap wajahnya, akan merasa sayang dan kasih kepadanya. Dan wajah yang jernih itu seakan menunjukkan Anwar seorang yang beriman.

Nama "Anwar" yang diberikan oleh bapaknya yang membawa erti "Cahaya" benar-benar membawa tuah kepada Anwar. Dan satu tuah yang sudah pasti ialah, Anwar di masa remajanya ramai diminati dan digilai oleh kaum perempuan.

Hakikat ini terbukti bila mana isterinya sendiri Dr. Wan Azizah sanggup melanggar adat dan tata susila orang Melayu semata-mata tergilakan Anwar. Isterinya sanggup "durhaka" kepada kedua orang tuanya kerana tergilakan Anwar.

Perkara ini tidak menjadi rahsia lagi, semua rakan-rakan Anwar Ibrahim dan termasuk sebahagian masyarakat yang sentiasa memerhati perilaku dan diri Anwar mengetahui akan sejarah ini.

Secara tidak langsung juga, Anwar Ibrahim menjadi terkenal, apabila sebelum ini sudah ada orang bernama Anwar yang berjaya menjadi pemimpin. Anwar yang dimaksudkan itu ialah Presiden Mesir Anwar Sadat yang kemudian dibunuh oleh puak jihad Ikhwan Muslimin kerana beliau menentang Islam. Pembunuhan Anwar Sadat dilakukan di upacara pembarisan rasmi mengingati hari ulang tahun kemerdekaan Mesir.

Walaupun kehebatan Anwar Ibrahim, belum sampai ke tahap Anwar Sadat yang sanggup membantu Israil dan bergaduh dengan negara-negara Arab semata-mata hendak ambil hati imperialis Amerika termasuk rela berperang dengan Iran, tetapi buat masa ini Anwar Ibrahim sudah pun mempunyai beberapa keistimewaan walaupun tidak setanding Anwar Sadat. Mungkin suatu hari nanti Anwar Ibrahim juga akan dapat menyamakan tarafnya dengan Anwar Sadat apabila beliau menjadi pemimpin nombor satu Malaysia.

Cuma apa kita harap kalau dia sudah jadi PM nanti, dia tidak akan menggunakan kuasa itu untuk menentang Islam, dan berbaik dengan musuh Islam semata-mata untuk mengekalkan kuasa dunia. **Nauzubillahiminzalik.**

Buat masa ini tidak dapat siapa nafikan bahawa di antara pemimpin yang popular ialah Anwar Ibrahim. Selepas Perdana Menteri Dr Mahathir Muhammad, nama Anwarlah dewasa ini yang meniti dari bibir ke bibir. Tindakan Datuk Musa Hitam meletakkan jawatan kerana tidak puas hati dengan Mahathir tahun 1986 memberi laluan mudah untuk Anwar menjadi terkenal.

Nama Anwar bukan sahaja disebut dalam negeri, malahan ke seluruh dunia. Banyak negara-negara Islam kenal Anwar. Kalau mereka tidak kenal wajahnya, tetapi sekurang-kurangnya mereka tahu siapa orang yang bernama Sheikh Anwar Ibrahim.

Sewaktu saya berkunjung ke sebuah negeri di Timur Tengah dua tahun lalu, seorang tokoh politik negara itu (MP) ingatkan pemimpin Malaysia ialah Anwar Ibrahim. Mereka sedikit pun tidak kenal dengan nama Mahathir dan Ghafar Baba. Mati-matian dia kira Anwarlah PM Malaysia, selepas saya bagitahu baru tokoh politik itu tahu.

Apa menyebabkan tokoh itu beranggapan demikian, kerana populariti Anwar di negara itu. Kelantangan Anwar dan kewibawaan di masa beliau memimpin gerakan belia menjadikan dia terkenal. Dia di-

sanjung sebagai mujahid Islam. Lagipun, antara nama yang sampai ke negerinya hanyalah, nama Anwar Ibrahim.

Apa menyebabkan Anwar terkenal kerana penglibatan beliau dalam gerakan belia Islam antarabangsa. Kesempatan beliau menghadiri beberapa seminar dan *conference* antarabangsa juga memberi peluang kepada beliau untuk berhubung dengan rakan-rakan dan tokoh pemimpin lain.

Sebab itulah kalau kita lihat, kebanyakan konteks dan kawan-kawan Anwar semuanya terdiri mereka dari negara-negara Islam, dan tokoh-tokoh pejuang Islam. Hubungan ini terjalin sewaktu Anwar memegang beberapa jawatan dalam pertubuhan Belia peringkat antarabangsa.

Antara jawatan-jawatan peringkat internasional yang pernah dipegang oleh Anwar termasuklah menganggotai jawatankuasa Majlis Belia Islam Sedunia dan pernah mewakili Malaysia ke Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai anggota Majlis Belia Dunia. Kepercayaan menganggotai badan ini telah diberikan sendiri oleh Allahyarham Tun Abdul Razak.

Sementara di peringkat negeri, beliau mula terkenal apabila beliau ditahan oleh kerajaan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dalam tahun 1974 apabila beliau terlibat dengan demonstrasi pelajar membela rakyat miskin di Baling.

Secara tidak langsung akta kejam, ISA itu telah memberi publisiti yang luas kepada Anwar. Sesetengah

orang beranggapan kalau beliau tidak ditahan, tidak mungkin dia jadi terkenal seperti hari ini. Memang, orang yang dipenjara itu biasanya menjadi perhatian umum, samada seorang "hero" ataupun seorang "bandit".

Penahanan beliau dibawah ISA itu telah memulakan satu era baru kepada diri beliau. Penahanan itu memberi pengalaman yang cukup bernilai kepadanya. Dan penahanan itu juga memberikan saham sangat besar untuk beliau dikenali kemudiannya. Kepada Anwar sendiri ISA merupakan sebuah tembok batu yang telah membentuk dirinya menjadi kuat, membina jiwa dan semangat jihad menjadi semakin panas dan terus membara.

Sewaktu berada dibawa tembok ISA itulah beliau telah mengumpulkan semangat jihadnya. Membina cita-citanya untuk membela penindasan dan menentang kezaliman baik ke atas dirinya dan rakyat. Selepas sahaja beliau dibebaskan dalam tahun 1978, beliau terus bangkit dengan semakin lantang lagi memperjuangkan Islam dan hak-hak asasi manusia dan melancarkan pembebasan dan keadilan.

Seminggu selepas dibebaskan (dalam tahun 1977) beliau terus melepaskan bom dendam dan marahnya kepada kerajaan dengan mengeluarkan kenyataan menyalahkan Menteri Belia dan Sukan ketika itu Allahyarham Datuk Ali Haji Ahmad. Dakwa Anwar, Datuk Ali Haji Ahmadlah yang bertanggungjawab melumpuhkan gerakan belia di Malaysia.

Sikap dendam dan marah Anwar kepada Ali Haji Ahmad jelas apabila sewaktu beliau berucap di Kota Bharu, Kelantan.

Kota Bharu - Anwar Ibrahim telah diberi sambutan besar-besaran bila beliau berkunjung ke sini khamis lalu. Berpuluh buah kereta menungguinya di lapangan terbang dan beribu orang telah mendengar ucapannya di Dewan Perhimpunan Wanita.

Sasaran ucapannya banyak ditujukan kepada Datuk Ali Haji Ahmad Menteri Pertanian yang dulunya menjadi Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan.

Anwar, bekas Pengerusi Majlis Belia Malaysia menuduh Datuk Ali bertanggungjawab melumpuhkan gerakan belia sekarang.

Sementara itu Azham Wahab, Pengerusi Majlis Belia Malaysia diberitakan bersetuju mengundurkan diri kiranya Anwar sedia mengambil alih jawatan itu.

(Suara Merdeka 10 Oktober, 1976)

Pembebasan Anwar dari tahanan ISA itu membolehkan Anwar meluahkan semangat perjuangannya. Anwar menjadi semakin berani menyuarakan tuntutan hati dan juga "cita-cita" perjuangannya ketika itu. Beliau telah mengadakan ceramah ke seluruh negara meluahkan isi-isi perjuangannya dan juga mendedahkan pelbagai kepincangan dan keburukan kerajaan dengan keras dan lantang sekali.

Saat itu rakyat Malaysia nampak Anwar Ibrahim tak ubah seperti "Hang Nadim" Malaysia yang membawa visi perjuangan baru kepada rakyat dan dikira dapat mengubah corak pemerintahan negara di masa depan.

Dengan pembebasan itu juga membolehkan Anwar bergerak dengan lebih bebas dan agresif lagi. Peranan yang dimainkan melalui Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) amat mencemaskan kerajaan ketika itu. Kerana sebarang kritikan dan juga selaan Anwar kepada kerajaan dibuat berdasar hukum-hukum Allah, Al Quran dan Al Hadith dengan penuh berani dan terbuka.

Berkat perjuangan beliaulah, gerakan belia ketika itu bukan sahaja menjadi persatuan untuk mementaskan kebudayaan, bersukan dan berhiburan sahaja, sebaliknya menjadi badan pendesak (pressure group) dan penentang kemungkaran. Orang ramai melihat gerakan belia satu gerakan ke arah merubahkan pentadbiran dan juga corak pemerintahan negara, dari sekular kepada Islam pada masa-masa akan datang.

Peranan Anwar dalam Abim waktu itu sangat dikagumi dan beliau diharap akan muncul sebagai tokoh gerakan Islam nombor satu dan Abim sendiri akan menjadi badan yang akan berjuang ke arah menyubur dan menyebarkan Islam di Malaysia khususnya dan dunia amnya secara berterusan. Kerana cita-cita dan suasana inilah menyebabkan Anwar disanjung begitu rupa melebihi sanjungan dan pemujaan umat Islam terhadap Datuk Asri yang memimpin Pas ketika itu.

Kejayaan Abim mewujudkan Yayasan Anda Akademik yang mengamalkan falsafah pendidikan Islam, dan lebih terkenal dengan laungan pendidikan **Rabbani** yang dipeloporkan oleh Anwar, menyebabkan orang Islam bertambah yakin Abim akan muncul sebagai

harakah Islamiah yang lebih agresif dan rasional berbanding dengan beberapa harakah yang telah sedia ada.

Apa lagi rata-rata yang terlibat dan menganggotai Abim terdiri daripada para cediakiawan Melayu dan golongan akademik kelas menengah, menjadikan orang ramai bertambah *confident*.

Dan dengan kehebatan dan keterkenalan Abim itulah Anwar menjadi terkenal. Beliau sering kali menerima undangan daripada pelbagai pihak termasuk pertubuhan dan gerakan belia Islam untuk hadir memberi ceramah ataupun membentangkan kertas kerja. Dikesempatan inilah beliau telah mengemukakan wawasan dan juga falsafah perjuangan beliau (Abim) yang sungguh mengkagumkan.

Di sinilah kita rasakan bahawa Anwar tidak boleh melupai akan jasa-jasa Abim terhadapnya. Anwar harus ingat kalau tidak ada Abim mungkin dia tidak akan jadi terkenal seperti hari ini. Kehebatan Anwar itu sehingga orang lebih mengenali Anwar itu daripada Abim, dan ada menganggap bahawa Abim itu Anwar dan Anwar itu Abim. Macamlah ketika itu Pas itu Asri, Asri itulah Pas. Ada juga orang kata ABIM itu sebenarnya ialah A ..nwar B ..in I ..brahi ..M.

Bagaimanapun, sayang seribu kali sayang, harap panas sampai ke petang rupanya hujan di tengah hari. Anwar tidak sanggup untuk lebih lama memimpin Abim. Beliau terpaksa meninggalkan gerakan Islam itu dan mengubah haluan perjuangannya dengan menyertai Umno dalam tahun 1982.

Kemasukan Anwar dalam Umno menimbulkan kontroversi, dan memeranjatkan banyak pihak. Apa lagi kerana sebelum itu beliau sendiri beberapa kali menafikan tidak akan berjuang dalam politik. Beliau tidak akan menyertai mana-mana parti politik. Beliau telah menafikan beberapa kali baik secara lisan ataupun melalui kenyataan kepada akhbar, yang beliau tidak akan melibatkan diri dalam pertubuhan politik.

Dalam *BINTANG TIMUR* 30 Januari, 1978. Anwar menegaskan beliau tidak akan bertanding dalam pilihanraya akan datang (1982) dan kalau ianya ditawarkan ianya akan menolak.

Kota Bharu, Ahad - Yang Dipertua Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Encik Anwar Ibrahim telah menafikan berita-berita yang menyatakan bahawa beliau telah memasuki parti politik dan akan bertanding dalam pilihanraya akan datang dalam kawasan Kubang Pasu Kedah.

Beliau membuat penafian itu ketika berucap merasmikan muktamar Abim cawangan Kota Bharu di hadapan 400 orang ahli di Dewan Muhammadi di sini kelmarin.

Katanya, berita-berita seumpama itu adalah tidak berasas dan palsu sebab sehingga hari ini beliau masih belum menganuti dan menganggotai mana-mana parti politik yang ada dalam tanahair sekarang.

Beliau memberitahu, ada orang menyatakan bahawa beliau akan bertanding dalam kawasan tersebut kerana beliau ada melawat kawasan itu baru-baru ini tetapi lawatan itu semata-mata atas urusan dakwah sahaja.

“Sehingga hari ini saya belum menganuti mana-mana parti politik dan tidak berminat pun untuk memasuki sama ada Pas, Umno ataupun Berjasa,” tegas beliau.

Beliau menambah “biarlah saya tidak menjadi ahli Yang Berhormat kerana tujuan sebenar saya ialah mahu Abim dihadkan jadi gelanggang politik.

Beliau lalu mengingatkan jika ada pucuk pimpinan Abim baik peringkat pusat atau negeri yang berminat memasuki mana-mana parti politik mereka hendaklah meletakkan jawatan dari Abim agar tidak akan menimbulkan kontravasi antara pemimpin-pemimpin Abim itu.

Itulah kenyataan Anwar dalam surat khabar. Tetapi beberapa hari selepas itu beliau telah menyertai Umno. Kemungkaran Anwar berhubung dengan sikapnya itu dianggap sebagai pembohongan pertama yang beliau pernah lakukan sepanjang beliau memimpin Abim.

Ramai sahabatnya dalam Abim menasihatinya agar tidak menyertai Umno, tetapi Anwar tidak menghiraukannya. Beliau tetap juga dengan keputusan itu, kononnya beliau mempunyai strategi tertentu demi kepentingan perjuangan Abim juga. Antara rakan terdekat beliau yang membantah keputusannya itu termasuklah Ustaz Ghani Shamsuddin, Cikgu Dahlan Perlis dan beberapa orang lagi. Setengah rakan Anwar berdoa agar Allah memberikan kekuatan jiwa selama beliau berada dalam Umno!

Kemasukan Anwar dalam Umno memang tidak sia-

sia untuk dirinya sendiri. Anwar menjadi lekas popular. Dalam sekelip mata sahaja beliau telah mendapat kedudukan yang istimewa. Dan kerana keistimewaan yang beliau dapat dan diberikan kepadanya itulah menyebabkan beliau tidak disenangi oleh beberapa tokoh Umno. Mereka tidak puas hati dengan kejayaan Anwar.

Sebaik sahaja beliau menyertai Umno, beliau terus diberi mandat untuk bertanding di Parlimen Permatang Pauh. Setelah menang beliau terus dilantik menjadi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Sebenarnya perlantikan Anwar itu sebagai *consesi* kerana sanggup menyertai Umno.

Jawatan itu telah memberi nafas dan penghidupan baru kepada Anwar. Bermula dengan jawatan itulah beliau mulai merasakan lebih sedap dikerusi empuk daripada kerusi kayu sewaktu menjadi Pengerusi Yayasan Anda Akademik dulu.

Dan bintang hidup beliau terus bersinar apabila beliau dipilih menjadi Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia apabila mengalahkan Datuk Suhaimi Datuk Kamaruddin dengan kelebihan 10 undi. Jalan hidupnya dalam Umno juga mula terbentang luas. Anwar terus melangkah dan melangkah dengan penuh berambisi sekali.

Dengan kemenangan itu juga beliau telah dinaikkan pangkat dengan dilantik menjadi menteri penuh. Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan.

Selepas beliau menang dalam pilihanraya umum 1986 kedudukan beliau lebih mantap lagi apabila ditukar pula ke Kementerian Pertanian, sebagai Menteri, dan beliau berada hampir dengan kemuncak, apabila dalam 1987 beliau dipilih sebagai Naib Presiden Umno dan dilantik menjadi Menteri Pendidikan dalam tahun 1988 hingga ke hari ini.

Ramai orang beranggapan dengan kedudukannya ini beliau akan mencapai cita-citanya untuk menjadi Perdana Menteri. Ukuran ini mungkin berdasar kepada kebiasaan yang telah lalu, di mana kebanyakan Menteri Pendidikan akan menjadi Perdana Menteri. Tetapi ada juga Menteri Pendidikan tidak menjadi Perdana Menteri.

Dan ramai juga orang berkata kemasukan Anwar ke dalam Umno itu telah membunuh tokoh-tokoh veteran Umno. Dan lebih parah dari itu, dengan kemasukannya juga, merupakan salah satu faktor terbelah duanya Umno. Sejauh mana dakwaan itu benar, kita boleh tengok dan nilai sendiri.



Ini dia betapa seksinya salah seorang peminat Anwar. Gadis ini tidak ada apa-apa affair dengan Anwar. Dia cuma minat kepada Anwar sahaja. Ternyata sejak masuk Umno Anwar sama glamour dengan artis-artis tanahair.

ANWAR YANG KITA KENALI



Inilah wajah isteri Anwar, Dr. Wan Azizah Dato' Dr. Wan Ismail...dia hanya pakai telekong. Bayangkanlah macam mana telekong Dr Wan akan bergoyang kalau dia menari?

2

**ANWAR DIPERANGKAP
DAN TERJERAT**

LAMAI yang terperanjat dan berdukacita apabila Anwar telah menyatakan pendirian politiknya dengan menyertai Umno. Orang yang paling berduka cita ialah sahabat-sahabatnya dalam Abim. Harapan ahli-ahli Abim untuk melihat Anwar kekal sebagai pemimpin mereka seterusnya muncul sebagai pemimpin tunggal kepada sebuah gerakan Islam (Abim) hancur berkecai, bak kaca terhempas ke batu.

Ahli Abim berbelah bagi menerima keputusan Anwar itu. Setengah menyokong, setengah yang lain menentang dan beberapa kerat berkecuali. Ahli Abim yang sudah dihinggapi virus Umno, sangat bergembira dengan tindakan Anwar itu. Sementara yang sudah dijangkiti bibit-bibit Pas, pula menjadi sebaliknya.

Sesungguhnya, tindakan Anwar menyertai Umno itu memberi impak besar kepada Abim. Kerana dari tindakan itulah menyebabkan perpaduan Abim sudah terjejas. Kesatuan dan ukhwah ahli Abim yang sangat padu sebelum itu tiba-tiba menjadi retak, apabila ahli-ahli Abim ikut sama mengikut sentimen politik masing-masing sebaik sahaja Anwar memulakannya.

Mungkin kalau Anwar tidak terburu nafsu menyertai Umno, kekompakkan dan kekuatan Abim tidak akan lumpuh. Abim mungkin jadi bertambah kuat sehingga hari ini. Ukhwah serta kemantapan Abim dapat dijaga. Mungkin Abim sudah subur dan membesar, melebarkan wilayah serta dapat menyebarkan sayapnya membentuk empayar sekurang-kurangnya Nusantara ini, walaupun tidak ke seluruh pelusuk alam seperti Darul Arqam.

Ternyata selepas penyertaan Anwar ke dalam Umno, Abim menjadi lemah dan gerakan itu selepas ayam kehilangan ibu. Semangat kawan-kawan yang setia dalam Abim turut tergugat. Mereka seperti habis bateri menghadapi kehilangan Anwar. Mereka seperti patah semangat untuk meneruskan perjuangan. Namun kerana perjuangan mereka bukannya didasarkan kepada kreadibiliti dan meneruskan azam peribadi Anwar sebaliknya di atas kesedaran dan tuntutan agama, mereka teruskan juga walaupun Anwar Ibrahim telah pamit pada ABIM dan berpaling tadah dalam perjuangan.

Setengah pendapat mengatakan tindakan Anwar itu bukan sahaja menyebabkan Abim retak, tetapi ia telah memusnahkan kemurnian cita-cita dan perjuangan Abim sebelum ini. Langkah Anwar itu juga dikira sebagai membelahkan Abim kepada tiga bahagian, satu kepada Umno (mengikutnya) dan satu lagi kepada Pas (memprotesnya). Sementara sebahagian lagi yang pendiriannya macam ular air, Umno boleh terima, Pas boleh masuk.

Surat khabar Watan 17 Jun, 1983 di dalam artikelnya bertajuk "Kemasukan Anwar Dalam Umno Jadi Jalan Untuk Menghancurkan Pas" telah menghuraikan panjang lebar mengenai kemasukan Anwar ke dalam Umno. Dan artikel itu juga turut mengulas mengenai telima yang dihadapi oleh anggota Abim.

"Bagi orang-orang Umno kemasukan Anwar ke dalam Umno dan menyertai kerajaan boleh dikatakan tidak menimbulkan apa-apa masalah sama sekali lebih-lebih lagi kemasukannya itu dapat menguntungkan dan menguatkan Umno dan dengan harapan bekas pemimpin Abim yang banyak pengalaman dan bijak bercakap mengenai harakah Islamiah itu dapat dipergunakan untuk bantu memukul dan menghancurkan Pas dan disifatkan sebagai ekstrem dan apa yang dibuat oleh kerajaan semuanya tak betul.

"Bagi orang-orang Pas mereka pasti menentang. Kerana mereka sudah dapat mencium dan membaca sejak dari awal lagi bahawa kemasukan Anwar ke dalam Umno yang kononnya mahu berjuang dari dalam itu, sebenarnya bukan tujuan hendak memperjuangkan Islam yang syumul dan dengan niat yang benar-benar ikhlas dan jujur dari dalam.

"Bagi orang-orang Abim pula ada yang pro dan ada yang kontra. Mereka yang fanatik dengan pegangannya bahawa dasar perjuangan Abim tidak menyebelahi mana-mana parti politik dan Abim akan menyokong mana-mana yang baik tidak kira sama ada parti itu Umno, PAS, DAP, sosialis dan sebagainya, maka mereka menyokong Anwar masuk Umno. Tapi bagi mereka yang melihat persoalan perpindahan harakah dari harakah yang Islam dari yang tidak Islam itu

sebagai soal prinsip yang tidak ada tolak ansurni maka mereka menentang Anwar, walaupun mungkin mereka masih boleh duduk bersama-sama dengan golongan yang menentang Anwar, demi menjaga paduan Abim se Malaysia”

“Anwar sebelum menyertai Umno dan kerajaan ialah seorang yang disifatkan sebagai pemimpin harakah Islamiah (Abim). Perginya menyertai Umno yang telus jelas bersifat sekular dan bercampur aduk dengan fahaman pragmatik, nasionalis, liberal dan berbagai lagi yang mana semuanya itu jelas bertentangan dengan ajaran dan roh Islam, bererti Anwar telah menyengatkan diri atau menukarkan letak duduknya dari orang yang dulunya menyokong dan menghayati harakah yang bersifat Islam, kepada mendokong dan memperjuangkan harakah yang tidak Islam atau Islam yang tidak tulen. Islam yang sekular.

“Langkah Anwar itu bukan sahaja bercangganya dengan prinsip, dasar, keadaan dan menu Islam sendiri, bahkan tidak pernah dilakukan oleh para nabi, rasul, nabi, sahabat tabi'in, ulamak-ulamak mujahid dan pejuang Islam yang gigih dari dahulu hingga sekarang kecuali apa yang dilakukan oleh Dr Hassan Turabi yang khabarnya menjadi guru kepada Anwar.

“Tetapi Hassan Turabi sebenarnya tidak tergolong dalam senarai ulamak yang mutabar atau ulamak yang mujahid. Beliau sekadar orang yang pernah memimpin gerakan Islam di Sudan. Oleh sebab beliau merasa bermacam tidak yakin dan diselubungi berbagai kebingungan, ditambah dengan ketidak sanggupannya menhadapi tribulasi perjuangan, maka beliau berijtihad memilih jalan singkat berjuang dengan menyengatkan diri dengan kerajaan”

Demikian rencana yang dipetik dalam Watan berhubung dengan tindakan Anwar menyertai Umno. Rencana itu juga turut membuat tafsiran bahawa kemasukan Anwar ke dalam Umno itu membawa maksud dan tujuan tertentu. Dan untuk mencapai tujuan itu beliau sanggup menggadaikan maruah dan prinsip perjuangannya.

Seperti dikatakan tadi, bahawa kemasukan Anwar ke dalam parti Umno telah menimbulkan kontrovesi. Ini kerana sebelum itu, beliau bukan sahaja menafikan menyertai Umno sebaliknya dengan lantang menyelar Umno malahan pernah memijak bendera merah putih Umno. Yang memeranjatkan lagi, beliau sebelum itu lebih cenderung untuk menyertai Pas daripada Umno.

Sebelum beliau menyertai Umno, Anwar sangat akrab dengan Pas. Beliau sering bersama Pas dan kadang-kadang mengadakan ceramah di satu pentas dengan Pas. Apa yang disuara dan dilaungkan ketika itu juga senada dan seirama dengan apa yang dilaung dan dituntut oleh Pas. Iaitu berjuang untuk menghapuskan penindasan dan kezaliman, menuntut keadilan dan kesamarataan serta pembentukan sebuah Darul Islamiah.

Dan lebih mengkagumkan sewaktu Anwar baik dengan Pas beliau tanpa segan silu dan berlapik kata, menuduh Umno sebagai parti asobiyah (kebangsaan), zalim dan berbagai tuduhan lagi yang kalau kita dengar seakan tidak percaya beliau akan menyokong parti berkenaan kemudiannya.

Keakraban dan persamaan nawaitu dan gagasan perjuangan Anwar dengan Pas ketika itu, menyebabkan dia telah digossipkan akan menyertai Pas. Namun hakikat yang berlaku disebaliknya, Anwar tidak menyertai Pas tetapi menyertai Umno.

Orang Pas sangat kecewa dengan tindakan itu. Mereka kerugian besar, dan menuduh Anwar hanya berselindung di sebalik parti itu sahaja untuk mencapai niat yang besar. Secara tidak langsung Anwar telah menggunakan bulan Pas untuk naik ke langit yang lebih tinggi. Mulai saat itulah Pas telah menzahirkan kemarahan dan juga mengangkat "bendera perang" kepada Anwar yang dianggap munafik kerana mungkir janji!

Apa yang Pas ingin sangat kepada Anwar waktu itu ialah tidak lain dan tidak bukan kerana pengaruh Anwar dan terpesona dengan bentuk perjuangan Islam Anwar. Lagipun, kewibawaan dan ketokohan yang ada kepada Anwar amat sesuai untuk menjadi pemimpin parti Islam berkenaan.

Pas juga dikatakan ketika itu sangat berharap kepada Anwar akan memimpin Pas, mengambil alih tempat Datuk Mohd. Asri yang sudah tua dan kekecewaan idea perjuangan. Anwarlah masa itu yang didoikan dan diharap untuk memimpin Pas, walaupun Pas sendiri sudah mempunyai tokoh-tokoh yang tidak kurang juga wibawanya kalau dibanding dengan Anwar.

Ketua Penerangan Pas sekarang Haji Subky Latip

ketika itu begitu yakin bahawa Anwar akan menggantikan Datuk Asri. Dalam bukunya "Siapa Selepas Asri" Subky telah mengariskan panjang lebar akan kesemburnaan dan kewibawaan diri Anwar untuk memimpin Pas.

Dan Subky begitu optimistik sekali yang sahabatnya itu akan menurut jejak langkahnya. Hubungan Subky dengan Anwar waktu itu seperti isi dengan kuku. Subkylah yang susah payah mengadakan kenduri meraikan majlis "perkahwinan lari Anwar" disebuah hotel di Kuala Lumpur.

Apa menyebabkan Anwar diharap mengganti Datuk Asri ialah kerana keduanya mempunyai banyak persamaan. Yang jelas keduanya mempunyai pandangan yang sama terhadap Islam dan uslub perjuangan. Anwar dan Datuk Asri lebih suka kepada Islam terbuka daripada Islam fanatik dan berfahaman sempit yang dianuti oleh beberapa kerat pemimpin Pas saat itu.

Mereka (Datuk Asri dan Anwar) hanya mahukan aspek-aspek luaran Islam sahaja seperti pembangunan fizikal, ekonomi dan ilmu dunia dituruti, sedang aspek dalaman seperti undang-undang dan juga syariat Islam tidak perlu dituruti. Pada pandangan mereka soal-soal dalaman itu sebagai primitif dan tidak sesuai di zaman ini.

Justeru persamaan itu juga menyebabkan orang menganggap bahawa Anwar Ibrahim itu adalah anak didikan politik Datuk Haji Mohd. Asri.

Sebenarnya kemasukan Anwar dalam Umno melalui jalan yang sangat jauh. Anwar sendiri tidak mengetahui bahawa jalan mana yang dia lalui sebelum masuk ke rumah Umno. Tau-tau dia sudah berada dalam bilik di rumah Umno. Ini terjadi mungkin kerana beliau terlalu mempercayai cakap-cakap paku rujuknya dan juga tidak dapat menyelami tipu helak dan muslihat musuh.

Sekurang-kurangnya ada dua pihak yang bertanggungjawab membawa masuk Anwar ke dalam Umno. Dua-dua pihak itu mempunyai kepentingan tersendiri. Keduanya untuk mencapai matlamat yang sama. Cuma bezanya, satu pihak menggunakan Anwar untuk kepentingan peribadinya sahaja dan satu pihak lagi mempunyai kepentingan lebih luas dan besar dari itu.

Pihak itu ialah Umno sendiri. Dan pihak kedua ialah musuh-musuh Islam yang terdiri daripada orientalis Barat yang memangnya hendak melemahkan kebangkitan Islam di Malaysia yang mereka tengok begitu memberangsangkan.

Khabarnya antara tokoh dalam Umno dikatakan bertanggungjawab mengheret Anwar masuk ke dalam Umno ialah Tengku Razaleigh Hamzah. Ku Li dikatakan terpaksa membawa masuk Anwar ke dalam Umno untuk dijadikan alat menghancurkan Pas. Kemungkinan ini ada benarnya kalau ditengok hubungan Ku Li dengan bapa Anwar Ibrahim, di mana Ku Li pernah menawarkan saham Industrial Oxygen Incorporated sebanyak \$400,000 kepada bapak Anwar. Dan pemberian itu kini telah diungkit balik oleh Ku Li apabila

Anwar tidak bersamanya, reaksi ini semakin membebankan lagi kemungkinan itu.

Boleh jadi juga pemberian saham yang bernilai 8 juta kini, merupakan sebagai bayaran sagu hati diatas kejayaan ayah Anwar, memujuk Anwar menyertai Umno.

Sebenarnya Umno sangat memerlukan kepada Anwar kerana Anwar boleh dijadikan aset dalam perjuangan Umno. Selain Umno merasa selamat kerana Anwar tidak akan menjadi seterunya, ianya boleh mengimbangkan tokoh muda dalam Umno. Dengan masuknya Anwar itu sekurang-kurangnya Umno boleh mendabik dada bahawa ianya juga mempunyai tokoh Islam yang berkelibar.

Hakikat ini memang benar dirasa. Kerana kebanyakan tokoh-tokoh yang terdapat dalam Umno ketika itu dan sampai sekarang, seorang pun tidak mempunyai pendidikan dan semangat Islam. Semuanya terdiri daripada tokoh-tokoh sekular yang berpendidikan barat. Yang berjuang melalui Umno untuk kepentingan peribadi dengan mengamalkan fahaman nasionalisme yang sempit.

Disebabkan hal demikian jugalah, tokoh-tokoh itu merasa cuak dan cemburu dengan kemasukan Anwar. Mereka merasakan diri mereka tercabar. Antara tokoh-tokoh sekular Umno yang tidak senang dengan kemasukan Anwar ketika itu ialah, termasuk Datuk Musa Hitam, Datuk Rais Yatim, Adib Adam, Rahim Tamby Chik, dan ramai lagi.

Jelas kepada kita kenapa Umno begitu inginkan Anwar, pertama takut Anwar menyertai Pas, kedua untuk dijadikan alat bagi menghancurkan Pas, ketiga untuk memenuhi kekosongan tokoh berjiwa dan bersemangat Islam dan keempat untuk membunuh bibit-bibit Islam yang semakin berkembang dalam diri Anwar sendiri.

Demikian juga matlamat pihak kedua itu. Malahan mereka mempunyai perancangan lebih jauh daripada itu. Orientalis Barat bukan sahaja hendak membunuh benih Islam dalam tubuh Anwar dan sekaligus mahukan memperalatkan Anwar supaya "membantutkan" mana mana bibit Islam yang kemungkinan wujud dalam Umno.

Untuk melaksanakan cita-cita demikian maka mereka mencari jalan dan berusaha sedaya upaya untuk membekukan Anwar ke dalam Umno. Mereka memilih Umno kerana mereka sudah kira, bahawa selain daripada Umno, tidak mungkin niat mereka itu akan tercapai.

Orientalis Barat lebih suka menggunakan "pe-sejuk" bernama Umno untuk membekukan Anwar (dan mengharapkan Anwar menjalankan proses kebangkitan) kerana lain-lain parti tidak mungkin berjaya. Lagipun mereka sudah tahu, bahawa perjuangan Umno sama sahaja dengan perjuangan mereka kerana parti itu dibentuk diatas landasan material dan mengamalkan budaya imperialis Barat.

Rancangan penjajah (orientalis) itu lebih meny

mangkan lagi apabila mereka telah menggunakan beberapa Orientalis Barat yang dianggap tokoh modernisasi Islam yang kebetulan pula menjadi Guru dan pakar rujuk Anwar. Antara mereka itu ialah Prof. Ismail Farouqy yang dibunuh oleh Islam Palastine, Abu Sulaiman Rektor UIA sekarang dan beberapa orang lagi.

Selain musuh-musuh Anwar mendampingi dirinya secara langsung untuk mengepung dan memerangkanya, pihak musuh Anwar juga telah mengatur strategi macam mana hendak melemahkan gerakan Abim ketika itu. Antaranya bagaimana para nasionalis Umno telah mengupah musuh Islam diluar negeri menerbitkan sebuah majalah Islam. Penerbitan majalah itu semata-mata untuk memberi gambaran bahawa gerakan dakwah dan perkembangan Islam di Malaysia ketika itu tidak ditekan seperti mana yang didakwakan oleh Anwar.

Dengan wujudnya penerbitan yang dimanagekan oleh tokoh tokoh Umno (musuh Anwar) itu, menyebabkan perhatian dan kepercayaan sahabat Islam luar negeri kepada dakwaan Anwar agak menurun. Peranan propaganda yang dimainkan oleh majalah berkenaan juga menyebabkan orang umum menganggap Anwar sengaja mahu merosakkan imej kerajaan melalui dakwaan itu.

Tidak cukup dengan langkah penerbitan majalah Islam itu, kerajaan Umno di bawah pimpinan Hussein Onn ketika itu, berusaha pula membawa masuk beberapa tokoh Islam Timur Tengah yang sebelum ini

at bersimpati dengan perjuangan Anwar. Mereka ialah yang telah memberi semangat dan bantuan kewangan kepada Anwar melalui Abim.

Salah seorang tokoh yang berjaya diperdaya oleh Umno untuk membantu menafikan dakwaan Anwar sebelum ini ialah Sheikh Mutaain, Pakar Hadith dan Universiti Al Azhar Mesir.

Sheikh ini dibawa khas ke Malaysia untuk meninjau mengenai perkembangan Islam secara lebih dekat. Sewaktu datang ke Malaysia Sheikh ini telah dibawa melawat ke tempat-tempat yang yang dikira boleh mempesonakanya tentang perkembangan Islam di Malaysia. Sheikh ini juga berjaya diperdayakan oleh Umno sehingga beliau menafikan dakwaan Anwar yang mengatakan Islam di Malaysia tertindas.

Itulah kemisterian yang menyelubungi kemasukan Anwar ke dalam Umno. Kemasukan itu jelas bukan di atas kemahuan hati Anwar yang sebenarnya. Apa lagi di atas persetujuan harakahnya (ABIM) terdahulu Abim. Sebaliknya kemasukan itu jelas di atas tipu belah musuh-musuh Islam dan kepentingan mereka untuk menghancurkan Islam.

Jadi disebabkan kemasukan itu melalui jerat patung dan bukan di atas kemahuan Anwar seratus peratus, sudah pasti penghijrahan Anwar itu sedikitpun tidak menguntungkan Islam dan perkembangan syaria Islam di sebelah sini. Sebaliknya penghijrahan itu telah melorongkan ruang yang luas kepada musuh Islam.

untuk menguasai Umno khasnya dan menghancurkan Islam di Malaysia.

Dan dari perkembangan dan suasana itulah menampakkan kepada kita bahawa Sdr Anwar Ibrahim yang dibanggakan sebagai tokoh dan mujahid moden Islam, sebenarnya seorang pejuang yang masih belum terisi dengan ilmu-ilmu Islam dan mempunyai wajah jihad yang kental.

Jiwa beliau masih kosong dengan roh Islam sebenarnya, cuma apa yang ada kepada Anwar hanya semangat dan slogan-slogan lunak sahaja.

Keadaan itu sewajarnya berlaku ke atas Anwar, kerana beliau sebenarnya bukan seorang ulamak, sebaliknya hanya seorang peminat Islam sahaja. Yang mampu memukaukan orang ramai dengan pidato-pidatonya yang dibumbui dengan kata-kata besar tentang maruah dan kesucian Islam.


Kerana kalau dadanya sudah mempunyai roh dan semangat jihad serta kecintaan kepada Islam sebenarnya, beliau tidak akan mudah terperangkap dan terjerat oleh janji-janji manis pihak tertentu. Beliau juga tidak akan mudah mengadaikan maruah diri dan perjuangannya selama ini kalau jiwanya yang besar itu memiliki ciri-ciri mujahid sebenar.

Kalau beliau sudah mempunyai keyakinan diri dan tauhid yang utuh kepada kesucian perjuangan Islam, pasti walaupun apa akan terjadi ke atas dirinya hatta dibunuh beliau akan bersama dengan harakah Islam.

Beliau akan mempertahankan prinsip serta nawaitu asalnya dalam perjuangan.

Tetapi kerana beliau tidak mempunyai kekuatan Islam, tidak yakin dengan janji-janji Allah maka beliau rela meninggalkan rakan-rakannya. Meninggalkan perjuangan Islamnya yang diagung-agungkan selama ini semata-mata kerana dibayangi oleh kebendaan bersifat duniawi. Padahal beliau tidak tahu, yang melingkungi segala tawaran dan bujukan manis itu, adalah seutas tali keramat yang akan menjerut mati lehernya pada bila-bila masa sahaja.

Maka atas hakikat demikian dapatkah kita menerima Anwar sebagai mujahid?



Anwar terjempit dan terperangkap di celah-celah wanita. Sewaktu dalam Abim dulu Anwar tidak berpeluang untuk bergambar kenangan begini. Tetapi bila masuk Umno... tengoklah sendiri belapa hebatnya Anwar berada di tengah-tengah wanita!

3

**WAJAH BARU BUDAYA
BARU**

SEBAIK sahaja Anwar "murtad" dan menukar bahtera perjuangannya dari Abim ke Umno, beliau mengalami perubahan sikap dan pemikiran secara drastik sekali. Perubahan itu semua sungguh memeranjatkan para sahabat dan golongan yang memujanya sebelum ini. Mereka seolah tidak percaya bahawa Anwar menjadi begitu cepat berubah. Orang-orang yang selama ini setia dan mengikutnya dari belakang jadi terperanjat besar seperti punggung dicucuk dengan besi panas melihat segala gerak geri dan perilaku Anwar Ibrahim. Mereka tidak percaya kalau Anwar dalam Umno adalah Anwar yang pernah menjadi pemimpin Abim yang warak!

Laku dan perangai Anwar benar-benar seperti si buta baru celek. Atau seperti si tuli baru dapat mendengar, si kudung baru mendapat kaki palsu dan si pekak baru dapat bersuara.

Anwar memandang apa saja yang dia teringin hendak tenguk dengan mata barunya itu. Dia berjalan ke mana sahaja yang dia teringin tanpa batas dan sekatan dengan kaki palsunya itu. Dia mendengar apa jua bunyi yang terlintas di telinganya tanpa sebarang

sekatan. Dan beliau bercakap juga seberapa banyak yang dia hendak bercakap, dan apa juga topik, walaupun semua yang dia ucapkan itu bertentangan dengan apa yang dia lafazkan sebelum ini.

Kalau sebelum ini dia menghentam Umno sebagai parti sekular dan menuduh kerajaan zalim dan penindas, tetapi setelah dia menyertai Umno semua tuduhan-tuduhan dan caci cercanya itu ditarik balik. Dia menukar celaan itu dengan memuji dan ampu Umno dengan sejuta kebaikan.

Anwar telah menjilat kembali segala ludah-ludahnya sebelum ini. Beliau menjilat bersama tahi ayam dan segala macam najis yang berkumpul di air ludahnya itu. Dia melupai segala apa yang dipegang sewaktu matanya buta dulu. Dia telah melupai apa kata-kata yang diucapkan sewaktu dia bisu dulu. Dia juga lupa di manakah tempat dia berpijak semasa kakinya kudung dulu. Dan dia juga sudah tidak ingat bagaimana perit dan pedihnya kezaliman yang kerajaan lakukan ke atas batang tubuhnya sendiri.

Pendeknya Anwar benar-benar menjadi baru. Dia seperti baru terlepas dari tempurung Abim yang mengurungnya selama ini. Yang memelihara dan membentuk peribadinya sebagai seorang pemimpin Islam. Dia melupai itu apabila dia memasuki dunia baru – Umno. Dan dunia baru itu jugalah menyebabkan Anwar benar-benar melupai dirinya sendiri dan para sahabatnya yang lain.

Bagaimanapun perubahan yang berlaku ke atas diri

Anwar itu tidak memerhatikan pemerhati dan mereka yang menasihatinya sebelum ini. Kerana mereka sudah mengagak terlebih dahulu, jika Anwar menyertai Umno dia tidak akan dapat mempertahankan lagi prinsip dan konsep perjuangannya sebelum ini. Dia akan *surrender* kepada Umno dan terpaksa menuruti apa jua yang dikehendaki oleh dasar-dasar perjuangan nasionalisme Umno.

Para sahabat dan juga pengikutnya baik dalam Abim ataupun harakah lain tidak habis-habis berastaghfirullah panjang melihat telatah Anwar. Hari ini para pemerhati politik yang sebelum ini mengagumi akan pendirian dan juga komitment Anwar terhadap Islam amat merasa keciwa dengan perubahan mendadak itu. Apa yang mereka harapkan kepada Anwar selama ini sudah musnah dalam sekelip mata sahaja.

Anwar berubah dan musnah kerana wang dan kuasa!

Kerana bimbang apa yang sedang berlaku ke atas Anwar kinilah menyebabkan rakan-rakannya dahulu susah payah menasihatkan beliau agar tidak menyertai Umno. Mereka sudah mengagak, bahawa Anwar tidak akan dapat menggagahkan diri bila berada dalam arus perjuangan Umno yang banyak mungkar daripada kebenaran itu.

Tetapi apa boleh buat, Anwar waktu itu sudah tidak dapat ditahankan lagi. Dia sudah tidak mendengar nasihat sesiapa pun. Apa yang terbayang di rua-

ngan matanya ialah jawatan-jawatan besar dalam Umno serta kekayaan dan kekuasaan.

Walaupun Anwar telah berkata bahawa kemasukannya ialah untuk membaiki Umno dari dalam, namun kata-kata itu tinggal sebuah kata-kata saja. Anwar tidak mampu berbuat apa-apa. Sampai sekarang orang masih menanti apa yang dapat Anwar lakukan melalui Umno baik untuk kesinambungan perjuangan beliau dalam Abim maupun demi kepentingan Islam di Malaysia.

Sewaktu berada dalam Abim dulu, Anwar bukan main lantang lagi menyuarakan pelbagai tuntutan Islam. Segala masalah katanya boleh diselesai dengan Islam. Baik masalah pendidikan, ekonomi, kesihatan dan sebagainya, semuanya boleh diselesaikan dengan Islam. Perpaduan juga boleh diselesai dengan Islam.

Cita-cita Anwar bukan setakat itu sahaja, beliau juga pernah berkata bila dia sudah berada dalam Umno nanti, beliau akan turut mengubah sistem kewangan (banking) yang mengamalkan riba yang diamalkan hari ini kepada sistem Islam yang diredhai serta memberi keadilan dan membantu yang miskin.

Tetapi nampaknya segala yang Anwar cakapkan itu tinggal sebagai kata-kata sahaja. Beliau tidak laksana-kannya ataupun mencuba. Sebaliknya yang berubah bukan sistem-sistem kehidupan, bukan sistem pemerintahan yang kufur itu, tetapi yang berubah ialah pemikiran, budaya dan peribadi beliau sendiri.

Begitu juga dengan perpaduan. Hingga kini kita

belum nampak apakah formula perpaduan yang telah Anwar anjurkan. Sebaliknya apa yang kita tahu, perpecahan kaum dan juga orang-orang Melayu khasnya dalam Umno menjadi lebih parah lagi sejak Anwar menjejak kaki secara rasmi dalam parti itu. Anwar bukan menjadi pedamai, sebaliknya tukang adu domba dalam Umno.

Perubahan drastik yang amat ketara kepada Anwar ialah disegi berpakaian. Walaupun Anwar pernah mengatakan bahawa Islam tidak memaksa dalam berpakaian, tetapi ianya merupakan satu budaya yang telah ditentukan menurut fitrah dan syariat Islam. Pakaian bagi orang Islam mestilah menutupi aurat.

Sewaktu dalam Abim pakaian Anwar sungguh bersopan sekali. Amat kena sebagai seorang pejuang Islam. Dia kelihatan ikhlas dan menyakinkan kita semua. *Brother* kita ni selalu sahaja bersongkok, kain sarung dan berbaju Melayu.

Kemana-mana beliau pergi itulah pakaian beliau. Baik sewaktu ceramah ataupun di majlis-majlis tidak rasmi. Jarang kita melihat Anwar memakai baju ataupun fesyen yang tidak digalakkan oleh Islam. Cuba tenguk gambar-gambar lama Anwar, sebelum dia memasuki Umno, mana ada Anwar pakai kot ataupun tali leher. Tak ada langsung?

Beliau begitu istiqamah dengan pakaian Islam Abim dan kita tenguk Anwar waktu itu begitu manis dan serdahana dengan pakaian seumpama itu. Walaupun pakaian Abim itu pakaian Melayu dan tidak pakai-

an budaya Islam sebenarnya, tetapi sekurang-kurangnya kita sudah dapat berbangga dengan corak pakaian begitu. Ianya lebih sopan dan manis berbanding dengan apa yang menjadi rutin Anwar hari ini.

Tetapi segala pakaian itu berubah sama sekali. Beliau dilantik menjadi Ahli Parlimen, Anwar tidak lagi mengenakan pakaian lama itu. Anwar sudah melupak bentuk pakaiannya dulu.

Beliau lebih senang mengenakan *kot, longsuit dan necktie*. Nampaknya Anwar ini bukan tidak istiqamah dalam satu jemaah (Abim), pakaiannya juga berubah-ubah mengikut masa dan suasana.

Apa yang menyedihkan lagi, Anwar bukan sahaja setakat telah menanggalkan baju Abim (Islam?) sebaliknya telah menjadi penentang pula kepada mereka yang hendak mengamalkan pakaian Islam. Sepatunya kalau dia sudah rasa panas dengan baju Melayu dan kain pelikat, beliau tidak sepatutnya tentang kalau ada orang lain hendak pakai, kerana pakaian itu adalah budaya Islam.

(Kita rasa waktu inilah waktu paling sesuai kalau Anwar hendak pakai kain sarung ataupun jubah kerana dia kini sudah ada kereta yang beraircondition. Kalau pakai pun dia tidak panas seperti dulu lagi. Dulu Anwar naik bas mini sahaja hendak pergi ke mana-mana. Keadaannya panas dan melekat tapi Anwar tahan juga pakai kain sarung dan baju Melayu)

Bukti beliau menentang pakaian Islam, apabila

beliau tidak memperduli langsung rayuan lapan orang siswi Universiti Teknologi Malayasia (UTM) yang dipecat kerana mempertahankan pakaian purdah sewaktu Dollah Badawi menjadi Menteri Pelajaran dulu. Sikap tidak peka Anwar itu jelas bahawa beliau menolak pakaian Islam.

Dalam menghadapi isu purdah di UTM itu, Anwar tidak sepatutnya meneruskan tindakan Dollah Badawi. Beliau sepatutnya membenarkan siswi berkenaan meneruskan pengajian mereka yang hampir tamat itu. Dan paling bagus Anwar membenarkan mereka memakai purdah.

Kalau Anwar membenarkan siswi pakai purdah dan membela lapan orang siswi UTM itu sudah pasti imej Anwar akan naik. Orang akan *salute* kepada beliau sebagai tokoh yang benar-benar mahukan kepada Islam tidak hanya bercakap sahaja. Tetapi keadaan jadi sebaliknya.

Sesungguhnya peristiwa pemecatan lapan orang siswi UTM 1987 kerana mempertahankan purdah itu sungguh mengaib dan mengecewakan umat Islam. Apa lagi menteri yang bertanggungjawab seorang Islam, yang waktu itu sungguh lantang melaungkan perjuangan Islam.

Dan yang menyedihkan pula sudahlah beliau tidak dapat berbuat apa-apa kerana hendak menghormati kehendak pemimpin Umno yang jahil mengenai budaya dan hukum Islam, beliau pula menempelak balik siswi-siswi berkenaan sebagai kolot dan keras kepala.

Perubahan sikap Anwar bukan setakat itu sahaja, beliau juga telah menukar budaya hidupnya. Dari budaya sopan santun kepada budaya berbau maksiat, Anwar kini mula pandai berada di tengah-tengah majlis yang dikerumuni oleh bukan muhrim dan bersalam-salaman dengan perempuan tanpa alas.

Dalam Abim dahulu Anwar tidak pernah berbau demikian. Malahan hendak bercakap dengan perempuan pun beliau malu-malu, apa lagi bersalaman dan duduk-duduk berdekatan tanpa ditemani oleh muhrim. Selisih malaikat 44 Anwar tidak buat.

Begitu juga Anwar tidak pernah hadir di majlis majlis keramaian berbau maksiat, apa lagi majlis *cocktail* dan minum-minum sambil berdiri dan diiring muzik jauh sama sekali. (Masa dalam Abim dulu yang penuh kesedaran dan keberkatan). Tetapi kini apabila masuk Umno, apa yang beliau tidak buat dulu, yang beliau larang dan tentang dulu, semuanya beliau buat. Malahan beliau pula yang menjadi taukeh kepada sesetengah kegiatan berkenaan dengan melakukan upacara perasmian.

Itulah perubahan peribadi Anwar. Perubahan itu menunjukkan Anwar tidak dapat mempertahankan peribadi luhurnya sebelum ini. Beliau terpaksa korbankan itu semua semata-mata hendak mengikut gerak-tari dan juga gelombang dalam Umno. Anwar bukannya sahaja mengadaikan prinsip dalam mengejar pangkat, sebaliknya beliau ikut sama menodai sifat-sifat luhurnya sebelum ini. Sebenarnya perubahan yang berlaku ke atas Anwar terlalu banyak untuk ditulis. Ianya telah

menjadi satu pengetahuan umum. Kanak-kanak Tadika yang dianjurkan oleh Abim sendiri pun tahu.

Dan satu berita yang sungguh memeranjatkan kita semua ialah khabarnya Anwar kini sudah pun pandai menari. Sebelum ini kita hanya tahu beliau memang seorang yang meminati lagu-lagu Hindustan hingga semua lagu-lagu dalam filem **Sangam** dihafalnya. Menurut seorang rakannya bila seseorang di atas kereta Anwar selalu menyanyi lagu Hindi. Tetapi pasal menari kita tidak tahu. Dan dulu dia tidak pun pernah menari.

Tetapi sejak masuk Umno, bukan menyanyi sahaja, katanya menari tenggo dan caca pun dia sudah pandai. Masya-Allah...tidak dapat saya gambarkan bagaimana rupa dan bentuk tarian Anwar. Mungkin sumbang ataupun boleh mengalahkan **Michael Jackson**.

Cerita Anwar menari ini sudah heboh ke serata Malaysia. Mungkin juga telah dirakam di video. Kejadian ini dikatakan berlaku di Pulau Langkawi sewaktu Mahathir dan beberapa orang menterinya mengadakan mesyuarat kabinet di pulau itu. Selepas penat-penat mesyuarat mereka dikatakan adakan sedikit "majlis menari" bukan majlis kenduri! Di majlis itu seorang menteri dikatakan menari dengan isteri Anwar Dr Wan Azizah sementara Anwar pula menari dengan isteri menteri berkenaan. Bertukar-tukar isteri katakan, ala Mat Salleh.

Katanya majlis tari menari ini sebagai majlis adik

beradik sahaja. Nak seronok-seronok dan tak ada apa-apa yang lebih *hot* dan istimewa dari itu. Kalau ada *hot* pun kita tidak tahu kerana majlis itu tertutup. (Nak tahu cerita lanjut tanya Timbalan Ketua Pemuda Pas Muhammad Sabu)

Anwar tahu sangat perbuatan seumpama itu haram, tetapi kerana mau menghormati majlis itu apa lagi dihadiri sendiri oleh PM dia terpaksa biarkan juga. Lagipun apa hendak kisah sangat, menari sebagai adib beradik apa salahnya, perlembagaan Umno tidak mencegahnya!

Sebenarnya untuk mengelakkan terlibat dengan perkara-perkara maksiat seperti itulah, maka kawan-kawannya dahulu melarang beliau daripada memasuki Umno. Niat kawan-kawannya dulu ikhlas untuk melindungi Anwar sentiasa bersih. Kerana mereka sudah arif bila menyertai Umno, seseorang itu terpaksa mengikut budaya jahiliah dan juga sosial Umno.

Biarlah dia seorang ulamak, maupun wali, bila menerjunkan diri ke dalam Umno, ianya tidak dapat melarikan diri daripada turut sama melakukan perkara-perkara mungkar dan maksiat. Kalau tidak begitu pun mesti bersyubahat.

Tengok sahaja apa sudah jadi kepada Tan Seri Wan Mukhtar Ahmad, Ulamak besar Umno. Beliau juga tidak dapat mengelakkan dirinya dari terlibat dengan kemungkaran yang Umno lakukan. Padahal keilmuan dan kewarakan Tan Seri Mukhtar lebih tinggi daripada Anwar Ibrahim. Namun beliau tidak

berjaya juga mengawal dirinya dari turut sama tepalit dosa yang wujud dalam Umno. Ulamak besar itu terikut-ikut juga budaya hendak kaya seperti kebanyakan pemimpin Umno.

Bukan sahaja soal pakaian dan sikap Anwar yang berubah menjadi baru, tetapi pandangan, konsep, prinsip dan aqidah perjuangan juga telah banyak berubah. Bagaimanapun apa yang paling membimbangkan kita ialah mengenai dasar perjuangannya.

Kita tidak tahu ke mana kiblat perjuangan Anwar kini. Kita begitu ragu melihat beberapa tindak tanduk beliau terutama berhubung dengan dasar Islam yang beliau laungkan sebelum ini. Kalau dulu kita sering mendengar laungan dan keluhan beliau berhubung dengan Islam, tetapi hari ini semuanya menjadi senyap sunyi.

Selama hampir 10 tahun beliau berada dalam Umno, kita belum dengar sekali pun dia menjerit hendak mendaulahkan Islam seperti sebelum ini. Anwar tidak pernah mengeluarkan kenyataan-kenyataan dinamik dan konkrit berkaitan dengan Islam. Apa yang kita dengar hanya pengumuman-pengumuman beliau mengenai cita-cita lamanya sahaja. Sementara dalam tindakannya beliau lebih banyak menumpukan kepada pembangunan fizikal daripada pembangunan insan yang menjadi falsafah pendidikannya sebelum ini.

Sewaktu dalam Abim dahulu beliau bersungguh hendak mewujudkan pendidikan rabbani. Penubuhan

Yayasan Anda Akademik, ialah permulaan ke arah penyediaan sekolah akademik yang berlandaskan kepada Islam. Waktu itu Anwar begitu dhaif untuk membangun serta meluaskan bidang pendidikan di Akademik berkenaan. Kita boleh kata beliau begitu terbatas sekali dan tidak mempunyai kuasa menyebabkan dia tidak berjaya.

Tetapi hari ini setelah mempunyai kuasa penuh sebagai menteri, beliau boleh buat apa yang pernah beliau lakukan sewaktu dalam Abim. Tetapi nampaknya kuasa dan kesempatan yang banyak itu tidak juga digunakan untuk merealisasikan hasratnya itu.

Sehingga hari ini kita belum terdengar lagi, yang Anwar mengemukakan apa-apa cadangan untuk mengubah sistem pendidikan negara yang sekular kepada Islam yang berteraskan kepada iman, tauhid dan taqwa. Malahan apa yang berlaku sekarang ini bukan sahaja setakat menerapkan konsep pendidikan sekular itu secara meluas, sebaliknya unsur-unsur kemungkar dan jahiliah turut diamalkan sama dalam sistem pendidikan hari ini.

Misalnya apa yang berlaku di Universiti Malaya jelas menunjukkan sesuatu yang kontras dengan jiwa dan semangat Anwar sebelum ini. Semua bentuk kegiatan maksiat wujud di universiti itu. Daripada hiburan *rock heavy metal* sampai ke masalah rasuah. Boleh dikatakan sepanjang tahun ada-ada sahaja pertunjukan pentas gila-gila di kampus universiti tersebut.

Dan yang aneh lagi bila ada golongan pelajar yang

mewarisi semangat Islam Anwar dulu, cuba menghalang kegiatan maksiat itu, Anwar diam membisu. Anwar bukan menyokong, tetapi melarang pelajar berkenaan kononnya agar rasional dengan membiarkan kemungkarannya dan maksiat itu berleluasa di kampus. Tidak cukup menyatakan bangkangan dengan sikap sinisnya, dibenarkan pula universiti menggunakan polis untuk menahan mana-mana pemimpin pelajar yang membantah aktiviti kufur itu di bawah akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Dan tindakan politik yang melibatkan perubahan dasar perjuangan Anwar terbaru ialah berhubung dengan pindaan Akta Pendidikan 1990. Pemansuhan Seksyen 21/2 melalui pindaan itu amat memalukan dan mendayuskan bangsa Melayu. Dengan terpindahnya akta berkenaan, Menteri Pendidikan kini tidak lagi berhak untuk berkuasa ke atas Sekolah-Sekolah Kebangsaan China dan Tamil.

Kita naik bingung dengan telatah Anwar itu. Yang aneh orang lain berjuang untuk berkuasa dan mempunyai seberapa banyak kuasa, tetapi beliau rela pula memansuhkan kuasa yang ada kepadanya. Kita tahu Anwar berbuat demikian untuk mengambil hati kaum Cina dan India, tetapi langkah itu ternyata tidak bijak, kerana pemberian itu telah melebihi dari sepatutnya.

Banyak pihak yang kurang senang dengan tindakan Anwar itu. Dan tindakan itu membuktikan bahawa dasar perjuangan Anwar telah banyak berubah. Dari seorang pejuang Islam dan menuntut ketuanan Melayu kepada pejuang yang ingin menyerahkan kuasa

Melayu dan menjadi Pak Ampu nombor satu.

Jadi inilah yang dikatakan pemuda pejuang ketuanan Melayu?

Dulu beliaulah di antara jaguh pemuda kita yang mempelopori gerakan Islam melalui Majlis Belia Malaysia (MBM) dan juga Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) Waktu itu beliaulah yang lantang mahukan keadilan dan kesaksamaan. Dan sewaktu memimpin Pergerakan Pemuda Umno, beliaulah yang lantang menyuarakan kepentingan dan hak-hak Melayu.

Tetapi setelah menyertai Umno dan menjadi ayah kepada anak-anak Umno beliaulah pula yang menentang gerakan yang beliau sendiri bangunkan itu. Dan banyak tindak tanduknya kini cuba menyerahkan martabat dan kuasa Melayu kepada orang lain.

Sikap dan hubungan Anwar dengan harakah-harakah Islam lain juga turut berubah. Dulu Anwar tidak hentam Pas, malahan menganggap Pas sebagai parti alternatif Islam. Dia bela PAS cukup-cukup. Kalau ada orang hendak haramkan Pas, dialah yang awal-awal memberi komen mengatakan tindakan itu tidak patut.

Sewaktu Tan Seri Syed Ahmad Shahabuddin menjadi Timbalan Menteri Dalam Negeri bercadang hendak mengharamkan Pas, Anwarlah menjadi gantinya yang mempertahankan Pas. Macam-macam beliau kata kepada Syed Ahmad.

Tetapi setelah dia masuk Umno, merasai nikmat

kerusi Parlimen dan juga Menteri, dia pukul Pas balik. Dia godam Pas balik. Semua kebaikan Pas yang dia sendiri puji sebelum ini, dia sudah tidak nampak lagi. Kita tahu Anwar terpaksa buat begitu, tetapi sikapnya itu melampau sangat.

Sewaktu Dr Mahathir menyifatkan parti Pas lebih bahaya daripada komunis dan merayu Pas supaya menurut jejak langkah komunis membubarkan parti itu, Anwar tidak komen apa. Dia diam seribu bahasa. Padahal kenyataan yang dibuat oleh Dr Mahathir itu lebih parah daripada apa disebut oleh Syed Ahmad Shahabuddin lapan tahun lalu.

Begitu juga hubungan beliau dengan Darul Arqam. Sewaktu dalam Abim dulu, Arqam lah sahabat Anwar Ibrahim. Kalau ada apa-apa masalah atau hendak adakan apa-apa aktiviti keagamaan, Arqam lah yang dipanggil. Arqam lah tempat diajak berunding. Berkira macam mana hendak menggerakkan dakwah di Malaysia. Acap juga beliau berulang alik ke Sungai Penchala.

Tetapi sebaik sahaja dia masuk Umno, duduk dalam kumpulan "toghut" dia sudah tidak kenal Arqam lagi. Dia sudah lupa bagaimana nikmat dan berkatnya makan nasi dalam dulang. Malahan bukan setakat lupa sahaja, dia kata pula makan nasi dalam talam itu fanatik. Dia bantai Arqam cukup-cukup dan sanggup bersengkokol dengan Yusuf Nor yang dia benci untuk memperkecilkan Arqam.

Kalau lihat secara umum Anwar memang tidak anti

kepada Arqam. Dia cerdik dia tidak kritik dalam negeri. Dalam negeri dia suruh orang lain yang kritik seperti Yusof Noor tetapi dia bantai di luar negeri. Bila ada kesempatan berjumpa dengan pelajar luar negeri di situlah dia kritik Arqam habis-habisan. Tuduh Arqam sesat, songsang dan sebagainya. Mungkin kita tidak percaya kalau orang lain yang memberi tahu tentang sikap Anwar ini, tetapi kerana ianya berlaku di hadapan pelajar Arqam sendiri, susah juga hendak menolaknya. Anwar pernah kritik Arqam dalam satu majlis pertemuan dengan pelajar di Jordan. Dalam majlis itu pelajar Arqam ada sama, di situlah kepuraan-puraan Anwar terhadap Arqam terbongkar.

Anwar nampaknya tidak mahu berkawan dengan Arqam lagi. Dia sudah lupa sahabat lama. Dia sudah lupa dengan Ustaz Ashaari Muhammad, sudah lupa dengan Haji Abdul Halim Abbas dan beberapa orang lagi yang selalu sahaja mengunjungi dan berdiskusi dengan beliau dulu.

Anwar lebih senang berkawan dengan parti-parti China, MCA, Gerakan dan MIC. Sebab itulah kini dia selalu membela kawan-kawannya dalam parti-parti itu. Kalau ada orang hentam MCA, dia akan bangkit membelanya. Dalam ribut-ribut Umno hendak tawar Pulau Pinang, beliau beri jaminan Pulau Pinang akan tetap diserahkan kepada MCA. Mula masuk Umno dulu, dialah juga yang lantang, lebih lantang dan Dollah Badawi untuk mempertahankan Pulau Pinang.

Tetapi hari ini sudah berubah. Anwar sudah jadi macam ular air. Dia tidak lagi bertempik melolot

mengenai Pulau Pinang. Suara lantang dan nyaringnya untuk membela umat Islam di Pulau Pinang sudah menyap dalam laut di Pulau Mutiara itu. Malahan sejak jadi Ketua Perhubungan Umno Pulau Pinang, Anwar sekalipun belum bersuara mengenai hak-hak dan kepentingan Melayu Pulau Pinang. Anwar seperti mabuk pinang sahaja sekarang ini bila mengenangkan Pulau Pinang.

Dengan sikap Anwar yang demikian menyebabkan timbul pertanyaan kepada kita, sejauh manakah keikhlasan beliau hendak memperjuangkan kepentingan umat Islam di Pulau Pinang. Kadang-kadang sikap dan kenyataan Anwar dalam soal ini begitu mengelirukan sekali.

Cuba perhatikan dua kenyataan akhbar Anwar di bawah ini. Kedua kenyataan di buat dalam jarak tidak sampai 10 tahun. Satu kenyataan ketika Anwar baru menyertai Umno, sementara satu lagi setelah beliau memperolehi kedudukan yang lumayan dalam Umno.

Kedua kenyataan ini amat kontras dan berbeza sekali. Ini juga menggambarkan perubahan sikap dan komitmennya kepada masalah itu sebelum ini. Misal dalam kenyataannya yang dibuat dalam tahun 1982, beliau lantang menyatakan tidak akan bertolak ansur dengan Kerajaan Pulau Pinang dalam menjaga kepentingan dan hak-hak Melayu dan Islam. Tetapi dalam kenyataan yang dibuat pada tahun ini (1990) Anwar seperti telah melupai apa yang beliau tegaskan dulu.

Pulau Pinang - Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Encik Anwar Ibrahim menegaskan sekali lagi bahawa masyarakat Melayu di Pulau Pinang tidak akan bertolak ansur dengan kerajaan negeri jika nasib mereka masih terus tidak dapat perhatian wajar.

Katanya, perkara tidak boleh bertolak ansur dalam hal tersebut telah diberitahunya sendiri kepada Ketua Menteri Dr Lim Chong Eu dalam satu majlis taklimat Pembangunan Negeri baru-baru ini.

Berucap merasmikan dua perkara terpenting yang diberitahunya kepada Dr Lim ialah masalah tanah yang masih terbiar, yang memerlukan perhatian serius dengan segera dari kerajaan Negeri serta permintaan bumiputera dalam berbagai ekonomi.

Dalam hubungan ini kata Encik Anwar lagi masyarakat Melayu di negeri ini tidak akan sekali-kali bertolak ansur jika masalah yang sedang mereka hadapi itu terus dipandang ringan oleh kerajaan negeri.

"Kita boleh bertolak ansur dalam hal-hal lain tetapi tidak dalam hal-hal melibatkan survival atau hidup mati orang-orang Melayu Pulau Pinang tegasnya.

(Bintang Timur 25 July, 1980)

Kenyataan tersebut menampakkan akan ketegasan dan kesungguhan Anwar dalam usaha memperjuangkan dan membela orang-orang Melayu dan Islam di Pulau Pinang. Kita pun terasa terhibur mendengar kenyataan demikian. Tetapi rupa-rupanya kenyataan itu hanya bertanam tebu di bibir mulut sahaja. Malahan Anwar tidak pun bertindak apa-apa untuk mengubah nasib

beliau pula telah melupai apa yang beliau katakan itu setelah beliau mula dirasuk oleh kuasa dan kekayaan.

Tenguk sikap Anwar yang paling akhir dalam menghadapi politik penindasan Lim Chong Eu di Pulau Pinang seperti mana yang disebut dalam akhbar. Anwar nampak sekali sudah tidak dapat mempertahankan apa yang diucapkan lapan tahun lalu. Sebaliknya beliau pula menjadi tukang ampu Lim Chong Eu.

Kuala Lumpur 19 April, Badan Perhubungan Umno, Pulau Pinang memberi sokongan dan keyakinan yang penuh kepada kepimpinan Dr Lim Chong Eu selaku Ketua Menteri di negeri itu, ketuanya Encik Anwar Ibrahim berkata hari ini.

Encik Anwar menegaskan beliau tidak nampak sebab kenapa, kepimpinan Dr Lim harus dipertikaikan.

“Kerajaan negeri juga tidak membuat apa-apa halangan untuk menjamin kejayaan bumiputera di negeri itu” katanya,

Encik Anwar yang juga Menteri Pendidikan berkata demikian ketika diminta mengulas saranan parti gerakan supaya Dr Lim Chong Eu terus bertanding dalam pilihanraya akan datang.

(Utusan Malaysia, 20hb. April, 1990)

Disini jelas bahawa Anwar telah berubah dan mungkir dengan apa yang beliau ucapkan lapan tahun lalu. Benarkah kata-kata Anwar itu? Kenapa beliau berkata demikian? Sebenar itulah sikap sebenar Anwar. Anwar tidak tegas dengan kata-katanya. Bila beliau memuji Lim Chong Eu itu menunjukkan bahawa Anwar tidak berkuasa untuk membela umat Islam di

Pulau Pinang. Dan gambaran yang beliau berikah kononnya, umat Islam di sana tidak ditekan dan bebas, itu adalah omong kosong sahaja. Anwar terpaksa berkata demikian untuk menutup kelemahan dan ketidak-mampuannya sendiri.

Mungkin dikalangan kita sudah tahu apa jadinya dengan nasib umat Islam di Pulau Pinang. Mereka sekarang sedang dihimpit sedikit demi sedikit oleh kerajaan Gerakan. Tidak mustahil kalau tidak ada pembatasan kuasa dan tindakan realistik untuk menyelamatkan Melayu, Melayu di Pulau Pinang akan senasib dengan Melayu di Singapura.

Sesungguhnya apa yang berlaku ke atas Anwar merupakan satu yang aneh dan ganjil. Satu sikap yang mengelirukan kita semua. Dan banyak tingkah lakunya tidak menguntungkan Melayu dan Islam sendiri. Apakah Anwar tidak memandang berat kepada bangsa Melayu disebabkan beliau tidak Melayu original?

Bukan itu sahaja yang berlaku ke atas Anwar. Dalam kalut-kalut orang terkilan dengan perilaku D. Vijandran kerana terlibat dengan video lucah, beliau pula susah-susah membela bekas Setiausaha Agung MIC itu. Tindakan Anwar itu sungguh memalukan Islam dan menjatuhkan moral politik beliau sendiri. Adakah menasabah, orang Islam membela orang kafir yang melakukan kerja terkutuk.

Kita arif Anwar mempunyai tujuan tertentu membela dan mempertahankan parti-parti MCA dan MIC dan individu-individu tertentu dalam parti-parti

berkenaan. Dia sebenarnya mahu berbaik dengan orang China dan India, agar mereka menyokongnya. Anwar sangat mengharap agar China Malaysia menyokongnya, kalau tidak dia tak dapat hendak jadi PM.

Itulah sebenarnya motif dan maksud Anwar. Bagaimanapun sepatutnya, Anwar tidak keterlaluan dalam membuat tindakan begitu. Beliau tidak seharusnya melukai hati orang Melayu dan Islam semata-mata untuk merebut jawatan Perdana Menteri. Beliau patut sedar bahawa yang mendoakan beliau jadi pemimpin, mendoakan beliau menang, bukannya orang-orang China dan India, tetapi orang-orang Melayu juga.

Itulah sikap dan kelakuan aneh Anwar. Semua itu adalah perubahan-perubahan yang berlaku ke atas Anwar setelah beliau menyertai Umno. Perubahan itu sebenarnya amat memeranjatkan seluruh masyarakat umum terutamanya umat Islam. Dan fenomena atau pun sindrom yang dihadapi oleh Anwar kini amat mencemaskan kita. Ianya sungguh membimbangkan. Apa lagi perubahan itu termasuk pegangan dan aqidah perjuangan suci Anwar sebelum ini.

Kita sangat bimbang seandainya Anwar leka dan terlalu mengharap apa yang ada dalam laut Umno, sehingga sanggup menggadaikan maruah diri dan perjuangan asalnya, nescaya dia bukan sahaja tidak berjaya jadi PM, tetapi beliau juga akan dibenci dan dikutuk oleh bangsa Melayu Malaysia!



"Percayalah ana akan sehidup semati dengan ante semua demi perjuangan Islam. Ana harap ante jangan tukarkan prinsip perjuangan dengan kebendaan dan pangkat. Istiqamahlah dalam perjuangan..., barangkali itulah yang dipesankan oleh Anwar kepada jemaah Arqam dalam tahun 1975. Anwar nampak segak dan manis berpakaian baju melayu dan kain sarung begitu."



Alhamdulillah! Eh..eh.. ketawa pula saudara kita ni bila dah sapu licin selalam nasi. Ustaz Ashaari pun tumpang ketawa juga. Ustaz tu ketawakan berkenangkan nasib Anwar hari ini. Dulu Anwar pandai makan dalam talam tetapi hari ini sudah pandai pula menghadhiri majlis cocktail dan pegang chopsticks.



Ustaz Haji Abdul Halim Abbas...pemimpin pelapis yang juga master-mind Arqam. Dulu seringkali bersama Anwar.

MUSUH ANWAR

KEMASUKAN Anwar Ibrahim ke dalam Umno, bukan merupakan jalan mudah untuk beliau mencapai cita-cita politik dan perjuangannya. Ianya tidak semudah naik pokok kelapa yang sudah bertakak batangnya ataupun bangunan tinggi yang disedia lif. Sesiapa yang masuk dalam Umno, terpaksa berhempas pulas untuk mencapai apa yang diidam-idamkan. Jarang orang yang naik dengan mudah, baik dalam lapangan apa sekalipun sekiranya tanpa pengorbanan dan melalui perjuangan panjang tidak mungkin ianya akan tercapai.

Kalau kita lihat para Nabi dan Rasul yang dikurniakan mujizat dan kelebihan oleh Allah pun terpaksa mengambil masa panjang untuk menang. Misalnya Nabi Ibrahim, mengambil masa 40 tahun untuk menyedarkan kaumnya. Begitu juga dengan Nabi Muhammad sendiri, terpaksa melalui berbagai liku dan suka duka untuk membangunkan Islam.

Apa lagi dengan Anwar. Walaupun beliau telah mendapat banyak keistimewaan dan diistimewakan oleh Umno, namun beliau tetap juga tidak terlepas dari tradisi dan lumrah itu. Anwar juga terpaksa

merempuh onak duri, gelombang dan badai dalam mencapai cita-cita perjuangannya.

Tanpa melalui liku dan lumrah tradisi itu Anwar tidak akan berjaya. Dan untuk melalui jalan itu merupakan satu yang rumit. Ianya perlu berhati-hati. Kalau silap sedikit dia akan tergolek jatuh ke lembah kemudian hanyut dalam laut mimpinya sendiri.

Apa lagi kemasukan Anwar itu dikatakan membawa misi dan mempunyai niat tertentu, ini menjadikan beliau lebih sukar untuk mencapai kejayaan. Kerana sudah pasti setiap langkah dan tindak tanduknya akan diperhatikan dan diawasi oleh ahli-ahli Umno.

Dalam kata lain Anwar tidak boleh bebas. Apa lagi untuk mengakui Umno itu adalah hak dia. Anwar tidak boleh pandai-pandai berbuat sesuatu. Jadi, niat Anwar untuk membaiki Umno dari dalam itu adalah satu angan-angan yang tidak mungkin tercapai dan tidak lebih dari sebuah mimpi sahaja.

Dalam usaha meluncur naik ke atas Anwar seharusnya mengambil kira realiti yang ada. Sebelum beliau terlena dengan angan-angan dan harapan besar, beliau harus tahu bahawa kerja yang dijalankan sekarang ini bukan satu perkara yang mudah. Ianya tidak ubah seperti mendaki gunung tinggi yang dijalanannya penuh dengan duri-duri tajam yang menanti untuk menikam telapak kaki.

Sebenarnya banyak contoh boleh disebut betapa Anwar bukan senang untuk menjejak kaki ke puncak.

Tengku Razaleigh yang sudah berjuang begitu lama dalam Umno masih juga belum berjaya untuk mencapai cita-citanya. Berbagai usaha sudah dilakukan termasuk terpaksa memecah belah duakan Umno tetapi Ku Li gagal juga. Akhirnya Tengku Razaleigh yang terpaksa menyisihkan diri dari Umno.

Itu Tengku Razaleigh yang punya kalibar dan tokoh besar dalam Umno, apa lagi kalau Anwar yang karisma dalam Umno belum sehebat Ku Li tentulah semakin sukar. Kalau Tengku Li yang menjadi kuda lumba dalam Umno tidak berjaya untuk merampas kerusi itu, apa lagi Anwar yang hanya dianggap sebagai kuda tunggangan tentulah semakin sukar. Tak tahu lah kalau Anwar mempunyai kuasa sakti seperti *Ninja Turtles* atau *Thunder Cats* yang tidak ada kepada Ku Li.

Apa yang kita nampak kesukaran bagi Anwar untuk naik dalam Umno ialah beliau terlalu ramai musuh-musuh politiknya. Kekuatan musuh Anwar kini lebih daripada kemampuannya untuk melawan.

Diantara tiga Naib Presiden Umno (tokoh barisan ketiga dalam Umno) yang paling ramai musuh ialah Anwar Ibrahim. Baik orang memusuhi beliau ataupun sebaliknya. Tetapi itulah hakikat hari ini. Anwar lebih ramai dikelilingi oleh orang-orang yang membencinya daripada orang yang sayang dan sanggup syahid semati dengannya.

Seperu yang diketahui kemasukannya dalam Umno itu menimbulkan kontroversi. Dalam Umno sendiri ada pihak yang suka dan ada pihak yang tidak suka

Malahan kepada sesetengah tokoh muda Umno pula merasakan dengan kemasukan Anwar itu telah mengancam masa hadapan politik mereka. Lantaran itu mereka menyifatkan kehadiran Anwar ke dalam Umno sebagai bidan terjun yang tidak perlu mereka alukan kerana boleh menggugat kedudukan mereka.

Orang-orang inilah yang menjadi musuh ketat kepada Anwar yang akan berusaha untuk menyingkirkan beliau. Dan keadaan menjadi lebih buruk lagi apabila Anwar sendiri pula begitu gelojoh dalam bertindak. Beliau tidak mendekati musuh-musuhnya itu secara baik tetapi bertindak dengan melawan secara terbuka. Dalam hal ini nampaknya Anwar lebih menuruti runtunan nafsu besarnya untuk cepat berkuasa.

Dalam menghadapi musuh politiknya ini Anwar tidak ada kebijaksanaan. Walaupun dia seorang pemimpin yang pintar dan licit kata Subky Latiff, tetapi dalam berhadapan dengan musuh-musuhnya dia gagal. Beliau suka memusuhi musuh-musuhnya daripada berkawan dengan musuh-musuhnya. Beliau berbuat demikian kerana terlalu yakin dengan kewibawaan dan ketokohan dirinya sendiri.

Musuh utama Anwar yang tidak dapat disembunyikan lagi ialah Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi. Hakikat ini tidak dapat siapa nafikan lagi. Walaupun ada sesetengah pihak dalam Umno cuba menyelindungi perkara ini, tetapi ianya seperti cuba melindungi bangkai gajah dengan sehelai daun lalang.

Saya telah membuat sedikit ulasan dan pandangan kenapa Anwar bermusuh dengan Dollah Badawi. Hari ini saya telah tulis panjang lebar dalam buku saya berjudul **MERDEKA KEDUA**. Rasanya elok kalau saya perturunkan sedikit apa yang saya tulis itu:

“Datuk Abdullah Badawi merupakan musuh paling berdendam dengan Anwar Ibrahim sekarang. Kepada Datuk Abdullah, Anwar adalah musuh nombor satu. Kalau diberi kuasa Perdana Menteri atau Presiden Umno sehari kepada Dollah Badawi orang pertama yang dia akan pecat ialah Anwar Ibrahim.

Kerana Anwarlah orang yang menghalang Dollah Badawi untuk naik ke atas. Perpindahan jawatan Pengerusi Perhubungan Umno Pulau Pinang kepada Anwar Ibrahim dalam tahun 1987 lalu merupakan pukulan paling hebat kepada Dollah Badawi. Bermula di situlah Datuk Dollah menyimpan dendam kepada Anwar seperti api dalam sekam.

Justeru itu Datuk Dollah dengan apa cara sekalipun akan menghalang Anwar Ibrahim daripada terus meluncur laju. Dia akan berusaha bermati-mati. Cuma ada satu sahaja untuk menyelamatkan orang negeri ini agar tidak terus besengketa, Mahatma hendaklah melantik Datuk Abdullah Badawi jadi Menteri Pulau Pinang.”

Itulah antara punca menyebabkan mereka bergaduh. Dari perkembangan hari ini menjelaskan kepada umum bahawa kedua tokoh itu tidak mungkin dapat duduk semeja ataupun mengadakan sebarang

kompromi. Dollah Badawi tidak akan lupa begitu sahaja apa yang Anwar lakukan ke atasnya. Dia akan tetap mencari seribu jalan untuk menghalang Anwar dari naik ke atas.

Untuk berhadapan dengan Dollah Badawi ini Anwar kena main cerita panjang. Ianya tidak boleh buat begitu-begitu sahaja. Anwar tidak boleh setakat kontrol Umno Pulau Pinang sahaja. Kalau dia boleh kontrol Pulau Pinang pun, beliau tidak boleh pasti yang orang-orang Dollah sudah bersih dalam kumpulan.

Walaupun kesemua Ketua Umno Bahagian Pulau Pinang menyokong Anwar, tetapi tidak semestinya kesemua Ahli Jawatankuasa dan rakyat dalam Bahagian-Bahagian berkenaan bersetuju dengan Anwar. Jasa-jasa dan budi Dollah Badawi sebelum ini orang masih kenang. Orang Melayu Pulau Pinang hari ini dikatakan sedang membuat perbandingan siapakah yang boleh diharapkan di antara kedua itu.

Kedudukan Anwar berhadapan dengan Dollah menjadi bertambah sulit lagi apabila Dollah dikatakan telah bersepakat dengan **Babuji Ghafar Baba**. Kita tahu Ghafar Baba juga merupakan musuh tradisi Anwar walaupun keduanya boleh berbaik dan bercakapan dihadapan ramai, mereka tidak ada dendam tetapi keretakan hubungan mereka berdua orang semua tahu.

Dan yang lebih menyulitkan Anwar lagi, Ghafar Baba juga merupakan musuh Anwar secara langsung.

Kalau Ghafar Baba setakat dipergunakan oleh Dollah untuk melindungi dan menyelamatkannya dalam Umno, keadaan mungkin tidak membimbangkan sangat, Anwar mungkin boleh bodek Ghafar Baba. Tetapi masalahnya Ghafar Baba juga merupakan pedang yang siap sedia untuk memancung leher Anwar. Dalam berhadapan dengan Anwar ini, Ghafar Baba tidak boleh bersifat "Babuji" menjadi seorang bapa yang baik kepada anaknya.

Anwar tidak mungkin dapat duduk bersama dengan Ghafar Baba. Banyak perbezaan di antara keduanya. Baik disegi latar belakang pendidikan, konsep dan falsafah perjuangan, semuanya berbeza. *Style* kepimpinan Ghafar yang primitif sudah tentu tidak disenangi oleh Anwar yang mempunyai *style* kepimpinan yang agresif dan dinamik.

Dan yang lebih parah lagi, kenapa Ghafar tidak mungkin memaafkannya ialah, mengenangkan usaha Anwar Ibrahim yang terlalu "overact" hendak "membunuh"nya dalam Umno. Apa yang disebut *grand design* yang ditimbulkan oleh Ahli Parlimen Arau Sahidan Kassim suatu ketika dulu tidak mungkin dapat dilupakan begitu sahaja oleh Ghafar.

Perang dingin dan lobi melobi di antara kedua tokoh Timbalan Presiden dan Naib Presiden itu tidak dapat siapa nafikan lagi. Ghafar Baba walaupun sudah pasti mengganti Mahathir, tetapi turut membukanya sendiri. Dia sudah membentuk kemnya untuk mempertahankan kedudukannya yang kemungkinan akan diambush bila-bila masa sahaja oleh Anwar d'enteranya.

Ghafar (mungkin di atas nasihat Dollah Badawi) telah mengumpul semua musuh-musuh Anwar duduk dalam kemnya. Dan mereka inilah sekarang yang sedang menyerang dan berperang dengan orang-orang Anwar. Di antara yang bersekutu dengan Ghafar Baba ialah Dollah Badawi sebagai Jeneral, sementara para Leftenannya pula terdiri daripada Sanusi Junid, Wan Mukhtar, Yusuf Nor, dan beberapa orang private seperti Rafidah Aziz, Hussein Ahmad, Drs Sulaiman Muhammad dan lain-lain.

Sementara mereka yang berpihak kepada Anwar Ibrahim pula terdiri dari oder baru, Ramli Ngah Talib, Mahyuddin Mat Yassin, Senator Farid Ariffin, Raja Ariffin Raja Sulaiman, Othman Abdul dan beberapa orang lagi.

Kalau dilihat di segi bilangan dan kekuatan fizikal Anwar sudah kalah. Kerana yang berada di kemnya semuanya terdiri dari golongan muda yang cetek ilmu perang (politik) dan kurang matang dalam seluk beluk bersiasah.

Mereka itulah kini yang sedang mengaturkan strategi dan melobi untuk "Tuan" masing-masing. Perang dingin ini akan berterusan sehingga ke pemilihan pucuk pimpinan Umno akan datang. Dan dipercayai Perhimpunan Agung Umno pada penghujung tahun ini hangat dan akan menentukan kem mana yang akan menguasai Umno.

Apa juga yang menyebabkan keadaan Anwar begitu terjempit dan parah ialah, kerana boleh dikatakan

semua para Jeneral yang duduk sebelah Ghafar itu merupakan musuh peribadi Anwar. Anwar tidak sahaja bermusuh dengan kem Ghafar itu, tetapi beliau bermusuh dengan peribadi-peribadi dalam kem Ghafar itu sendiri. Ini yang merumitkan.

Keadaan ini berbeza dengan Dollah maupun Ghafar. Mereka ini bergaduh hanya dengan kem Anwar, tetapi tidak dengan anggota kem. Perbezaan ini boleh memungkinkan orang dalam kem Anwar itu menyokong Ghafar apabila mereka terdesak ataupun dipujuk nanti. Sebab mereka tidak mempunyai dorongan besar dengan ketua kem (Ghafar).

Antara mereka yang berada dalam kem Ghafar Baba yang menjadi musuh peribadi Anwar ialah Ta Sri Wan Mukhtar Ahmad. Ketua Ulamak Umno ini juga tidak senang dengan Anwar. Wan Mukhtar dikatakan berbulu dengan tindak tanduk Anwar yang ego dan tidak pandai menghormati orang tua. Anwar dikatakan mengada-ngada dan bersikap ego konon Islam yang dia bawalah yang sempurna dan menperlekehkan kebolehan orang lain. Sikap Anwar yang begitu adalah dikatakan menjadi punca kenapa Ulama Umno itu tidak "ngam" dengan Ustaz Moden Umno itu.

Dan Anwar pula berdendam dengan Wan Mukhtar kerana sewaktu dia hendak menyertai Umno dulu Wan Mukhtarlah salah seorang yang tidak setuju dan cuba menghalangnya. Wan Mukhtar terpaksa berbulu begitu kerana takut kedudukannya tergugat. Bermula dari situlah keduanya bermasam muka dan banyak

khilaf-khilaf politik. Dan keadaan itu berlanjutan hingga kini.

Anwar sampai sekarang tidak boleh ke Terengganu. Kalau ada apa-apa urusan parti, Umno Terengganu tidak akan jemput Anwar. Sewaktu pilihanraya kecil Teluk Pasu Anwar tidak diundang untuk membantu calon Umno. Dan di Parlimen MP Marang Rahman Bakar telah lanyak Anwar habis-habisan dengan menimbulkan isu Syed Hussein Al Attas Naib Canselor UM.

Seorang lagi anggota kem Ghafar yang menjadi musuh Anwar ialah Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Yusof Nor. Yusof Nor juga mempunyai dendam yang tidak sudah dengan Anwar. Walaupun mereka mempunyai jiwa Islam tetapi jiwa mereka tidak pernah sama. Dari tindak tanduk mereka seakan keduanya menganuti mazhab yang berlainan.

Anwar tidak tunduk kepada Yusof Nor, manakala Yusof Nor tidak akur kepada Anwar. Anwar kata Islam caranya lebih betul, Yusof Nor pula dakwa Islam dia lebih baik. Walhasil keduanya tidak dapat duduk dalam satu masjid apa lagi untuk berjemaah bersama.

Perbalahan ataupun perlumbaan untuk menunjukkan imej masing-masing diantara kedua tokoh itu sangat ketara sekali. Misalnya kalau minggu ini Yusof Nor anjurkan majlis berbentuk Islam, seperti seminar sufi yang tidak sufi, atau sebagainya, maka sehari dua lagi Anwar pula akan menganjurkan majlis yang sama yang lebih bersifat ilmiah.

Begitulah seterusnya mereka tidak akan cuba merendahkan diri di antara satu sama lain apa lagi hendak berkerjasama membangunkan Islam. Sebenarnya Islam Yusof Nor dan Anwar Ibrahim ini dua kali lima sahaja, tidak ada yang lebih dan tidak ada yang kurang. Kalau lebih sedikit pun hanya kepada Yusof Nor kerana Yusof Nor pernah berkahwin dua dan ada janda.

Selain Yusof Nor, Datuk Musa Hitam yang tidak pernah putih itu juga musuh utama Anwar. Malahan faktor Musa ini boleh melemaskan Anwar. Kalau Musa masih pegang jawatan Timbalan Presiden Umno, Anwar tidak duduk ditempatnya sekarang.

Bukan sahaja Anwar yang berbulu kepada Datuk Musa Hitam, sebaliknya Musa Hitam juga dikatakan berbulu melihat telatah Anwar Ibrahim. Katanya antara faktor kenapa Musa Hitam tidak sependapat dengan Mahathir sedikit masa dulu kerana kehadiran Anwar dalam Umno.

Anwar dikatakan banyak mempengaruhi Mahathir dalam menentukan dasar kerajaan terutama berkaitan dengan penerapan nilai-nilai Islam sehingga pandangan yang dibuat oleh Musa Hitam tidak dipedulikan oleh Mahathir.

Sejak itu Musa mula menyuburkan benih kebencinannya kepada Anwar. Dari rentetan sejarah itu jugalah Musa Hitam sekarang ini digembar-gemburkan akan bertanding sebagai calon Naib Presiden dalam Perhimpunan Agung Umno akan datang. Sudah pasti

sebanyak penyertaan Musa Hitam itu menyusahkan sedikit langkah Anwar. Sudah tentu Musa Hitam tidak akan bersendirian, setidak-tidaknya dia akan bersekongkol dengan musuh-musuh Anwar.

Selain itu, Dollah Badawi, Musa Hitam dan Ghafar Baba, Sanusi Junid juga dimusuhi Anwar. Sebenarnya Anwar tidak patut bergaduh dengan Sanusi ini. Apa salah Sanusi, dia tidak pernah melukai hatinya. Sepatutnya Anwar jadikan Sanusi sebagai regunya yang intim. Sanusi adalah salah seorang pengasas Abim. Beliau merupakan orang nombor dua dalam Abim sewaktu Ustaz Ghazali Nawawi menjadi orang nombor satu dalam jawatan kuasa Abim yang pertama. Di waktu itu rumah tempat tinggal Sanusilah menjadi ibu pejabat berdaftar Abim.

Sanusi tidak senang hati dengan Anwar sejak dalam Abim lagi. Sanusi dikatakan tidak bersetuju cara Anwar mempergunakan agama untuk menarik perhatian umum. Sikap menggunakan agama itu kurang digemari oleh Sanusi yang tidak suka munafik dalam perjuangan. Sanusi mulai tinggal Abim pada tahun 1973. Selaku orang nombor dua dalam Abim Sanusi dikecam oleh Pak Salleh Bakar, penolong setiausaha di parlimen, orang kuat Arqam ketika itu kerana Sanusi bekerja sebagai pengurus bank sebuah institusi riba. Pak Salleh disuruh Anwar untuk mengecam Sanusi kerana Anwar takut Sanusi ambil tugas ketua Abim dari Ustaz Ghazali Nawawi yang hendak menarik diri dari kepimpinan. Salleh kini sudah mengkhianati Arqam sedangkan dengan Arqam dia belajar Islam. Dia belajar membaca Quran pun di Arqam. Bila

Sanusi mula-mula masuk Umno dan bertanding dalam pilihanraya 1974, Abim kata dia munafik. Kecaman terhadap Sanusi dibuat dalam muktamar Abim pimpinan Anwar pada tahun 1975 di Seremban.

Itu mungkin tidak menjadi masalah kepada Sanusi. Itu adalah hak Anwar. Anwar bebas melakukan itu. Tetapi apa menyebabkan Sanusi mulai kurang senang dengan Anwar, apabila Anwar cuba bermain jahat cuba hendak menjatuhkannya dari Umno. Untuk tujuan itu orang-orang Anwar diketahui telah mengadakan satu pertemuan di sebuah hotel di Kuala Lumpur membincangkan bagi menjatuhkan Sanusi dalam Umno.

Satu peristiwa yang dikatakan paling mengguriskan hati Sanusi ialah mengenai perlantikan wakil rakan Parit, Nasaruddin Alang Saidin sebagai setiausaha ke Umno. Anwar mengambil kesempatan mengemukakan nama Nasaruddin kepada Perdana Menteri semasa Sanusi berada di luar negeri.

Pada Nasaruddin, disebabkan nama beliau dicadangkan oleh Anwar kepada Presiden parti maka beliau tidak perlu setia kepada Sanusi. Dalam hal Presiden Umno tentu terfikir cadangan Nasaruddin oleh Anwar direstui oleh Sanusi. Padahal Sanusi tidak tahu menahu.

Selain bermusuh dengan peribadi-peribadi tertentu dalam Umno, Anwar juga bermusuh dengan mahasiswa. Golongan mahasiswa rata-rata membenci dan tidak suka kepada Anwar. Puncanya ialah sikap dan pembohongan beliau dalam isu Akta Universiti dan

Kolej Universiti. Sudah banyak kali Anwar berjanji hendak memansuhkan akta yang meragut kebebasan mahasiswa itu, tetapi hingga kini ianya tidak dilaksanakan lagi.

Golongan ulamak terutama ulamak tradisional yang berpegang kepada ilmu tarikat juga menjadi musuh Anwar. Anwar tidak senang dengan ulamak jenis ini yang dianggapnya boleh melemahkan Islam kerana ulamak ini benar-benar berpegang kepada Quran dan Hadith yang menjadikan sunnah Nabi sebagai budaya ikutannya.

Anwar tidak menyenangi ulamak seumpama ini kerana pada pendapatnya apa yang dibawa oleh ulamak ini tidak sesuai lagi di zaman ini. Anwar menganggapnya sebagai kolot dan ketinggalan zaman. Sebab itulah sikap Anwar kepada ulamak tradisi agak pesimis.

Sikap Anwar ini menyebabkan para ulamak merasa sakit hati dan terhina kerana mereka diperlekeh dan direndahkan oleh Anwar. Sikap Anwar terhadap ulamak sama seperti sikap Yusuf Nor yang merendahkan keilmuan ulamak.

Demikian di antara musuh-musuh Anwar dan pihak-pihak yang Anwar musuhi. Mereka ini semua sedang berdoa dan bergerak untuk menyedar Anwar supaya dia insaf dan sedar semula.

Seandainya Anwar tidak berjaya menyelesaikan pertelingkahan dengan musuh-musuhnya itu dan

meminta maaf kepada golongan yang dimusuhi, kita bimbang kedudukannya dimasa akan datang terancam. Dan keadaan ini menyebabkan Anwar akan jatuh tergolek dan akan menangis tanpa lagu.

Sepatah kata pendita, kamu disayang bila kamu benar dan jujur, dan kamu akan dibenci bila kamu bohong dan munafik.



Sanusi Junid – musuh Anwar yang tidak suka naik ke atas melalui junjung. Ideanya juga unik kadang-kadang amat kronik untuk difahami. Dia disayangi oleh Ghafar Baba dan sering mendampingi Mahathir. Ada apa-apa ke?

5

ANWAR ANAK PUNGUT!

MEMERHATI pola-pola politik Umno serta gelagak para pemimpinnya, ianya tak ubah seperti suasana dalam sebuah rumah tangga. Rumah itu mempunyai ramai anak-anak dengan seorang bapa yang sudah tua dan ganyut. Yang tidak dapat berbuat apa-apa lagi yang terpaksa mengikut apa sahaja kemahuan si anak-anaknya secara membabi buta.

Dalam rumah Umno itu Mahathir lah yang menjadi bapa, sementara anak-anaknya pula ialah terdiri daripada para pemimpin Umno (menteri). Anak-anaknya yang ramai ini sangat mengharapkan belaian dan kasih sayang dari si ayah. Masing-masing berusaha untuk mengambil hati orang tua, supaya orang tua lebih menyayangi diri masing-masing.

Masing-masing telah bersaing diantara satu sama lain. Berlumba-lumba untuk mendapat perhatian lebih daripada si ayah. Macam-macam feel dan telatah si anak itu. Mereka menggunakan berbagai taktik dan strategi untuk menang. Masing-masing kalau boleh biarlah si ayah hanya menyayangi diri mereka sahaja, dan tidak pada yang lain.

Misalnya kalau si ayah akan pulang dari luar negeri atau dari mana-mana, adalah yang bertenggek di tangga menanti kepulangan itu. Mereka akan sambut Mahathir dengan kalungan bunga, berpelukan dan mencium tangan tanda hurmat. Mereka akan puji apa jua yang Mahathir bawa balik hatta kalau pun seketaj najis. Mereka akan tetap mengatakan cantik dan baik.

Ada yang lain pula membodek si ayah dengan memberi hadiah. Mereka akan membeli hadiah yang mahal-mahal dan istimewa semata-mata untuk dipersembahkan kepada si ayah itu. Kadang kala untuk menyediakan hadiah ini, mereka terpaksa berhutang ataupun pujuk mana-mana orang kaya supaya membelinya. Habis duit sedikit mereka tidak peduli, yang penting hati si ayah itu senang dan gembira.

Dan ada juga sanggup melakukan sesuatu yang ganjil untuk menarik perhatian ayah. Misalnya mengadakan majlis kenduri ataupun pesta secara besar-besaran. Adakan majlis tari menari dan minum-minum. Anak ini tidak kira lagi apakah majlis itu haram ataupun haram, dilaknat syaitan ataupun direstui malaikat. Kepadanya asalkan hati si ayah itu senang dan gembira, mereka akan lakukan. Soal dosa dan pahala duduk nombor tiga.

Dan paling ganjil sekali ada si anak yang sangat hipokret. Anak ini mengada-ngada dan bercerita kepada umum, kononnya dialah anak yang paling disayangi oleh si ayah. Bila berjumpa saja dengan sesiapa baik temannya ataupun lawannya dia akan memberitahu bahawa dialah anak harapan ayahnya.

Yang paling memalukan lagi, dia sanggup juga memberi tahu kepada adik beradiknya sendiri, yang tinggal dalam rumah yang sama, konon dialah anak yang akan diharap oleh ayahnya untuk menjaga apa-apa pusaka ayahnya kelak.

Nah begitulah juga apa yang berlaku dalam parti Umno dan Presidennya Datuk Seri Dr Mahathir Muhammad. Mahathir dijadikan seorang ayah tua dan kematiannya ditunggu untuk mendapatkan sebarang pusaka. Semua menteri-menterinya baik berbangsa Cina, India dan lebih-lebih lagi Melayu, berusaha untuk mengambil hati Mahathir. Mereka mengharap-kan agar Mahathir akan memilih mereka untuk menerima pusaka selepas dia mati (melepas jawatan) nanti.

Telatah yang paling menyolok mata dalam hal ini ialah dikalangan menteri-menteri dari parti Umno. Ini mungkin kerana mereka menyedari menteri dari bangsa merekalah (Melayu) yang berhak untuk menerima pusaka jawatan Perdana Menteri. Sebab itu mereka nampak egois dan mengada-ngada berbanding dengan menteri-menteri Cina dan India.

Keadaan itulah yang memusingkan kepala Mahathir. Anak-anaknya dalam Umno semuanya menonjolkan diri dan bergaduh sesama sendiri kerana berebut-rebut untuk mengambil hatinya. Mereka tidak habis-habis bergaduh. Lepas satu hal satu hal yang timbul. Lepas satu isu, satu isu yang diungkitkan. Keadaan itu tidak pernah reda dan selesai.

Anak-anak Mahathir dalam Umno ialah; yang sulong bernama Abdul Ghafar, anak keduanya Anwar Ibrahim, anak ketiga Dollah Badawi, anak keempat Sanusi Junid, anak kelima Mat Rahmat, yang juga dikenali dengan nama Mat Bulat, kerana mukanya bulat macam guli. Kelima Musa Hitam dan beberapa orang "anak angkat" termasuklah Yusof Nor, Hussein Ahmad, Rafidah Aziz dan lain-lain.

Semua anak-anak Mahathir itu mempunyai sifat dan kelakuan yang aneh. Masing-masing mempunyai sifat dan keunikan tersendiri. Ada perangai dan syak masing-masing. Keadaan itulah menyebabkan Mahathir selalu sahaja sakit jantung memikirkannya.

Misalnya anak sulong beliau Encik Ghafar Badawi walaupun tidak mempunyai kelulusan akademik yang tinggi seperti anak-anak lain, tetapi beliaulah yang boleh diharap menjadi Timbalannya. Ghafar hanya lulus Sijil Pelajaran Malaysia sahaja.

Nasib baik ada anak sulong itu, kalau tidak entalah macam mana Mahathir. Tanpa bantuan Ghafar yang banyak pengalaman itu, mungkin agak susah jugalah untuk mentadbir rumah tangga. Anak yang bernama Mat Bulat itu pula bersifat aneh kerana suka membongok benda-benda besar. Yang Mahathir berbulu denganya, semua benda besar yang dia buat, satu pun tidak menguntungkan rakyat. Membazirkan wang sahaja.

Yang bernama Yusof Nor (anak angkat Mahathir) dia ni belajar di Mesir. Ianya juga memening kepala Mahathir kerana dianggap sewel oleh orang-

ramai. Walaupun dia menuntut di Mesir, tetapi tidak boleh diharap. Niat Mahathir mahukan Yusuf Nor menjadi Tok Imam ataupun Tok Kadhi, tolong dia terapkan nilai-nilai Islam tapi lain pula yang jadi.

Beliau bukan hendak fikirkan macam mana nak tolong Mahathir sebaliknya beliaulah yang cuba melenyapkan Islam. Bermusuh dengan badan-badan dakwah. Menghukum orang itu sesat dan orang salah. Tarikat itu bercanggah dan tarikat ini songsang. Perangai Yusof Nor ini menyebabkan maruah Mahathir seorang bapa tercemar.

Orang naik bingung dengan telatah si Yusof ini. Katanya Mahathir sudah menyesal kerana ambil Yusof menjadi anak angkatnya. Lebih baik kalau dibiarkan Yusof ini terus duduk di Universiti Kebangsaan Malaysia jadi pensyarah, dan jaga budak-budak universiti itu supaya tetap mengampu dan menyokong Umno.

Bagaimanapun dalam ramai-ramai anak Mahathir itu, yang bernama Musalah yang paling hero sekali. Dialah yang sangat digeruni oleh Mahathir. Musa sekarang ini dah jadi anak tiri Mahathir. Hubungan mereka sudah pun renggang apabila Musa berkongsi hidup dengan Tengku Razaleigh dalam tahun 1987 dulu.

Musa dikatakan anak paling hero, kerana dialah satu-satunya anak Mahathir yang berani melawan bapak. Musa tidak lawan langsung juga, tetapi dia lawan Ghafar Baba abangnya. Bila dia lawan Ghafar dan berpakat dengan Tengku Razaleigh, samalah

seperti dia lawan Mahathir, kerana Ghafar anak sulung dan menjadi ganti tubuh Mahathir.

Tetapi walaupun derhaka, lawan orang tua, Mahathir punya hati baik juga. Apabila melihat Musa macam kera sumbang, dan tidak ada sesiapa hendak beri makan dan pakai, diambil pula tinggal bersama dalam rumahnya. Dipungut Musa dan dihantar semasa "belajar" di Bangsa-Bangsa Bersatu dengan harapan dia akan cerdik dan balik boleh membantu Mahathir ataupun abangnya si Ghafar.

Seorang lagi anak Mahathir yang tidak berjaya (bagus) ialah Dollah Badawi. Si Dollah ini dulu menjadi harapan Mahathir untuk masa hadapan. Dia dididik dan puja Dollah macamlah dia tidak ada anak-anak lain. Tetapi si Dollah ini ada perangai tidak baik. Dia menuruni abangnya si Musa. Dollah juga lawan tauke dan derhaka kepada orang tuanya.

Si Dollah ini tidak ada prinsip. Sekejap dia sayu kepada Mahathir, sekejap dia lawan Mahathir. Hati macam pohon lalang. Ke mana angin bertiup ke situ lah dia akan tunduk dan ikut. Walhasil hidupnya tidak menentu sekarang. Nasibnya dalam Umno seperti melukut di hujung gantang.

Bagaimanapun, dalam ramai-ramai anak Mahathir itu, yang paling aneh dan ganjil serta tidak malu-malu (immoral) sekali ialah, Anwar. Sebenarnya anak yang bernama Anwar ini anak pungut Mahathir. Mahathir mengahaminya ketika dia bergolek seorang diri di jalan setelah dia meninggalkan "ibu kandung"nya, Abim.

Niat Mahathir ambil Anwar ini memang baik. Dia sayang dan kesian kepada Anwar. Budak Anwar ini comel dan berwajah cerdik. Maka peliharalah Mahathir akan Anwar. Dibelinya segala permainan yang mahal-mahal dan ditukar pakaian lama Anwar kepada pakaian baru. Anwar sungguh seronok terhadap apa yang dilakukan oleh Mahathir itu.

Memang Mahathir sangat mengharap Anwar suatu hari nanti akan menjadi orang besar dan boleh menggantinya mentadbir negara. Tetapi sangkaan Mahathir itu salah. Si anak pungut ini menjadi tidak sedar diri. Dia jadi syok dan perasaan sendiri. Dia sudah lupa akan dirinya yang sebenarnya. Dia ingat dia anak benar Mahathir. Bila Mahathir timang dia.. dukung dia.. dia lupa bahawa dirinya sebenarnya anak pungut sahaja.

Semakin hari semakin jadi besar kepala dan egois. Dia bergaduh dengan adik beradik lain. Sehingga semua adik beradik lain tidak senang dengan telatahnya. Yang paling memeningkan kepala Mahathir ialah apabila dia pandai-pandai menjual cerita kepada orang ramai termasuk adik beradiknya konon Mahathir sayangkan dia.

Ke mana dia pergi dia akan timbulkan cerita itu. Tanpa segan silu dia akan katakan, dialah yang paling disayangi oleh Mahathir. Malahan dia berani mendakwa kalau ada apa-apa berhubung dengan dasar "rumah tangga" Mahathir akan rujuk atau bertanyakan pendapatnya dulu. Wah... begitu hebat sekali.

Sikap melampaunya ini telah menimbulkan

masalah kepada Mahathir. Kerana itu adik beradik lain, termasuk yang sulung tidak senang dengan Anwar. Mereka anggap Anwar sudah melampau. Tidak sedarkan diri yang dia itu anak pungut yang tidak berhak menerima pusaka. Diam-diam mereka berpaku ramai-ramai dan memperotes Anwar.

Mengenang nasib Anwar ini teringat kita kepada kisah Nabi Musa dengan Firaun. Nabi Musa telah menjadi anak angkat Firaun. Dia telah diutuskan oleh Allah untuk memasuki istana Firaun dan membesarkan situ seterusnya menghancurkan kerajaan Firaun. Firaun bukan main sayang lagi kepada Nabi Musa. Dia juga mengharap suatu hari nanti Nabi Musa akan jadi penggantinya, memegang pemerintahan Firaun yang kejam.

Tetapi bila Nabi Musa besar, Nabi Musa tidak jadi seperti diharapkan itu. Sebaliknya Nabi Musa melawat Firaun dan menumbangkan kerajaan toghut dan jahiliah itu.

Tetapi nampaknya Anwar ini bukan seperti Nabi Musa itu. Peranannya masuk ke dalam istana Mahathir bukan hendak menghancurkan kerajaan itu, sebaliknya menambahkan kekufuran dan mendokong pemerintahan kerajaan Mahathir. Dan apa yang malangnya, beliau juga tergila-gila untuk menjadi seperti Mahathir meneruskan pemerintahan kufur itu. Peranan Anwar dengan Nabi Musa ternyata jauh berbeza.

Anwar selalu mendakwa dirinya disayangi Mahathir. Benarkah Mahathir sayangkan kepada :

pungutnya itu? Apakah alasan yang diberikan oleh Anwar untuk mendakwa dirinya yang paling disayangi oleh Mahathir? Ataupun dakwaan itu hanya helah dan politik beliau sahaja yang berniat hendak membolot harta Mahathir?

Sebenarnya apa yang Anwar gembar-gemburkan itu tidak masuk akal. Dia hanya perasaan sahaja yang Mahathir sayangkan dia. Dia sudah silap buat tafsiran. Bila Mahathir melebihi dia berbanding dengan adik beradik yang lain, dia ingat Mahathir sayangkan dia. Padahal Mahathir berbuat begitu hendak mengambil hatinya sahaja, kerana dia anak pungut.

Kalau Mahathir benar-benar sayangkan Anwar, Mahathir sudah pasti tidak akan melantik anak sulongnya Ghafar untuk menjadi timbalannya. Kerana kalau dibandingkan di segi kelulusan, rupa paras, kewibawaan dan ketokohan ternyata jauh Anwar lebih berkemampuan. Tetapi Mahathir pilih Ghafar juga untuk menjadi pembantunya.

Kalau betul Mahathir sayangkan Anwar, beliau tidak akan ambil semula Musa Hitam derhaka duduklah dalam rumah Umno. Mahathir tidak akan beri tugas kepada Musa menjadi Duta Khas Bangsa-bangsa Bersatu. Perlantikan itu boleh memberi peluang kepada Musa untuk menguasai semula Umno. Bila dia sudah kuasa Umno pasti Anwar akan dicampak ke awar.

Dan kalau sungguh Mahathir sayangkan Anwar, kenapa dia biarkan Syed Hussein Al Atas Naib

Canselor UM itu disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR)? Sedangkan apa yang dilakukan ke atas Syed Hussein itu boleh menjejaskan Anwar kerana dia bertanggungjawab mengimport balik tokoh sosialis pulang ke Malaysia.

Kalau benar Mahathir sayangkan Anwar dia tidak akan buat semua itu. Dia tidak akan lantik Ghafar Baba jadi TPM, dia tidak akan memberi muka kepada Musa, dan Mahathir tidak akan cuba menjatuhkan imej Anwar melalui beberapa tindakannya. Dia kalau dia sayangkan Anwar dia akan bela Anwar habis-habisan, ataupun mempromotkan Anwar untuk naik ke atas.

Kesimpulannya dakwaan Anwar yang Datuk Sri Mahathir sayangkan itu hanya sebuah dongeng politik sahaja. Ianya sengaja diadakan oleh Anwar untuk menunjukkan yang dia menjadi anak emas Mahathir. Padahal hakikat sebenar yang terselamlubuk hati Mahathir, Anwar samalah dengan tokoh Umno lain.

Anwar dalam kaca mata Mahathir samalah seperti Mat Bulat, Hussein Ahmad, Megat Junid, Yusof Nordin dan beberapa orang lagi, dimana peranan mereka tidak lebih daripada tukang tampal poster kempenn sahaja. Semuanya Mahathir anggapkan mereka sebagai "hamba abdi" yang tidak ada lebih dan tidak ada kurang.

3

ANWAR DAN ABIM

MEMBICARAKAN soal Anwar Ibrahim kita tidak boleh melupakan Abim. Sebut Anwar akan teringat kepada Abim. Nama Anwar dan Abim seperti kembar Siaran. Ada satu mesti ada yang satu lagi. Sebut satu, aka-tersebutlah yang satu lagi. Kadang-kadang Anwar ini lebih terkenal daripada Abim.

Soalnya kenapakah Anwar telah meninggalkan Abim? Apakah yang tidak kenal dengan harakah tersebut?. Sehingga ianya ditinggalkan begitu sahaja oleh ketuanya dan juga orang yang mengasaskannya. Boleh dikatakan semua mereka yang membangunkan Abim telah meninggalkan harakah itu. Apakah sebab musababnya?

Kenapakah Abim jadi begitu. Kenapa nasibnya buruk. Ada ketua, ketua lari. Apakah puncaknya? Mungkinkah kerana Abim dikira tidak dapat membuat sesuatu yang lebih bermakna kepada pemimpinnya, maka pemimpinnya terpaksa melarikan diri dan mencari wadah baru?

Dalam perhatian saya, Abim tak ubah seperti buah wadah yang menjadi batu loncatan kepada p-

memimpinnya. Mereka yang memimpin Abim, bukan mahu berjaya dengan Abim, tetapi sekadar menjadikan asas untuk mereka bergerak dengan lebih luas dan jauh lagi. Mereka masuk Abim hendak mencari kepopularitian sahaja. Dalam erti kata lain, kepada mereka Abim hanya gelanggang untuk belajar berkokok.

Kalau kita perhatikan ramai tokoh-tokoh Abim berjuang tidak sampai sekerat jalan. Mereka akan tinggalkan Abim dan menyertai harakah lain. Yang ketara ialah badan-badan parti politik. Kebanyakan orang Abim bila menyertai politik mereka akan jadi terkenal. Jadi orang penting. Sudah ramai juga yang menjadi pemimpin besar.

Keadaan ini terbukti bila mana beberapa orang pemimpin parti-parti politik hari ini baik Umno maupun Pas, ianya hampir dikuasai oleh orang-orang Abim, atau pemimpin Abim.

Yang Dipertua Agung Pas, Ustaz Fadzil Noor merupakan pemimpin Abim. Fadzil pernah menjadi Timbalan Presiden Abim. Begitu juga dengan Nakhaei Haji Ahmad, bekas Naib Yang Dipertua Agung Pas, pernah menjadi Naib Presiden Abim. Ahli Jawatankuasa Agung Pas, Syed Ibrahim Abdul Rahman juga orang Abim. Osman Bakar yang menyertai Berjasa tidak lama dulu dan hari ini menyertai Umno, juga orang kuat Abim.

Tokoh Pas Haji Abdul Hadi Awang juga dulu orang Abim. Ketua Semangat 46, Ibrahim Ali juga

orang Abim. Kamaruddin Mohd Nor, Fuad Hassan dan Kamaruddin Jaafar, yang merupakan nadi Abim juga sudah menjadi "monyet" melompat masuk Ummah.

Nampaknya semua orang-orang besar Abim menyertai parti politik. Mereka tidak yakin dengan hak mereka itu dan terpaksa memilih parti politik. Hanya seorang sahaja orang Abim yang tidak menyertai politik, Ustaz Ashaari Muhammad beliau bukannya jemaahnya sendiri, Darul Arqam.

Timbul pertanyaan kepada kita, jadi apa guna mereka mengasaskan Abim dulu kalau semuanya berunding untuk meninggalkan Abim? Apa guna mereka berunding dan bertamrin, kemudian ramai-ramai meninggalkan Abim terkontang-kanting sendirian? Di sinilah menguatkan hujah kita bahawa Abim hanya dijadikan gelanggang tempat anak-anak muda berjiwa Islam belajar berkokok.

Barangkali yang hanya akan terus kekal dalam Abim ialah anak-anak ikan bilisnya. Orang inilah yang setia dan sayangkan kepada Abim. Merekalah yang meneruskan perjuangan Abim hingga ke hari ini. Mereka juga belum tentu lagi, mungkin bila mereka sudah terkenal, harga mahal dan kokoknya sudah meleret dan tumbuh taji, mungkin juga mereka akan dibeli oleh badan-badan parti politik dan meninggalkan Abim.

Mereka itu semua bukan orang yang diperang atau dipaksa agar menyertai parti-parti politik. Mereka menyertai politik diatas kesedaran dan keputusan

mereka sendiri secara sedar. Kononnya mereka menyertai politik melalui satu perancangan yang cukup sistematik sekali. Mereka memperlengkapkan diri mereka dulu. Salah satu cara ialah dengan mendominasi diri dengan cara menjual istilah Islam.

Abim bukan jemaah yang membangunkan sistem hidup menurut Islam. Sekalipun memang ada ahli-ahli Abim yang ikhlas mahu kepada Islam. Mereka ini sebenarnya tertipu oleh slogan-slogan lunak pemimpin mereka. Kewujudan Abim tidak memperlihatkan yang janya benar-banar memperjuangkan Islam sebagai cara hidup.

Kalau Abim benar memperjuangkan Islam, Abim boleh mengamalkan cara hidup dalam masyarakat abim itu sendiri. Tetapi ini tidak berlaku. Mereka hanya menonjolkan Islam sebagai *mental exercise* dan slogan-slogan saja daripada menjadikan Islam sebagai satu cara hidup.

Lantaran itu kita tidak dapat menerima Abim sebagai jemaah Islamiah yang menjalankan sistem hidup Islam. Abim hanya sebuah jemaah yang sekadar menyebut, dan melaungkan slogan-slogan canggih mengenai Islam. Mungkin bertolak dari hakikat ini menyebabkan bekas Ketua Abim Kedah Ustaz Nikmat Yusuff telah mengucapkan selamat tinggal kepada Abim dan meneroka kampung Derang dan membangunkan sebuah pendidikan Islam disitu. Ustaz Nikmat Yusuff tidak yakinkan Abim lagi dan memprotes budaya yang diamalkan oleh Abim hari ini.

Apakah bukti yang boleh kita mengatakan bahawa Abim itu bukan sebuah jemaah Islamiah? Keengganan Abim untuk menerima Islam sepenuhnya, menjadi bukti nyata. Walhal ahli Abim lebih 50 000 orang. Kalau tenaga-tenaga itu digembelingkan untuk melaksanakan Islam, samada ekonominya, pendidikannya, sosial, pertanian, perkilangan, perubatan dan lain-lain aspek kehidupan yang menjadi kebutuhan individu atau jemaah tentu sudah wujud sebuah masyarakat kecil Islam yang benar-benar hidup menurut syariat Islam.

Tetapi sayangnya Abim tidak jadi seperti itu. Para cerdik pandai Abim mempunyai pandangan yang berlainan. Kononnya mereka hendak mengubah sistem yang ada hari ini kepada satu sistem Islam mengikut pandangan dan prespektif mereka. Mereka nak ubah dasar pendidikan sekular kepada dasar Islam. Mereka nak ubah politik demokrasi kepada politik Islam. Kaedah perubatan yang jahiliah kepada Islam. Mereka mahu tukar penerbitan lucah dan maksiat kepada Islam.

Tetapi sudah 19 tahun Abim wujud dan melakukan itu semua namun kejayaan masih belum nampak. Sudah beratus *conference* diadakan. Dan entah berapa buah kertas kerja dibentangkan, tetapi satu pun tidak membawa kejayaan. Resolusi-resolusi dan juga rumusan yang dibuat hanya tinggal di atas kertas sahaja. Satupun tidak didedahkan kepada masyarakat, apalagi dipraktikan untuk dijadikan ikutan masyarakat.

Nampaknya apa yang dibuat oleh Abim itu, me-

conference, seminar dan juga tamrin itu, hanya menyuruh kertas sahaja bekerja, sementara para pemimpin Abim hanya tukang baca dan laungkan sahaja.

Kita juga hairan, kata didalam Abim ramai kaum intelek dan cendekiawan Islam. Tetapi kenapa mereka terus membiarkan Abim teroleng-aling begitu tanpa matlamat dan tujuan yang jelas. Kenapa mereka membiarkan Abim sebagai sebuah persatuan (harakah Islam) yang pragmatis?

Apa sudahnya nanti dengan Abim. Abim bukan sahaja tidak boleh mengubah sistem hidup itu, tetapi nak buat sebuah kilang mengeluarkan makanan Islam pun tidak mampu. Jadi macam mana untuk Abim melaksanakan perkara yang lebih berat dari itu. Hampaknya tidak akan berjaya lah Abim.

Para pemimpin Abim selalu sahaja memberi alasan yang mereka tidak ada buruh untuk menguruskan itu semua. Alasannya kerana mereka yang menyertai Abim semuanya terdiri dari intelektual, yang mempunyai sijil berjela-jela dan juga kelulusan dari pelbagai universiti. Itulah alasannya. Kita rasa aneh dan ganjil dengan alasan itu. Sepatutnya sebagai badan yang dianggotai oleh para cendekiawanlah, lebih maju dan berjaya daripada harakah yang hanya disertai oleh Pak Pandir dan Mak andih.

Aneh sungguh alasan itu. Dan kita merasakan hanya tidak logik. Apa lagi kalau kita bandingkan dengan jemaah Darul Arqam pimpinan Ustaz Ashaari Muhammad. Arqam juga terdiri daripada orang yang

mempunyai sijil dan cendekiawan. Tetapi kenapa mereka berjaya membangunkan ekonominya sendiri membangunkan perusahaanya sendiri?

Kalaulah para pemimpin Abim khususnya Anwar Ibrahim yang cukup lantang itu sayangkan Abim dan benar-benar berhasrat untuk membela Abim sebagai harakah Islamiah, tentulah Anwar tidak akan membina kan ahlinya seramai 50 000 orang itu terus meneruskan berada dalam suasana jahiliah. Bergelumang dengan sistem ekonomi yang mengamalkan riba. Terpapar dengan dosa maksiat, bergaul bebas lelaki perempuan. Mengamalkan muamalah dan munakat yang tidak Islamik. Dan berada dalam *environment* yang tidak syarie.

Seorang yang cintakan Allah dan Rasulullah tentunya tidak rela untuk selamanya berada dalam suasana maksiat begitu. Hatinya akan resah gelisah dan merontok. Tentunya mereka akan bangunkan sekurang-kurangnya kampung kediaman sendiri, bagi mewujudkan suasana hidup Islam.

Dalam pada itu mereka juga akan berusaha sedaya upaya untuk mengubah pentadbiran daripada sekular kepada Islam. Mengubah sistem mestilah bermula dengan mengubah para insannya. Ubah hati ubah fikiran dan fizikal masyarakat Islam seluruhnya. Tanpa berbuat demikian, usaha untuk mengubah sistem itu tidak akan berjaya.

Sementara itu bagi mencapai matlamat itu ia perlulah menyediakan sistem dakwah dan tarbiyah

yang berkesan. Menggunakan kurikulum tersusun, hikmah dan bijaksana. Bila proses demikian dibuat dengan sempurna, hasilnya akan lahir manusia yang sanggup hidup dan mati kerana Allah.

Orang-orang beginilah yang akan menegakkan Islam dalam seluruh kehidupannya. Yang meletakkan kesucian Islam itu lebih murni dan tinggi dari segala-galanya. Mereka akan mempertahankan meskipun diancam dan ditekan.

Kita tidak menafikan perjuangan Abim ada juga meninggalkan hasil. Umpama **Tadika** dan **Al Risalah**. Tetapi kita ingin tanya hanya itukah hasil perjuangan Abim sebagai harakah Islam. Dan apakah kedua hasil itu telah membuktikan kesyumulan Islam Abim?

Kalau diperhatikan kepada kehebatan kertas kerja yang disediakan oleh Abim kita tidak percaya kalau hasilnya setakat apa yang ada hari ini sahaja. Melalui kertaskerja-kertaskerja yang disediakan oleh kebanyakan pemimpin Abim, ianya menggambarkan sistem Islam yang *complicated* dan syumul. Sebaliknya apa yang Abim laksanakan tidak sedikitpun menggambarkan ke-*complicate*-an itu. Kenapa?


Sampai ke hari ini, Abim di bawah naungan seorang pemimpin yang berkelulusan lebih tinggi daripada Anwar, juga gagal untuk mengemukakan sesuatu gagasan baik pemikiran ataupun model yang memberangsangkan kepada umat Islam negara ini. Malahan segala projek yang dilaksanakan jauh lebih rendah daripada apa yang *Brother* Anwar lakukan dulu.

Apakah ini membuktikan bahawa Abim sedang menurun.

Walaupun Anwar lakukan dulu masih jauh dari Islam sebenar, tetapi waktu itu suara Abim cukup meyakinkan. Suara Abim begitu nyaring dan keras. Namun hari ini, suara yang keras itu pun sudah ghaib ke dalam perut jin. Apa lagi di segi amalan dan pelaksanaan terhadap sistem Islam, ianya semakin mendukacitakan sekali.

Barangkali tidak salah kalau Abim merenung sekejap apa yang wujud dalam Arqam hari ini. Arqam dengan bilangan keahlian jauh lebih sedikit berbanding dengan Abim, berjaya mewujudkan sepenuhnya sistem Islam dalam jemaahnya. Kenapakah Abim tidak lakukan seperti Arqam lakukan itu? Apakah Abim merasa malu hendak meniru jemaah Arqam yang dianggap lebih rendah mentalitinya dari Abim?

Abim selalu mengatakan dia akan mengubah sistem pemerintahan apabila dapat kuasa kelak? Bila? Dan kita ingin tanya pada ulamak Abim, apakah hukumnya kita mati sebelum yang diharapkan terlaksanakan. Sedangkan sebelum ini kita dapat berbuat apa yang kita dapat buat? Ulamak dan cendekiawan Islam Abim harap memberi jawapan?



Inilah 'istana' Anwar, ianya tidaklah sehebat rumah Daim Zainuddin sahabat karibnya itu tetapi cukuplah untuk membelalakkan mata pengundi Cerok Tok Kun.

7

NOTA UNTUK ANWAR

SESUNGGUHNYA kita tidak bermaksud hendak menghina ataupun memperkecilkan Anwar Ibrahim. Apa guna kita memperkecilkan beliau. Tidak ada apa yang kita untung kalau dia jatuh dan tidak ada apa yang kita rugi kalau dia berjaya dalam perjuangannya. Cuma kita menegurnya diatas dasar sebagai seorang rakyat kepada pemimpinnya. Dan apa yang tergerak untuk kita menegur itu pun memandangkan keadaan dirinya hari ini; perubahan yang berlaku secara drastik ke atas dirinya itu.

Dengan perubahan yang berlaku ke atas Anwar kalau dibiarkan ianya boleh menjahanamkan umat Islam. Perubahan itu boleh merusakan masa hadapan Islam. Apa lagi kalau kebetulan dia menang dan mempunyai kuasa, keadaannya akan jadi lebih parah lagi. Lantaran itulah kita menegur Anwar, bukannya apa tetapi semata-mata untuk kebaikan bersama.

Justeru itu kalau Anwar betul-betul ingin berpartisipasi dengan kebangkitan Islam hari ini, beliau perlulah membuat perubahan dan juga persediaan. Salah satu yang Anwar harus lakukan ialah membukakan dirinya untuk dikritik dan sedia mendengar apa-apa

teguran yang dibuat ke atas dirinya. Yang paling baik disamping bersikap terbuka, Anwar juga harus ikhlas dan jujur mengakui dan memperbetulkan beberapa kesilapan yang telah beliau lakukan.

Dalam soal ini, kita sangat berharap agar Anwar jangan terlalu mendabik dada dan hendaklah insaaf akan kekurangan yang ada pada dirinya. Beliau juga patut tahu, bahawa tidak ada manusia yang sempurna dan baik dalam dunia ini. Betapa pun hebat seseorang itu dia tidak boleh berdiri sendiri. Dia pasti memerlukan bantuan dan kerjasama orang lain.

Tenguk sahaja Firaun. Walaupun dia mengaku dirinya Tuhan, tetapi masih juga memerlukan bantuan rakyatnya. Dia terpaksa juga meminta rakyatnya membina istananya. Padahal dia sepatutnya tidak memerlukan bantuan sesiapa lagi, kalau benar dia kuat. Tetapi ternyata dia kena juga bergantung kepada orang lain.

Justeru itu, kita mempunyai beberapa cadangan untuk Anwar. Cadangan-cadangan ini tidak bermaksud lain, sebaliknya semata-mata untuk melihat Anwar akan muncul sebagai pemimpin yang baik. Pemimpin Islam sebenar. Anwar perlu menerima cadangan ini dan mengamalkannya kalau dia mahu jadi seorang muhiid tulin.

Antara cadangan yang kita kemukakan kepada Anwar seperti berikut:

1. Sebagai seorang pemimpin Anwar perlu men

luarkan panduan-panduan yang pratikal mengenai sistem hidup Islam yang syumul, supaya ianya benar-benar dapat direalisasikan dalam kehidupan masyarakat manusia. Panduan-panduan itu kelak jangan setakat dijadikan slogan sahaja sebaliknya Anwar hendaklah turut sama mempratikkannya di tengah masyarakat.

Hari ini kita dengar Anwar hanya melaungkan tentang kesyumulan Islam, tetapi beliau tidak berusaha untuk menerima kesyumulan itu. Baik dikalangan kumpulan Anwar sendiri (Umno) maupun kepada dirinya sendiri. Anwar masih lagi meneruskan cara hidup yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam yang diterapkannya sendiri ke dalam pentadbiran kerajaan itu.

Dalam masalah ini Anwar nampaknya hanya pandai menyuarakan sahaja, tetapi tidak bersedia untuk melaksanakannya. Jadi, keadaan ini kita tidak yakin konsep Islam ala Anwar itu akan berjaya, kerana ianya disebut-sebut sahaja, tetapi tidak dibuat.

2. Anwar mesti berusaha sedaya mungkin membangunkan masyarakat Islam contoh, untuk dijadikan model dan untuk memberi gambaran mengenai corak dan bentuk Islam yang dikehendaki. Dengan cara itu masyarakat akan meniru dan akan ikut sama melaksanakannya kelak.

Dalam soal ini kalau Anwar mahu dia boleh laksanakan di alam pendidikan. Kerana beliau berkuasa ke atas Kementerian Pendidikan. Pertama Anwar boleh

ubahkan dasar pendidikan sekular yang lebih menekankan keduniaan kepada pendidikan Islam yang menekankan nilai-nilai murni, berteraskan iman, tauhid dan taqwa.

Peringkat awal Anwar juga boleh ubahkan falsafah pendidikan negara daripada menuntut untuk menda-pat kemajuan semata-mata kepada falsafah yang lebih luhur iaitu berkhidmat kepada agama dan Allah. Anwar juga harus mengerti bahawa jiwa rakyat kita hari ini, menjadi kecil dan kosong kerana mereka disumbat dengan nilai-nilai pendidikan yang kosong begitu.

3. Sepatutnya dengan kuasa, kedudukan dan kekayaan yang dimiliki sekarang, Anwar boleh bangunkan sistem pendidikan Islam yang beliau laungkan selama ini. Beliau boleh menggunakan kuasa dan kekayaan yang beliau miliki hari ini. Dan yang paling baik kalau Anwar hendak merevolusikan pemikiran Islam ialah di sekolah-sekolah.

Tetapi keadaan ini nampaknya tidak diambil kesempatan oleh Anwar. Beliau nampaknya teragak-agak untuk menggunakan kuasa yang ada kepadanya itu. Malahan kedudukan Anwar di kementerian itu kelihatan sama sahaja dengan menteri-menteri pelajaran sebelum ini. Anwar hanya meneruskan dasar dan falsafah yang telah dibuat sebelum ini.

4. Sebagai tokoh pelopor perjuangan Islam Anwar juga mesti menambahkan lagi ilmu dan kefahamannya mengenai Islam dari masa ke semasa. Anwar tidak patut merasakan bahawa dirinya kini sudah cukup

sempurna dan ideal sebagai seorang tokoh Islam. Disebabkan kelemahan Anwar dalam soal ini menyebabkan Anwar masih kabur dan kurang mengerti definisi dan juga konsep-konsep Islam sebenar. Kejahilan Anwar berhubung perkara ini tampak jelas apabila beliau gagal memberikan definisi yang tepat berhubung dengan sistem dan konsep Islam itu sendiri.

Misalnya dalam mendefinisikan kemiskinan. Menurut Anwar masalah kemiskinan itu boleh diselesaikan dengan kekayaan. Dengan menyediakan peluang pekerjaan dan juga menaikkan taraf ekonomi rakyat. Itulah apa yang Anwar huraikan mengenai kemiskinan.

Ternyata definisi itu bertentangan dengan apa yang dilakukan oleh Rasulullah. Rasulullah dalam usahanya untuk mengatasi kemiskinan, Baginda tidak menekan kepada soal kekayaan, sebaliknya mendidik hati-hati orang miskin itu agar redha dengan kemiskinan di samping terus berusaha meningkatkan ekonomi.

Pada pandangan Rasulullah mendidik hati supaya redha itu penting kerana kemiskinan jiwa itu menjadi buruk daripada miskin harta. Kemiskinan hati (semangat) menyebabkan seseorang itu lekas berputus asa dan malas untuk berusaha.

Begitu juga dengan konsep kewangan. Anwar kira penubuhan Bank Islam sudah menetapi kehendak kaedah kewangan Islam yang menjadi kebanggaannya kini. Nampaknya konsep kewangan Islam melalui bank

itu sangat sempit, tidak seluas seperti mana yang dilaksanakan oleh Rasulullah, dimana orang-orang kaya diajak melabur di bank semata-mata untuk membantu masyarakat.

Demikian juga dengan konsep penubuhan Universiti Islam Antarabangsa (UIA), yang begitu ketara kabur mengenai tujuan dan dasarnya. Dasar "*Islamization of knowledge*" (mengIslamkan Ilmu) itu tidak cukup, sebab tidak mampu melahirkan insan-insan yang bertaqwa, yang berani menegakkan Islam dalam kehidupan seharian kepada masyarakat. Apa yang ada sekarang UIA hanya akan melahirkan graduan-graduan moden yang komitmentnya kepada Islam samalah dengan mereka yang belajar di universiti-universiti sekular lainya.

Walhal matlamat pendidikan Islam ialah melahirkan hamba-hamba Allah yang bersedia untuk membangun masyarakat. Melahirkan khalifah yang rela dan sanggup memperjuangkan Islam. Membangunkan masyarakat Islam bukan sahaja dalam lingkungan mereka, bahkan ke seluruh pelusuk dunia.

Itulah yang sepatutnya dimainkan oleh UIA. Membangun dan mengIslamkan jiwa-jiwa manusia bukannya setakat membaca sejarah ketamadunan Islam kepada siswanya. Sebab Islam itu akan tertegak apabila manusia sudah mahu menerima Islam.

Untuk ini Anwar haruslah mengetahui secara mendalam apakah rahsia kejayaan Rasulullah dan tokoh-tokoh Islam terdahulu terhadap masyarakat

lampau. Apakah kaedah serta rahsia menyebabkan mereka berjaya mengubah masyarakat jahiliah sehingga mereka beriman kepada Allah.

Untuk mengetahui hal ini Anwar kenalah belajar daripada tokoh-tokoh Islam lampau. Daripada Imam Shafei, Imam Al Ghazali, Imam Sayuti, Imam Sya'rani, Sheikh Abdul Kadir Jalaini, Salehuddin Al Ayubi, Mohammad Al Fateh dan Hassan Al Banna. Cuba selidik bagaimana orang-orang ini boleh bangunkan Islam di zamannya.

Anwar patut berjumpa dengan Ustaz Ashaari seperti dahulu, bermuzakarah dan berbincang dengan beliau. Walaupun beliau tidak pakar dalam ilmu politik putar belit, tetapi saya yakin Ustaz Ashaari akan dapat formula-formula yang berguna kepada Anwar untuk membentuk negara Islam di Malaysia. Dalam soal ini jangan Anwar terlalu terikut-ikut dengan fatwa yang dikeluarkan oleh Pusat Islam, yang mengatakan Arqam sesat.

5. Selain dari itu Anwar juga mesti mengorbankan harta dan kekayaan yang dimilikinya baik dalam negeri maupun diluar negeri. Ini termasuk juga mengga-
daikan rumah besarnya itu untuk perjuangan Islam. Tabung jihad perlu diisi oleh orang-orang seperti Anwar, bukan petani di kampung yang berpendapatan seringggit dua ringgit sehari.

Mengeluarkan wang jihad, adalah tanda seorang pemimpin itu bertanggungjawab dan bukan hanya tahu mengagihkan wang negara untuk keperluan

mereka sahaja. Tetapi wang poket sendiri perlu dikeluarkan untuk Islam.

Untuk apa kita perjuangkan masalah kemiskinan tetapi kalau kita sendiri punya kekayaan dan membiarkan dijalankan yang salah. Orang yang tidak sanggup menyaksikan kemiskinan, ialah orang yang tidak sanggup memiliki kekayaan untuk dirinya sendiri. Biar dia miskin asalkan rakyat kaya.

6. Anwar perlu membersihkan namanya sebagai pemimpin Islam. Caranya ialah dengan mengubah dasar yang diperjuangkan sekarang kepada dasar-dasar Islam. Dulu dalam Abim, Anwar dakwa dia perjuangkan Islam. Tetapi dalam masa yang sama dia menjadi Presiden Majlis Belia Malaysia, (MBM), yang jelas dasarnya bukan Islam. Pertentangan ini menyebabkan bila Anwar melangkah kaki ke dalam MBM dia tidak bercakap mengenai Islam.

Melihat kepada sanerio ini menunjukkan Anwar bukanlah benar-benar memperjuangkan Islam. Kita mahu tanya adakah kebenaran yang lain selain Islam sehingga dalam satu masa Anwar memperjuangkan dua konsep yang berbeza?

Manakala sekarang Anwar sedang memperjuangkan nasionalisme pula. Dalam masalah seumpama ini Anwar perlu tegas, sekiranya beliau mahu terus dianggap sebagai tokoh memperjuangkan Islam.

7. Anwar juga pernah berkata beliau mahu memperjuangkan Islam tanpa memakai label Islam. Kita

merasa ragu mengenai kenyataan ini. Keadaan ini tak ubah seperti Anwar mahukan orang mengikutnya, tetapi enggan memperkenalkan dirinya. Dalam konteks ini, seolah-olah Islam itu tidak penting bagi Anwar. Yang penting kepadanya ialah ajaran Islam itu sendiri. Kalau tidak mahu memanggil ajaran itu sebagai Islam, apakah kita hendak namakan ajaran tersebut?

Kalau tidak ada nama susahlah sikit. Macamlah seperti orang tak punya nama, macam mana kita hendak memanggil dia.

Berhubung dengan perkara itu Anwar patut mengubah pandangannya yang keliru itu. Kena letak label Islam pada setiap hukum-hukum yang diperjuangkan. Kalau Anwar tidak mahu menggunakan label (Islam), nanti setiap apa yang Anwar lakukan boleh mengelirukan orang ramai. Apa lagi nanti ada yang salah anggap, kerana tidak ada label itu, ajaran sesat pun nanti orang anggap Islam sebab Anwar yang laksanakan. Mereka yang taksub dan sujud kepada Anwar sebagai "ulamak" tidak mustahil akan berlaku demikian.

8. Yang tidak kurang pentingnya juga Anwar mesti kembalikan peribadi ataupun budaya muslim pada dirinya. Daripada pakai *necktie* lebih baik pakai kopiah macam dulu. Orang pun baru sedap hendak suruh Anwar jadi imam sembahyang. Anwar juga tidak payahlah bersalam dengan perempuan ajnabi. Itu semua haram. Seorang pemimpin Islam sangat takut kepada dosa kecil, apa lagi dosa-dosa besar.

Anwar harus faham bahawa akhlak seorang pemimpin itu sangat penting. Kerana dari akhlak dan peribadi itu boleh menjadi ukuran masyarakat. Kalau kita memperjuangkan Islam, tetapi akhlak kita macam orang Barat, sudah pasti orang tidak akan aminkan apa yang kita lakukan itu. Bukankah akhlak itu mencerminkan keimanan?

Jadi kalau hari-hari Anwar duduk jamah tangan perempuan bukan muhrim di depan khalayak umum, apakah hendak kita katakan kepada Anwar, *Style Islam* ke itu ataupun *style* apa?

9. Tentang istilah **ekstrem** yang selalu dilabelkan pada orang dakwah, Anwar perlu fikir kembali pengertian "ekstrem" itu. Apakah ekstrem yang dimaksudkan oleh Anwar itu? Apakah label ekstrem itu dikenakan kepada orang kaya yang sanggup hidup miskin kerana perjuangan Islam. Atau apakah ekstrem itu dilabelkan kepada mereka yang berzikir kepada Allah dan mengurangkan urusan keduniaan.

Atau apakah ekstrem itu dimaksudkan kepada mereka yang mengasingkan diri dari sistem jahilia dan kembali melaksanakan sunnah Rasullullah? Begitulah *extreme* yang dimaksudkan oleh Anwar? Dan apa yang kita faham dan dengar, itulah maksud ekstrem yang diucapkan oleh Anwar.

Kalau benarlah keadaan-keadaan penghidupan demikian dianggap ekstrem, maka ekstremulah Saidina Omar, Saidina Abu Bakar, Khalifah Omar Abdul Azi

Imam Shafei, Al Ghazali dan lain-lain mujaddid, kerana mereka itu telah meletakkan urusan keTuhanan dan Islam di tempat utama. Mereka mengurangkan kepentingan dunia. Mereka sentiasa hidup dengan zikir.

Beraniakah kita mengatakan bahawa ulamak-ulamak dan mujadid berkenaan sebagai ekstrem?

Ekstrem sebenarnya ialah membuat perkara yang tidak dibenarkan oleh syariat dan meninggalkan perkara yang diperintahkan oleh syariat. Dengan kata lain, ekstrem bila membuat sesuatu yang bidaah. Apa yang dilakukan oleh golongan dakwah, pejuang Islam bukan ekstrem yang Anwar maksudkan itu. Sebalik mereka-lah golongan yang menyintai dan dicintai Allah. Dan kita ingin juga mengingati Anwar agar jangan terlalu anti golongan dakwah kerana abad ini abad orang-orang Allah untuk berkuasa?

10. Akhir-akhir ini Anwar nampak sudah tidak boleh ditegur langsung. Beliau akan banyak menyerang, melenting bila ditegur. Mereka yang cuba menegur Anwar ramai yang menjadi mangsa kekuasaan Anwar. Di sini Anwar tidak rasional lagi. Beliau nampaknya tidak mempunyai ciri-ciri kepimpinan Islam sejati dimana sanggup dikritik jika didapati bersalah.

Seandainya Anwar tetap egois begitu, Anwar akan jatuh. Ramai kawan dan sahabatnya akan membenci beliau. Dan satu lagi Anwar juga kena insaf, bahawa walaupun sebesar mana seorang pemimpin itu akhirnya dia akan jatuh juga. Tengok sejarah dunia hari ini,

sudah berapa ramai pemimpin gergasi, yang lebih hebat dari Anwar semuanya sudah menyembah bumi.

Shah Iran, Marcos, Rajiv Gandhi, dan sedikit lagi Gorbachev semuanya sudah jatuh dan musnah. Dan Anwar jangan sedap duduk dengan memikirkan mereka yang ditekan hari ini, tidak boleh bangkit. Anwar harus ingat apa yang berlaku ke atas, Nelson Mandela, 27 tahun meringkuk dalam penjara, tetapi hari ini dia dibebaskan kerana rakyat mahukan dia. Imam Khomeini 10 tahun terbuang di Perancis, tetapi akhirnya dia dapat gulingkan Shah Iran.

Anwar kena insaf dan sedar itu semua. Bila berada di atas jangan lupa orang yang dibawah. Kerana orang di bawahlah yang mengangkat orang yang di atas. Kalau orang di bawah tebang batang, orang di atas akan tersungkur ke perut bumi.



Ustaz Ashaari Muhammad Tok Guru dan politician Melayu yang berusaha keras untuk menyelamatkan Islam. Dulu sering kali didatangi Anwar untuk bermuzakarah dan bertukar fikiran.

8

**STYLE DAN BUDAYA
POLITIK ANWAR**

PEMIMPIN politik mempunyai *style* ataupun gaya kepemimpinan yang tersendiri. *Style* diantara satu pemimpin dengan pemimpin tidak sama, kadang-kadang begitu berlainan sekali. *Style* inilah merupakan elemen yang akan menentukan samada pemimpin itu popular ataupun sebaliknya. Dengan *style* juga boleh menentukan karisma dan wibawa seseorang pemimpin itu.

Selain *style* ataupun gaya, wawasan dan peribadi pemimpin itu juga menjadi faktor popularnya ataupun tidak seseorang tokoh itu.

Misalnya *style* kepemimpinan Mahathir dengan Tun Hussein Onn berbeza. Mahathir lebih suka mengemukakan idea baru serta tindakan politik yang kontradiksi dengan pandangan umum. Mahathir banyak mengemukakan visinya sendiri daripada menerusi atau menceduk idea orang lain. Kadang-kadang motif dan maksudnya tidak dapat ditangkap oleh rakyat. Justeru itu beliau selalu dikecam.

Sementara *style* Allahyarham Hussein Onn pula lebih *slow* atau berhati-hati dalam bertindak dan mengemukakan idea baru. Lantaran itu beliau seperti tidak dinamik dan membangun. Sifat Hussein tidak mahu menonjol juga, menyebabkan beliau tidak popular seperti Mahathir.

Ustaz Ashaari Muhammad Syeikhul Arqam juga mempunyai *style* kepemimpinan tersendiri. Beliau lebih membentuk peribadinya sendiri untuk dijadikan model kepada anak buahnya. *Style* beliau, memperbaiki

dirinya sebaik mungkin sesuai dengan kewibawaan beliau sebagai seorang Tok Guru dan Ulamak. Dalam erti kata lain beliau menjadi pemimpin untuk diteladani oleh anak buahnya.

Begitu juga dengan kalangan pemimpin Umno hari ini. *Style* masing-masing berbeza walaupun mereka duduk dalam sebuah parti yang menganuti dasar perjuangan yang sama. Dan tidak syak lagi *style* itulah menyebabkan mereka terkenal ataupun sebaliknya.

Banyak faktor yang mempengaruhi keadaan ini berlaku. Pendidikan, amalan budaya dan juga pergaulan adalah diantaranya. Misalnya seorang berpendidikan Islam, sudah tentu *style* kepimpinan lebih berhati-hati dan sederhana. Tindakannya juga selaras dengan kehendak Al Quran dan Al Hadith disamping menjadikan sejarah perjuangan nabi sebagai model.

Sementara mereka yang dididik cara Barat *style*nya sudah tentulah lebih agresif dan progresif. Usaha perjuangannya lebih menumpukan kepada pembangunan kebendaan kerana mereka tidak mempunyai kekuatan iman dan jiwa yang tauhid kepada kekuasaan Allah.

Anwar nampaknya mempunyai gaya dan budaya tersendiri. Idea-idea Anwar juga lebih hebat dan bernilai dari idea kedua menteri itu. Perbezaan di antara Anwar dengan tokoh-tokoh lain banyak dipengaruhi oleh faktor pendidikan dan juga semangat perjuangan. Anwar walaupun tidak mendapat pendidikan Islam secara langsung, tetapi jiwanya begitu dekat dengan Islam berbanding dengan Muhammad Rahmat. Pe

dedahan diri beliau dalam gerakan perjuangan Abim juga turut mempengaruhi style kepimpinan dan fikrah Anwar.

Namun akhir-akhir ini budaya dan *style* politik Anwar telah berubah. *Style* dan budaya yang beliau bawa kini ialah untuk kepentingan diri beliau (*self-interest*). Apa lagi di saat beliau meluncur laju, Anwar hanya mementingkan masa hadapan politik beliau daripada masa hadapan rakyat dan negara.

Style dan budaya Anwar hari ini bolehlah kita sifatkan sebagai budaya untuk membuncitkan perut sendiri.

Misalnya kenyataan Anwar selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyelewengan Kabinet agar menyiasat pembinaan rumahnya yang menimbulkan sedikit kegemparan dulu, adalah satu tindakan berani semata-mata untuk menarik perhatian umum. Kononnya beliau jujur dan tidak korap.

Padahal orang semua tahu beliau selaku Pengerusi Penyelewengan tidak mungkin akan menyiasat dirinya sendiri, apa lagi menjatuhkan hukuman memalukan diri sendiri. Keadaan ini menyebabkan Bendahari Agung Pas, Mustafa Ali menyifatkan tindakan Anwar itu sebagai pencuri mengarah menangkap pencuri!

Dalam karier politiknya, Anwar banyak memikir dan menyusun strategi untuk kepentingan dirinya sehingga mengabaikan tanggungjawab kepada rakyat. Beliau lebih memikir serta mencaturkan macam mana hendak menguasai Umno, daripada memikir macam

mana hendak mengubah dasar pendidikan negara yang lebih kemas dan mengikut keredhaan Allah.

Sikap materialis Anwar daripada kepentingan negara dan rakyat jelas apabila beliau mengamalkan budaya politik pecah dan perintah dan berpuak-puak secara berleluasa. Nampaknya budaya ini telah menjadi sindrom yang amat membimbangkan. Tidak mustahil sindrom dan budaya ini jugalah akan membunuh karier Anwar kelak.

Tindakan Anwar membuat klik dan menyusun kemnya tidak dapat dinafikan. Umum sudah mengetahuinya. Boleh dikatakan semua jabatan yang di kuasai oleh Kementeriannya, (Kementerian Pendidikan) mempunyai klik-klik tertentu. Dan kebanyakan mereka yang berpihak kepadanya ialah kawan-kawan beliau sewaktu dalam Abim dulu.

Keadaan ini berlaku di semua pusat pengajian tinggi dimana Anwar mempunyai kuasa penuh di institusi itu. Paling ketara berlaku di Universiti Islam Antarabangsa (UIA). Boleh dikatakan 99% orang-orang besar di UIA diduduki oleh orang-orang Anwar. Bermula daripada tukang sapu hinggalah ke Rektor ianya terdiri daripada mereka yang syok dan taksu kepada keperibadian dan wawasan politik Anwar. Gara-gara itu menyebabkan penyalah-gunaan kuasa dan penyelewengan dikatakan sedang melanda hebat UIA.

Antara orang-orang kuat Abim yang menjadi orang besar di UIA ialah, bekas Bendahari Koperasi Abim Yassin Baba menjadi Bendahari UIA, bekas Ahli

jawatankuasa Pusat Abim; Mohd Noor Manuti dilantik sebagai Dekan Hal Ehwal Pelajar, bekas Yang Dipertua Abim; Razali Nawawi dilantik sebagai Pensyarah, Saifuddin Abdullah; sebagai Pendaftar, bekas Ahli jawatankuasa Abim Pusat; Badrul Amin, sebagai pensyarah Undang-Undang, dan seorang lagi bekas Ahli jawatankuasa Pusat; Mustafa Kamil Ayub baru sahaja dilantik sebagai Penolong Pendaftar.

Mana-mana individu di UIA yang bercakap politik tidak memihak kepada Anwar akan dikenakan tindakan. Sesiapa sahaja yang menyokong parti-parti pembangkang akan dipanggil dan diberi kata dua. Pelbagai penekanan dan tindakan akan dibuat walaupun kesalahan yang dilakukan itu diluar bidang kuasa universiti. Gejala yang berlaku kinilah menyebabkan sesetengah pihak menganggap UIA itu ialah Universiti ABIM.

Langkah pembersihan yang dilakukan itu bukan sahaja terbatas di Universiti ataupun Institusi Pendidikan tetapi turut terlibat ke jabatan-jabatan lain yang dikuasai oleh Kementerian Pendidikan. Kebanyakan jawatan-jawatan penting dan tinggi dipenuhi oleh mereka yang mengampu dan boleh menerima konsep Islamisasi ala Anwar.

Mereka yang dikatakan menjadi sasaran atau musuh beliau ialah orang-orang yang sebelum ini menyokong Dollah Badawi. Mana-mana individu yang menyokong Dollah Badawi, yang suka akan *style* dan falsafah kerja Dollah akan dianggap musuh dan disingkirkan. Sekarang ini macam sudah ada pekeliling

khas mana-mana pegawai didalam jabatan dibawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan tidak boleh menyokong tokoh lain kecuali Sang Anwar. Mana-mana yang cuba menunjukkan sikap tentangan akan ditendang ataupun ditukarkan ke jabatan-jabatan lain.

Fenomena ini bukan sahaja berlaku di bandar ataupun diperingkat atasan. Di peringkat negeri dan daerah juga mana-mana guru yang tidak condong ke arah konsep negara Islam ala Anwar Ibrahim akan ditukar ke kawasan-kawasan pendalaman ataupun bandar-bandar yang dikuasai oleh masyarakat Cina. Mereka juga akan menjadi mangsa Sang Anwar.

Anwar tidak fikir lagi samada tindakan itu boleh merugi ataupun menguntungkan bangsa. Apa yang beliau fikirkan agar kedudukannya tidak akan tergugat dan semua pegawai pendidikan termasuk guru mesti menyokongnya. Melalui tindakan birokrasi inilah beliau dikatakan sedang berusaha serta menyusun untuk memastikan semua Ketua Bahagian Umno di Malaysia dipegang oleh orang-orangnya. Dengan cara itu mudahlah untuk beliau naik kelak.

Selain daripada menguasai sepenuhnya jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pendidikan, Anwar juga menguasai beberapa jabatan dan institusi lain termasuk Biro Tatanegara. Anwar dikatakan telah menggunakan pegawai tertentu di biro berkenaan untuk kepentingan politiknya. Beliau berjaya mempengaruhi pegawai-pegawai di BTN yang bapa mertuanya pernah menjadi Pengarah disitu, untuk menjadi "anjing" dan

"burung merpati" menyalak dan membawa berita dari Anwar.

Itulah *style* Anwar dalam mengejar pangkat dan kedudukan. Samada *style* itu boleh merugikan bangsa, negara dan agama ataupun tidak, beliau tidak fikirkan lagi. Yang penting beliau akan selamat naik ke atas dan cita-cita politik dirinya berjaya.

Dalam mengejar pangkat, Anwar bukan hanya terbatas setakat itu sahaja. Beliau turut mengamalkan budaya samseng dan korupsi. Anwar sudah tidak dapat mengecualikan dirinya daripada turut sama menggunakan taktik-taktik kotor termasuk menggunakan wang seperti kebanyakan pemimpin Umno.

Kalau budaya Yahudi itu dimainkan oleh tokoh politik yang tidak mempunyai akhlak dan latar belakang perjuangan Islam, yang berusaha hendak meng"rabbani"kan orang tidak mengapa. Itu sudah lumrah. Tetapi ini berlaku ke atas tokoh yang mendakwa memperjuangkan kebenaran dan menegakkan keadilan. Yang berjuang untuk menghapuskan penyelewengan. Amatlah aib sekali.

Keadaan ini juga boleh meragukan kita semua bolehkah Anwar berjuang menghapuskan kezaliman, rasuah, dan ketidakadilan yang dilaung-laungkan selama ini sedang apa yang berlaku disekelilingnya sendiri pun dia tidak dapat mengatasinya.

Sebelum ini orang ramai mungkin tidak percaya kalau kita katakan Anwar juga mengamalkan budaya

liar dan kotor. Tetapi dengan berlakunya peristiwa pemecatan dua orang pentingnya yang dikatakan terlibat dengan skandal kewangan, ianya mendedahkan tembelang Anwar.

Sesungguhnya skandal yang melibatkan kedua orang pentingnya itu amat memalukan Anwar. Kalau pun Anwar tidak terlibat secara formal, tetapi orang-orang itu sudah boleh capkan yang Anwar juga terlibat. Kerana kedua orang itu ibarat sebahagian daripada anggota Anwar sendiri. Anwar sedikit sebanyak pasti tahu mengenai perkara itu. Apa lagi skandal itu ada mempunyai kepentingan dengan politik Anwar.

Anwar dikatakan telah menasihati kedua pegawainya itu meletakkan jawatan dalam masa 24 jam. Salah seorang yang dipecat katanya berangkat ke London untuk melanjutkan pelajaran. Sementara yang seorang lagi tidak tahu bagaimana ceritanya.

Kedua orang harapan Anwar ini dikatakan terlibat menipu sebuah syarikat kewangan di Petaling Jaya yang berjumlah ratusan ribu ringgit. Mereka telah menggunakan kedudukan Anwar untuk mempengaruhi syarikat kewangan berkenaan. Katanya wang itu digunakan untuk kempen Anwar merebut jawatan Naib Presiden 1987 lalu.

Skandal yang melibatkan dua orang pegawainya itulah dicatat sebagai sejarah paling memalukan dan menjatuhkan imej Anwar Ibrahim dalam sepanjang karier politiknya. Gara-gara berlakunya skandal di dalam "rumahnya" sendiri itu, menyebabkan timbulnya

berbagai implikasi terhadap Anwar.

Orang boleh meragui akan sejauh mana kejujuran dan kesungguhan Anwar dalam membentarkan penyelewengan serta politik kotor dalam Umno. Apa lagi dengan kedudukannya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penyelewengan Kabinet ianya semakin mengaibkan Anwar. Skandal itu juga menyebabkan orang akan berkata Anwar sebenarnya bukan *moralis*.

Satu lagi *style* dan budaya yang ada kepada Anwar ialah suka mengempar-gempurkan sesuatu yang berhubung dengan dirinya. Anwar suka menghangatkan sesuatu isu yang melibatkan dirinya. Beliau suka mengheboh-hebohkan kononnya apa yang beliau lakukan itu yang paling baik dan tidak boleh dibuat oleh pemimpin lain. Politik masuk bakul angkat sendiri ini telah menjadi amalan Anwar sejak dalam Abim dulu lagi.

Kiranya ada sesuatu berkaitan dengan dirinya walaupun kecil ia sengaja digempar-gemburkan supaya nampak besar dan menarik. Sikap inilah yang sangat tidak disukai oleh ulamak Umno Wan Mukhtar Ahmad. Sebagai contoh isu pindaan Akta Pendidikan yang berlaku sekarang ini. Padahal jelas pindaan itu merugikan Melayu, tetapi Anwar telah mengempar-gempurkan kononnya dengan pindaan itu kedudukan Bahasa Malaysia lebih terjamin. Padahal dengan tindakan itu menyebabkan bangsa Melayu untung seguni rugi sekarung.

Selain itu Anwar juga mengamalkan budaya tinggal

kawan dalam politiknya. Beliau hanya menggunakan seseorang itu semata-mata untuk kepentingannya sahaja. Apabila dia telah berjaya, dia tidak akan perdulikan. Budaya ini bolehlah diibaratkan budaya Kunta-Kinte. Dia hanya mempergunakan orang untuk kepentingan dirinya sendiri.

Sudah berapa ramai kawan-kawannya kecewa dengan sikapnya itu. Sebelum ini kawan-kawannya berjuang untuk menaikkannya. Dan dia naik itu juga kerana menumpang tuah kawan-kawannya. Tetapi apabila sudah berada dipuncak, semua pengorbanan kawan-kawannya itu dilupakan. Dan apa-apa musibah yang berlaku keatas kawannya kerana mempertahankan dirinya, dia tidak akan bertanggungjawab. Anwar akan membiarkan begitu sahaja tanpa sebarang pembelaan. Buktinya apa yang berlaku ke atas Syed Hussein Al Attas. Bila kawan itu dikepung oleh BPR, Anwar nampaknya bersikap lepas tangan.

Melihat telatah dan *style* Anwar ini ianya tak ubah seperti *style* dan budaya politik Musa Hitam. Musa Hitam dalam menggunakan orang, memeralatkan orang nombor satu. Bila dia sudah naik, dia akan lupa semua jasa-jasa orang dan mendabik dada. Dia tidak akan kenang lagi pengorbanan para sahabatnya. Misalnya apa yang menimpa diri Ku Li merupakan hasil kelicitan Musa Hitam. Ku Li terang-terang menjadi mangsa Musa Hitam untuk menjatuhkan Mahathir.

Tetapi bila dia sudah lepas, dia membiarkan ku Li terkotang kating seorang diri. Dia tinggal Ku Li bertarung nyawa seorang diri. Demikian juga lagak dan

perangai Sdr Anwar Ibrahim.

Melihat persamaan itu, kita merasakan bahawa Anwar akan menerima nasib yang sama dengan Musa Hitam. Seandainya dia tidak berhati-hati dan meneruskan amalan politik "Kunta-Kinte" dan tinggal kawan itu, dia juga akan menangis tidak berlagu suatu hari nanti. Dia juga akan jadi ular air macam Musa Hitam. Dan ketika itulah nanti Anwar akan nyanyikan semula lagu-lagu Hindustan yang sangat diminatinya itu sebagai meratap nasib malang dirinya.

Demikianlah *style*, budaya dan idea politik Anwar Ibrahim. Sesungguhnya segala itu tidak terlintas di kotak fikiran kita, yang ianya menjadi amalan Anwar. Kita mati-matian ingat Anwar akan berpandukan kepada budaya Islam, kaedah-kaedah yang ditunjuk oleh Al Quran dan Al Hadith dalam dunia politiknya, rupa-rupanya apa yang Anwar jadikan panduan dan *guide-linenya* ialah kitab-kitab politik yang dihasil dan dituliskan oleh orientalis Barat yang menjadi guru dan pakar rujuknya selama ini.



Aii... Sheikh... sheikh bersalam dengan siapa tu. Itu perempuan ajnabi... mengikut syarie Islam haram sheikh. Apakah sheikh juga macam sheikh-sheikh Arab di Pattaya... bebas berorgan perempuannya?

9

MAMPUKAH ANWAR ISLAMKAN MALAYSIA?

JAWAPAN paling afdal yang akan diberikan oleh Anwar sekiranya kita menanya beliau berhubung dengan cita-cita, matlamat dan konsep perjuangannya, beliau akan jawab yang dia mahu tegakkan Islam di Malaysia ini. Mahu membentuk sebuah negara Islam yang mengamalkan segala suruhan Allah dan menegakkan segala hukum-hukum-Nya. Mahu mensejahterakan seluruh umat manusia di dunia dan akhirat.

Dan kalau kita tanya, apakah pula dasar dan prinsip perjuangan beliau, beliau tidak akan menjawab nasionalisme, walaupun beliau kini berada dalam landasan perjuangan tersebut (Umno). Beliau tidak akan berkata begitu, walaupun terang dan jelas, bahawa perjuangan yang sedang beliau naiki sekarang ini ialah sebuah parti yang memperjuangkan kepentingan bangsa yang sempit dan primitif.

Anwar juga tidak akan menjawab bahawa konsep perjuangannya berlandaskan duniawi (kebendaan), sebaliknya dia akan menjawab konsep perjuangannya adalah Islam yang berlandaskan kepada kesucian dan kebenaran Al Quran dan Hadith.

Anwar tidak akan menjawab lain daripada itu. Dan jawapan itu juga merupakan tangkai azimat kepadanya. Kerana dengan memberi jawapan demikian ianya boleh menyebabkan orang tertarik kepadanya. Orang akan syok kepadanya. Menjadikan orang akan simpati kepadanya lalu menyokong dan mengkultuskan beliau sebagai seorang mujahid Islam.

Dan kalau kita menyoalnya balik, macam mana anda mengatakan konsep perjuangan anda Islam, sedangkan wadah perjuangan anda hari ini jelas dan terang bertentangan dengan Islam. Bukankah parti anda hari ini menjadikan nasionalisme sebagai dasar perjuangan? Bukankah Umno itu mementingkan soal bangsa daripada soal agama? Meletakkan soal martabat kemanusiaan lebih tinggi daripada soal-soal mengagungkan Allah?

Bolehkah kita mengakui itu sebagai perjuangan Islam?

Apa yang Anwar akan jawab? (dan memang dia sudah menjawab). Dia akan mengatakan bahawa kemasukannya dalam Umno itu sebagai alat sahaja. Saya masuk Umno untuk membolehkan saya bergerak, berusaha untuk mengIslamkan Malaysia. Saya naik Umno bukan hendak menuju ke arah yang dituju oleh Umno, tetapi saya hanya menumpang Umno untuk menuju ke destinasi yang saya rancang sendiri. Itulah yang Anwar akan jawab!

Dan dia tidak akan menjawab lain dari maksud itu. Apa lagi untuk mengakui bahawa dia kini sedang

terperangkap dan terjerat dan hanyut bersama konsep dan dasar sekular Umno jauh sekali. Anwar tidak akan mengakui kesalahannya mentah-mentah.

Sebenarnya bila kita membicarakan soal Anwar dan cita-cita Islamnya, eluk kalau kita terlebih dahulu menyelidik dan meneliti dengan terperinci apakah beliau benar-benar jujur dan serious dalam perjuangannya itu. Dan apakah wadah yang didudukinya itu sudah kena dan sesuai dengan apa yang beliau laungkan.

Dan juga apakah Anwar mempunyai kemampuan, keistimewaan dan ciri-ciri keperibadian seorang pejuang Islam yang tulin? Kita kena selidik perkara ini sebaik mungkin untuk mengelakkan kita tertipu. Kita tidak mahu tertipu kerana harapan kita sebagai seorang Islam, yang kita berikan kepada seseorang pemimpin itu amatlah besar sekali.

Alangkah celaknya kalau kita telah menyerahkan tanggungjawab kepada manusia yang tidak bertanggungjawab! Alangkah celaknya kita kalau memberikan amanah kepada manusia yang munafik! Dan alangkah ruginya kita kalau kita memberikan harapan kepada orang yang hanya menggunakan pengharapan kita itu untuk kepentingan dirinya sendiri!

Pertamanya elok kalau kita meneliti harakah (parti) yang Anwar anggotai sekarang ini, iaitu Umno. Apakah beliau akan berjaya mencapai cita-citanya itu melalui Umno.

Kita semua tahu bahawa dasar perjuangan Umno sejak dari dulu hinggalah ke hari ini, ialah kebangsaan. Dan kebanyakan orang-orang yang menguasai Umno hari ini terdiri daripada tokoh-tokoh yang hanya beragama Islam, mengakui Islam, tetapi tidak mempunyai hati untuk melaksanakan Islam sepenuhnya. Yang menjadikan Islam sebagai budaya, bukan sebagai pegangan - *way of life*.

Baik di zaman Tunku Abdul Rahman yang dianggap sebagai zaman permulaan untuk bangsa Melayu berkuasa ke atas buminya sendiri dan mendaulatkan agama, sampailah ke zaman Mahathir yang dikatakan lebih *Islamic* daripada Tunku, yang dikatakan tokoh mempunyai *vision*, namun tokoh-tokoh Umno tetap seperti dulu. Pemikiran, budaya dan mentaliti politik Umno tetap tidak berubah. Tokoh-tokoh Umno tetap seperti dulu, kolot dan bersifat fanatik kepada kepentingan-kepentingan duniawai bangsanya sendiri.

Jadi berdasarkan kepada realiti itu dapatkah Anwar hendak memperjuangkan Islam. Keadaan Anwar hari ini tak ubahlah seperti berada disebuah kapal yang sedang menuju ke arah lain daripada matlamat Anwar sebenarnya. Kalau beliau mengatakan beliau hanya menumpang kapal itu dan tidak akan sampai bersamanya, itu logik. Sebab ternyata kapal yang dinaiki itu (Umno) sedang menuju ke arah yang bersimpang jauh seperti mana menjadi idaman Anwar dulu.

Yang lebih malang lagi bukan sahaja kapten dan jurumudi mempunyai hala tujuanya sendiri, tetapi kebanyakan penumpang juga mengikut sahaja. Dalam

keadaan kritikal begitu mampukah Anwar untuk megemudikan kapal yang ditumpangnya itu agar menuju ke arah yang dihajatnya itu?

Kalau kita melihat apa yang berlaku ke atas diri Anwar hari ini, ianya tidak menunjukkan harapan yang menyakinkan. Sebab keadaan Anwar sendiri sudah tidak tentu arah dalam kapal itu. Dia sudah mabuk dan pening kepala sehingga tidak dapat mengawal keadaan lagi. Dia juga turut terikut dengan keadaan penumpang yang hiruk-pikuk itu.

Bagaimana pula kelulusan yang ada kepada Anwar. Apakah beliau layak untuk menjadi seorang pemimpin Islam? Kelayakkan (akademik/agama) merupakan satu ciri penting yang harus ada pada seseorang yang hendak memimpin Islam. Jika dia tidak memperlengkapkan dengan ilmu-ilmu itu, macam mana dia hendak menjadi pemimpin. Pemimpin Islam ialah yang akan bertindak sebagai Imam. Bukan sahaja imam dalam jemaah solat bahkan imam dalam semua bentuk pentadbiran negara. Seorang imam juga secara tidak langsung akan menjadi model dan contoh kepada rakyat yang hendak dikuasainya.

Nabi Muhammad memperlengkapkan dirinya dengan ilmu secukupnya terlebih dahulu. Dia tidak lekas mendabik dada sebagai pemimpin Islam. Berpuluh tahun dia membina dirinya dengan ilmu-ilmu Islam. Hatta kepada isterinya sendiri beliau sangat berhati-hati hendak menerangkan sesuatu. Setelah mendapat perintah Allah baru Baginda memberitahu isterinya.

Kalau seseorang itu tidak mempunyai ilmu secukupnya, baik ilmu dunia maupun akhirat macam mana seseorang itu hendak menjadi pemimpin Islam. Sebab pemimpin Islam sebenarnya bukan hanya menyuruh tetapi berbuat apa yang dia kata. Jadi kalau tidak ada ilmu secukupnya macam mana untuk mengajar rakyat dan membangun negara kelak.

Seandainya kalau soal kelulusan (agama) menjadi kriteria utama untuk menentukan seseorang itu menjadi pemimpin maka ternyata Anwar sudah tidak lulus dalam hal ini. Kerana beliau tidak mempunyai asas pendidikan Islam yang sempurna. Beliau seorang akademik, yang hanya lulus Sarjana Muda Pengajian Melayu di Universiti Malaya. Beliau bukan seorang yang hafal hadith. Apa lagi mempunyai ilmu agama yang banyak. Kalau pun ada pengetahuan agama itu didapati secara membaca dan sewaktu berusrah dan bertamrin dalam Abim dan bukannya melalui pengajian khusus dalam bidang pentadbiran Islam.

Sebenarnya kalau hendak dicungkil falsafah ataupun aqidah perjuangan Islam Anwar ianya merupakan satu perkara yang misteri. Hingga ke hari ini kita tidak tahu secara pasti, siapakah guru Anwar. Dari manakah Anwar mengambil asas-asas perjuangan ataupun politik Islam. Siapakah yang menjadi model dan ikutan Anwar? Kita tidak tahu. Cuma apa yang kita dengar Anwar mempunyai ramai kawan-kawan terdiri dari orientalis barat.

Selain dari ilmu, identiti juga penting kepada setiap pejuang Islam. Identiti merupakan satu perhiasan

zahir yang cukup penting kepada mujahid Islam. Kalau mereka tidak mempunyai identiti Islam, sudah pasti mereka tidak akan berjaya. Kerana orang tidak akan yakin dan mempercayai apa yang beliau lakukan.

Identiti Islam kepada pejuang Islam, samalah pentingnya uniform kepada polis dan tentera. Kalau tidak ada identiti maka, sukarlah untuk orang mempercayai dan menghormatinya. Umpamanya sekiranya polis tidak mengenakan uniformnya ketika bertugas, sudah pasti dia tidak akan ditakuti dan dihormati oleh umum. Dan keadaanya itu juga boleh mengelirukan orang ramai.

Apakah identiti-identiti seorang pejuang Islam itu? Kepada mereka benar-benar menjiwai Islam tidak akan sulit lagi untuk mengetahui perkara ini. Sebab ianya telah ditunjuk oleh para sahabat dan para solafussoleh terdahulu. Lainlah kalau seseorang itu tidak pernah membaca riwayat dan sejarah mujahid Islam itu maka tentulah mereka tidak tahu identiti berkenaan.

Antara identiti yang ada kepada diri seorang pejuang Islam ialah sifat baik dan mulia. Yang istiqamah dengan hukum-hukum Allah. Yang melakukan kerja-kerja baik dan meninggalkan kerja-kerja maksiat. Keadaan ini termasuk juga pakaian, di mana pakaian seorang Islam itu tidak menyolok mata dan sesuai dengan budaya (syariat) Islam.

Seorang pejuang Islam itu juga lebih merasai takut kepada Allah dan hukum-hukumNya. Mereka lebih tunduk kepada kehendak Allah daripada sebarang

kehendak dan kuasa lain. Mereka bersedia menentang kemungkarannya walaupun terpaksa mengorbankan nyawanya. Seorang pejuang Islam juga selalunya jujur dan tidak berbohong.

Seorang pejuang Islam itu juga mestilah mempunyai sifat taqwa yang tinggi (muttaqin). Tanpa sifat demikian sudah pasti dia tidak akan berjaya dan kalaulah pun berkuasa hanya sekejap sahaja. Ustaz Ashaari Muhammad dalam bukunya *Kenapa Salahkan Musuh* ada menghuraikan beberapa sifat orang bertaqwa. Menurut beliau antara sifat-sifat itu ialah;

1. Memahami, menyakini dan menghayati keenam-enam rukun iman.
2. Memahami, menyakini dan menghayati kelima-lima rukun Islam.
3. Menegakkan amal makruf nahi mungkar.
4. Berjihad melaksanakan cara hidup Islam.
5. Berakhlak mulia iaitu berkasih sayang dengan sesama mukmin, tegas dan keras dengan orang kafir, berbelas kesian pada orang yang kurang dan susah seperti mana ia mengasihi dirinya sendiri, pemurah, pemaaf dan suka meminta maaf, bertaubat, sabar, bertolak ansur, berlapang dada, bertolong bantu, berani, tawakal, tawaduk (tidak besar diri), berbaik sangka, bertimbang rasa, gembira dengan kegembiraan orang lain, susah dengan kesusahan orang lain dan memikirkan kepentingan orang lain seperti memikirkan kepentingan diri sendiri.

Jadi sekarang ini cuba kita melihat secara terbuka, apakah Anwar Ibrahim mempunyai identiti serta sifat-sifat berkenaan dan wibawa sebagai seorang peju-

ang Islam? Apakah beliau mempunyai sifat-sifat demikian? Apakah beliau seorang pejuang yang tawakal dan tawaduk?

Apakah beliau benar-benar telah mengambil berat tentang masalah rakyat. Berfikir dan memikirkan kesusahan rakyat itu seperti kesusahannya sendiri? Apakah Anwar berjihad untuk melaksanakan Islam. Apakah begitu?

Dalam konteks ini kita boleh lihat sejauh manakah kesungguhan dan pembelaan Anwar ke atas umat Melayu dan Islam di Pulau Pinang, negerinya sendiri. Sesuatu yang Anwar lakukan disitu mungkin boleh menjadi bukti kesungguhannya untuk membela Islam seperti yang dilaungkan itu. Apakah agaknya jasa Anwar di Pulau Pinang?

Setelah hampir 20 tahun Anwar berjuang nampaknya nasib umat Islam masih belum terbela. Masih terjempit dan berada di persimpangan. Anwar setakat ini ternyata gagal untuk membela umat Islam di negerinya sendiri. Beliau seperti alpa untuk memikirkan nasib Melayu Pulau Pinang seperti nasib dirinya sendiri.

Banyak penindasan dan tekanan yang dikenakan ke atas umat Islam di Pulau Pinang. Khabarnya umat Islam di Pulau Pinang tidak dapat berbuat apa-apa lagi walaupun ke atas hak-hak mereka sendiri. Ada tanah baitulmal di Pulau Pinang jatuh ke tangan orang bukan Islam. Orang bukan Islam menyewa tanah itu dengan bayaran sebanyak 50 sen setahun.

Pendeknya kalau disebut secara terperinci mengenai nasib umat Melayu dan Islam Pulau Pinang sungguh menyedihkan. Dulu Pulau Pinang itu tanah dan bumi Melayu. Hari ini apa sudah jadi. Kini orang Melayu Pulau Pinang hanya memiliki 17 peratus sahaja dari keseluruhan tanah di Pulau Mutiara itu. Dari jumlah itu hanya 20 peratus tanah yang terletak dalam kawasan perbandaran. Jumlah orang Melayu juga berkurangan kalau hendak dikira dengan pertambahan bangsa Cina. Melayu Pulau Pinang kini hanya berjumlah 380 700 kira-kira 36 peratus dari 1.1 juta penduduk keseluruhannya.

Fakta ini bukan dongengan, kita semua dapat tenguk dalam *Dewan Masyarakat Julai, 1990*.

“Sungguhpun keseluruhan Pulau Pinang diisytiharkan sebagai kawasan perbandaran tetapi kebanyakan penduduk Melayu sebenarnya tinggal di kawasan yang sebenarnya tidak menikmati ciri-ciri perbandaran. Peratus penduduk Melayu pada tahun 1988 di tujuh kawasan bandar di Pulau Pinang (yang mempunyai 10,000 penduduk) sangat kurang dibandingkan purata penduduk bukan Melayu.”

“Di segi pertumbuhan ekonomi 1986 - 1988 Pulau Pinang menduduki tempat kedua selepas Selangor dengan purata kadar pertumbuhan tahunan 8.6 peratus berbanding dengan 2.6 peratus bagi tahun 1980 - 1986. Dari segi pendapatan perkapita bulanan, Pulau Pinang menduduki tempat keempat selepas Wilayah Persekutuan, Terengganu dan Selangor. Pada tahun 1989 pendapatan perkapita Pulau Pinang ialah

\$4,221.9 berbanding dengan \$3,723 tahun 1986. Akan tetapi pendapatan purata bulanan isi rumah Melayu adalah paling rendah iaitu di bawah \$600 berbanding dengan China \$1,330 dan India \$1,017.”

Itulah gambaran penghidupan, ekonomi dan juga nasib Melayu Pulau Pinang hari ini. Ianya sungguh mencemaskan. Keadaan yang sangat runcing bak telor di hujung tanduk itu seharusnya diberi perhatian oleh Anwar. Sebelum beliau menjerit hendak membangun Malaysia, mengIslamkan Umno rasa lebih baik kalau dia memperbaiki atau membela kedudukan orang-orang Melayu di negeri kelahirannya itu.

Kita juga hairan dengan sikap Anwar mengenai Pulau Pinang ini. Sewaktu beliau baru masuk Umno dulu, beliau bukan main lagi bersemangat untuk membela dan mempertahankan kuasa Melayu di Pulau Pinang. Tetapi kini semangat dan cita-citanya itu sudah hilang entah ke mana. Kemanakah hilang suara lantang beliau dulu? Dalam menangkapi masalah Melayu Pulau Pinang nampaknya Anwar hanya pandai bercakap sahaja. Beliau tidak lebih dari menyaran dan melaungkan sahaja tetapi tidak pandai untuk berfikir bagi mengatasi apa-apa yang beliau sarankan itu.

“Orang Melayu Pulau Pinang sudah lama ketinggalan dari segi ekonomi. Orang Melayu Pulau Pinang tidak mungkin dapat mengharapkan Ketua Menteri Pulau Pinang atau pemimpin Cina yang lain mewakili mereka benar-benar memikir visi untuk orang Melayu. Pemimpin Melayu Pulau Pinanglah patut memikirkan visi untuk rakyatnya”

Itulah antara ucapan dan pendapat yang Anwar hemburkan berhubung dengan Pulau Pinang. Jadi hari ini kita hendak tanya siapakah pemimpin Melayu Pulau Pinang. Anwar Ibrahim kah ataupun Dollah Badawi? Siapakah Ketua Perhubungan Umno Pulau Pinang? Dan siapakah Pengerusi Jawatankuasa Pemandu Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang hari ini? Bukankah orang yang mengemukakan wawasan demikian sendiri yang menjadi Ketua orang Melayu Pulau Pinang hari ini. Tetapi kenapa Anwar tidak laksanakan apa yang diucapkan tidak lama dulu itu? Kenapa dia tidak memikir bagaimana hendak membela nasib Melayu Pulau Pinang?

Di sinilah kita nampak bahawa Anwar Ibrahim ini hanya, saya ulang, HANYA, pandai bercakap semata-mata tetapi tidak pandai berbuat. Kalau macam tu, macam mana kita hendak harapan kepada Anwar untuk menjaga kepentingan umat Islam di seluruh Malaysia, sedang di negerinya sendiri pun tidak terbela.

Selain dari itu seorang pejuang Islam juga wajib mempunyai sifat jujur dan bercakap benar. Tidak munafik dan berdolak dalih. Pejuang Islam juga tidak hanya pandai berjanji tetapi tidak pandai menunaikannya.

Seorang pejuang Islam akan menghindari dirinya daripada memungkir janji. Dia akan berusaha untuk tidak turut sama terlibat dan bersubahat dengan kerja-kerja mungkar.

Apakah sifat-sifat ini ada kepada Sdr Anwar Ibrahim? Apakah beliau tidak pernah berbohong. Tidak berdolak dalik dalam sesuatu isu. Ataupun tidak pernah memungkiri janjinya? Apakah Anwar benar-benar telah menghindarkan dirinya dari maksiat?

Barangkali kita semua tahu akan hakikat ini. Kita boleh menilai sendiri berpandukan dengan apa yang kita lihat, dengar dan baca. Kita tidak tahu sudah berapa banyak Anwar berbohong. Paling ketara mengenai Akta Universiti dan Kolej. Sudah berapa kali Anwar berjanji hendak pinda atau mansuhkan akta berkenaan, tetapi sampai ke hari ini setitik noktah ataupun sepatah perkataan dalam akta berkenaan tidak pun terusik.

Demikian juga di segi kebajikan kepada umat Islam. Anwar bukan memikirkan untuk memajukan ekonomi orang Islam, walaupun dia laungkan kepentingan itu sebelum ini. Sebaliknya yang beliau lakukan memajukan ekonomi dia sendiri. Pembinaan rumah berharga jutaan ringgit (jangan persoal duit ambil di mana) tetapi itu membuktikan bahawa beliau telah mengutamakan dirinya daripada diri rakyat.

Kalau macam itu manakah yang dikatakan ciri-ciri pejuang Islam. Seorang pejuang Islam tidak mengutamakan harta dan kekayaan. Mereka lebih mementingkan perjuangan dan juga orang-orang di bawahnya. Rasulullah sepanjang hayatnya tidak pernah mempunyai rumah yang ada dua kamar tidur. Rumahnya hanya bertiangkan pokok tamar dan

beratapkan daun tamar. Baginda tidak mengutamakan istana. Padahal kalau beliau hendak buat, rumah dari emas pun boleh.

Selain dari mempunyai rupadiri dan identiti tersendiri, pejuang Islam juga bijaksana, mempunyai akal yang tajam dan tidak berubah-ubah konsep ataupun minhaj perjuangannya. Seorang pejuang Islam, rela mati di hujung pedang daripada menukarkan haluan perjuangan ke jalan sesat. Seorang pejuang Islam mempunyai jiwa yang kuat, teguh dan tidak mudah dicabar.

Biarlah ditawar, diugut ataupun ditekan mereka tidak akan mengubah hala perjuangan mereka. Mereka akan tetap juga meneruskan perjuangan walaupun dicincang lumat, dilempar jauh dan dibakar hangus. Namun mengadaikan maruah, menukar aqidah perjuangan, tidak mungkin sama sekali.

Hidup mati mereka bersama perjuangan Islam. Bersama bahtera Islam.

Apakah Anwar Ibrahim mempunyai sifat-sifat demikian. Mempunyai pandangan, kebijaksanaan dan teguh dalam perjuangan? Rasanya tidak perlu dijawab kerana diantara kita semua tahu akan hal ini. Malahan saya rasakan anda lebih arif untuk membuat penilaian dengan lebih adil dan saksama lagi.

Cuma apa yang boleh kita catatkan mengenai Anwar dalam hal ini ialah penghijrahan beliau dari Abim adalah satu bukti bahawa beliau tidak yakin

dengan apa yang beliau sendiri bina dan yakini sendiri sebelum ini.

Perubahan sikap, pandangan dan juga kecuaiannya Anwar membentuk peribadinya itulah merupakan kelemahan-kelemahan yang ada kepadanya. Kelemahan itu nampak fatal sekali, sehingga dari kelemahan itu menyerlahkan kelemahan Anwar seorang pemimpin Islam. Sekaligus kelemahan itu juga menyebabkan kita nampak Anwar seolah-olah tidak bertenaga untuk meneruskan lagi perjuangannya dan seterusnya muncul sebagai pejuang Allah.

Gara-gara itu semualah kini menyebabkan beliau terjempit dengan diri beliau sendiri. Perkara ini saya sudah gambarkan sepintas lalu dalam buku **MERDEKA KEDUA**.

“Anwar tidak seperti ikan di laut, walaupun bertahun dilaut tetapi dagingnya tetap manis, dan lemak. Anwar kehilangan rupa diri, prinsip matlamat dan cita-cita Islam sebaik sahaja dia merebahkan diri kepada Umno. Anwar yang diharapkan akan dapat mempengaruhi Umno dengan dasar-dasar yang dipraktikkan dalam Abim, menjadi sebaliknya, bila beliau telah dijadikan oleh Umno seperti *baking powder* untuk menaikkan imej Islam dalam Umno”.

“Anwar tidak berkuasa untuk menentang unsur-unsur yang selama ini menjadi cemuhan beliau itu. Sebaliknya unsur-unsur dan fahaman sempit, seperti nasionalisme, perkauman dan sikap jumud dalam Islam itu telah mengikat dirinya sendiri. Semangat

nasionalisme sempit telah meracun bibit-bibit ubudiah dan perjuangan Islam yang berada dalam tubuhnya selama ini.

“Lantaran itu Anwar berubah menjadi pesimis kepada Islam. Beliau bersikap acuh tak acuh kepada kebangkitan Islam. Anwar turut terheret dengan pandangan negatif dan tidak yakin kepada Islam. Beliau benar-benar kehilangan kompas. Hidupnya dalam Umno tidak ubah seperti sebuah perahu kehilangan pendayung. Dia hanya mampu menyerahkan diri kepada Allah dan pasrah kepada Umno. Anwar kini bukan lagi agresif dan dinamik terhadap Islam sebaliknya menjadi insan lara yang *passionate* (pasinatif) untuk mendapat kuasa”

Selain daripada masalah-masalah itu kita juga meragui akan bentuk dan juga kepimpinan Anwar akan datang. Kita merasa kecewa dalam hal ini kerana beliau tidak cuba mengemukakan apakah wawasan perjuangan beliau. Beliau tidak cuba menyatakan secara langsung baik melalui bidang kuasanya ataupun sebagai satu janji yang konkrit.

Kita juga meragui akan keupayaan Anwar untuk memimpin Islam apabila regu atau *partner* yang dipilih untuk berganding bahu menegakkan Islam itu terdiri dari tokoh-tokoh politik yang tidak beridentitikan Islam langsung. Antara regu intim Anwar ialah Tan Sri Ramli Ngah Talib, Tan Sri Mahyuddin Mohd Yassin dan beberapa orang lagi. Orang-orang ini semua sama sahaja dengan Anwar di segi cita-cita, pendidikan dan juga kefahaman (penghayatan)

mereka terhadap Islam. Apakah mereka mampu?

Berdasar kepada realiti dan perkembangan-perkembangan dan pelbagai kelemahan, kepincangan, kecacatan dan kekurangan itulah menyebabkan timbul keraguan kepada kita apakah Anwar mampu untuk mencapainya dan seterusnya membangunkan Islam di Malaysia ini?

Mungkin pertanyaan terlalu pesimis dan bamba-tik tetapi kita harus gantung dalam kepala kita untuk kita tidak merasa kecewa di kemudian hari kelak. Kita harus memikirkan soal logik dan kemampuan itu untuk mengelakkan kita ditipu hidup-hidup oleh mereka yang bertopengkan Islam yang semata-mata untuk kepentingan diri.

Mudah-mudahan kita semua tidak akan tertipu dan Allah melahirkan seorang pemimpin yang benar-benar bersifat kepimpinan, tawadduk, taqwa dan beriman.



Syed Hussein Al Atlas nujum Pak Belalang pada mulanya begitu optimistik Anwar boleh jadi PM tetapi dalam buku terbarunya, Syed Hussein sebut Anwar menteri tak popular. Apakah benar brother kita tu dah menurun Pak Habib? Jagalah dia elok-elok sikit jangan sampai jatuh macam Musa pula.

10

**ANWAR DALAM
SURATKHABAR**
(Bahagian Pertama)

SEORANG bernama pemimpin dia tidak akan dapat mengelakkan dirinya daripada diperhati oleh masyarakat. Kehidupan seorang pemimpin begitu sensitif sekali. Jesteru itu seorang pemimpin harus mempunyai peribadi dan akhlak yang mulia. Kerana peribadi dan akhlak itulah yang akan menjadi ikutan dan keyakinan rakyat.

Kalau seorang pemimpin itu baik, dia akan bertahanan lama di singgah sana kekuasaannya. Dia akan dipuji dan dipuja. Sebaliknya kalau pemimpin itu tidak baik, dia pasti akan dikeji dan dicaci. Dan dia juga tidak boleh duduk lama di atas kerusi kekuasaannya. Dia akan dijatuh.

Dalam sebuah negara demokrasi seperti negara kita ini, rakyat bebas untuk mengkritik pemimpin. Dan pemimpin yang benar pula sanggup dikritik. Saluran untuk rakyat menyatakan sokongan ataupun kritikan itu, antaranya melalui media-massa. Media massa menjadi saluran utama. Dan melalui media-massalah kita akan dapat memahami apakah pemimpin itu baik ataupun sebaliknya.

Dalam hal ini, elok kalau kita lihat bagaimanakah pandangan orang ramai terhadap Anwar yang dibuat melalui surat khabar. Selama sembilan tahun beliau memasuki Umno, telah berbagai kritikan dan pandangan yang dibuat oleh orang ramai berhubung dengan dirinya. Kebanyakan kritikan ini berhubung dengan perubahan fikrah Anwar dan juga sifat Anwar sebagai seorang politik yang dikatakan banyak **bohong** daripada **benar**.

Di bawah ini saya telah mengutip beberapa kritikan rakyat kepada Anwar sejak beberapa tahun lalu. Kutipan ini tidak menyeluruh, dan hanya sebahagian sahaja tidak sampai 10%. Namun dari kutipan-kutipan akhbar ini sedikit sebanyak kita akan dapat gambaran berhubung dengan diri Anwar Ibrahim.

Saya sengaja mengambil keratan akhbar ini dari akhbar Pas. Kerana apa yang disiarkan dalam akhbar ini merupakan tentang realiti Anwar sebenarnya. Akhbar-akhbar lain, seperti Utusan Melayu, Berita Harian, hanya menyiarkan berita-berita baik Anwar. Akhbar berkenaan haram tidak menulis sesuatu tentang buruknya Anwar, walaupun sesuatu keburukan itu benar-benar berlaku ke atas diri Anwar.

Jadi dengan melihat laporan Harakah, kita akan dapat menilai diri Anwar sebenarnya. Pepatah ada mengatakan, kalau hendak tahu keburukan tanya musuh kita dan kalau hendak tahu kebaikan tanya kawan. Dalam hal ini Harakah adalah musuh Anwar. Walaupun ada orang menganggap, berita Harakah itu sebagai berat, tetapi ianya ternyata lebih benar dari

akhbar-akhbar kerajaan berhubung dengan hal ini.

ANWAR PENINDAS RAKYAT...

Petaling Jaya: Anwar Ibrahim tidak layak merasmikan persidangan Serantau Mengenai Hak-Hak Asasi di dalam Islam.

Beliau tidak layak berbuat demikian kerana beliau adalah salah seorang pemimpin terkanan pemerintahan negara ini yang banyak menindas dan menekan rakyat serta hak-hak asasi mereka.

Demikian dinyatakan oleh Naib Ketua Dewan Pemuda Pas Pusat, Saudara Mohammad Sabu, ketika mengulas tindakan menteri kerajaan Barisan Nasional itu merasmikan persidangan tersebut di sini baru-baru ini.

"Meletakkan Anwar Ibrahim merasmikan persidangan tersebut adalah satu tindakan yang mempersenda-sendakan hak-hak asasi di dalam Islam.

"Siapa yang tidak tahu bahawa Naib Presiden UMNO itu sama-sama merestui Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), beliau juga merestui peristiwa penangkapan tanpa bicara 27 Oktober 1987 lalu, beliau merestui Akta Rahsia Rasmi dan beliau juga merestui pemecatan yang penuh penipuan serta penganiayaan ke atas Ketua Hakim Negara yang dipecat, Tun Salleh Abas", kata beliau yang telah dua kali dizalimi di bawah ISA.

Saudara Muhammad Sabu juga mempersoalkan penglibatan Institut Kajian Dasar menganjurkan persidangan tersebut kerana tokoh-tokoh utama institut itu, yang pernah dikenali oleh beliau semasa mereka di-

lantik oleh Anwar Ibrahim menjadi tokoh-tokoh ABIM, tidak pernah mengeluarkan sebarang suara mempersoalkan tindakan pemerintah hari ini yang mencabul hak-hak asasi manusia.

(*Harakah Jumaat 4 ogos, 1989*)

MENTERI PENDIDIKAN DIKECAM

Bangi: Sikap Menteri Pelajaran yang tidak mengambil sebarang tindakan terhadap pihak pentadbir universiti yang mengembangkan program mungkar di kampus telah mendapat perhatian di kongres Mahasiswa UKM.

Yang Dipertua Perstuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (PMUKM), Sdr Wan Ali Wan Jusoh telah membidas Menteri Pelajaran kerana bukan sahaja tidak mengambil sebarang tindakan terhadap pihak pentadbir universiti itu, malah membiarkan mereka menghukum pelajar-pelajar dengan sewenang-wenangnya.

"Atas nama kebebasan beraktiviti di universiti dan pusat-pusat pengajian tinggi, hari ini berbagai gejala keruntuhan moral menjadi penghalang kepada pencapaian era kegemilangan mahasiswa, seperti konsert-konsert hiburan dan rock semakin berleluasa.

"Dalam beberapa ketika kita melihat satu *trend* yang terancang berlaku di seluruh universiti termasuk ITM dalam proses mereka membudayakan universiti dengan kebudayaan konsert yang liar," ujar beliau.

Malangnya, kata beliau lagi, sekumpulan mahasiswa beragama Islam telah dikuasai dan digunakan sepenuhnya untuk mengembangkan budaya tersebut. Lebih malang lagi apabila pihak Menteri Pendidikan

wendiri bukan sahaja tidak mengambil tindakan terhadap pihak penganjur, malah membiarkan pihak universiti menghukum para pelajar tersebut dengan sewenang-wenangnya.

"Alangkah besarnya kesalahan mereka yang menjadikan mahasiswa sebagai medan mengembangkan budaya mungkar. Lalu bagi mereka yang telah leka, bagi mereka yang telah lalai dengan keseronokan tanpa batas akan sanggup mengorbankan maruah dan etika diri demi menjaga status seseorang atau sekumpulan penyanyi sehingga sanggup mengorbankan nilai agama,"katanya.

Saudara Wan Ali Wan Jusoh yang membentangkan kertaskerjanya bertajuk 'Ke Arah Era Kegemilangan Mahasiswa' di Kongres Mahasiswa tersebut telah mengingatkan pihak pentadbir bahawa masyarakat dan negara akan binasa lebih dari apa yang berlaku sekarang ini jika maksud bakat kepimpinan yang ingin dikembangkan di universiti ialah kebolehan menganjurkan budaya mungkar.

Fenomena yang berlaku, kata Yang DiPertua PMUKM itu, adalah penerusan dari teori yang pernah disarankan oleh Lord Macaulay untuk menjahanamkan masyarakat peribumi terutama umat Islam di negeri-negeri yang dijajah oleh British lebih dari satu abad yang lampau.

"Inilah pengkhianatan yang sering dan sedang berlaku atas generasi kita hari ini. Dan ianya akan terus berlaku sampai bila-bila selagi ada patung-patung yang diterapkan oleh British itu dalam negara ini!" tegasnya.

(Harakah 14 July, 1989)

TIADA SUARA ANWAR DAN ABIM BILA ISLAM DIKETEPI

Dehrang (Kedah): Ahli-ahli Abim di negeri Kedah mempersoalkan peranan bekas pemimpin mereka, Anwar Ibrahim, didalam parti pemerintah yang ada sekarang.

Sebahagian dari mereka tidak mahu lagi menyokong tindakan Anwar dan mendakwa mereka selama ini tertipu dengan janji-janji manis tokoh itu.

Dua orang tokoh Abim yang ditemui di sini dan di masjid Dehrang menyatakan mereka kesal dengan sikap membisu Anwar Ibrahim apabila undang-undang Islam diperlekehkan seperti yang terkandung didalam tuduhan terhadap Ketua Hakim Negara yang digantung, Tun Salleh Abbas.

"Memang kami menyokong usaha penerapan nilai-nilai Islam yang dijalankan oleh parti yang didokong oleh Encik Anwar, tapi bila parti itu menghina undang-undang Islam, iman kami tidak membenarkan kami terus menyokong Encik Anwar" kata salah seorang dari tokoh itu yang enggan namanya disiarkan.

Beliau yang memberi tahu, ahli-ahli Abim di negeri ini heboh memperkatakan tindak tanduk Anwar Ibrahim yang tidak mempertahankan undang-undang Islam dalam tuduhan ke atas Tun Salleh Abbas.

Mereka juga mempertikaikan sikap kawan-kawan rapat Anwar yang dulunya lantang menyuarakan tuntutan Islam, seperti Kamaruddin Mohd Nor dan Kamaruddin Jaafar.

"Adakah jumlah manusia bisu sudah bertambah dengan kemasukan mereka ke dalam Umno" sindir

salah seorang dari mereka.

Ahli-ahli itu juga mempertikaikan sikap Abim yang tidak membuat pendirian yang tegas bila undang-undang Islam ditolak mentah-mentah kerana dijadikan sebagai tuduhan ke atas Tun Salleh Abbas orang mahu ia dilaksanakan.

(Harakah 15 July, 1988)

ANEH KENAPA ANWAR BELA VIJANDRAN

Kuala Lumpur: Ahli Parlimen Pas Pengkalan Chepa Haji Nik Abdullah Arshad melahirkan rasa anehnya apabila Menteri Pendidikan yang dikenali sebagai penegak kebenaran telah menjadi orang yang pertama mempertahankan kesalahan dan perbuatan memalukan yang dilakukan oleh D.P. Vijandran.

"Yang anehnya Menteri Pendidikan yang dikenali sebagai penegak kebenaran tetapi dialah orang pertama mempertahankan Yang Berhormat dari Kapar di dalam dewan ini sehingga wakil dari Jelutong terpaksa dihalau keluar dari dewan.

"Aneh, Tuan yang Dipertua, orang salah bebas, orang tidak salah kena hukum...", kata Haji Nik Abdullah ketika membahas ucapan terima kasih kepada DYMMSPA di Dewan Rakyat baru-baru ini.

Di dalam sidang kali ini, sekali lagi Encik Anwar cuba mempertahankan kes Vijandran ini apabila beliau memperlekehkan ketinggian moral ahli-ahli Dewan yang membangkitkan isu ini.

Beliau membangkitkan ketika Ketua Pembangkang dalam Dewan Rakyat, Encik Lim Kit Siang sedang membahaskan ucapan terima kasih kepada DYMMSPA.

Menurut Encik Anwar, Encik Lim Kit Siang berpura-pura mempertahankan prinsip keunggulan moral dan akal budi atas kepentingan politik partinya.

Apa yang menghairankan mengapa Encik Anwar, yang membela Vijandaran dan bukannya menteri-menteri Umno yang lain atau menteri dari MIC sendiri.

Menurut seorang wartawan yang ditemui di bangunan parlimen, mungkin inilah yang dikatakan assobiyah sebagai mana yang dikatakan oleh Rasulullah.

(Harakah 9 Mac, 1990)

ANWAR PANDANG REMEH SOALAN PELAJAR

Saudara Pengarang

Pada 12 Mei yang lalu saya telah menghadiri satu temuduga untuk ke Politeknik yang diadakan di Sekolah Menengah Teknik Cheras Kuala Lumpur.

Saya juga berkesempatan mendengar ucapan Encik Anwar Ibrahim yang disampaikan kepada para pelajar sekolah tersebut dan turut mendengar satu majlis perbincangan dan soal jawab antara Menteri Pendidikan itu dengan pelajar-pelajar sekolah tersebut.

Majlis ini telah diadakan secara tertutup (tanpa para wartawan).

Saya amat berbangga di atas "keberanian" seorang pelajar sekolah tersebut yang saya sifatkan sebagai seorang yang berjiwa Islam atas soalan yang diajukan kepada Menteri tersebut.

Pelajar tersebut telah bertanya mengapa pihak sekolah berkenaan tidak mengadakan satu peraturan yang mewajibkan pelajar-pelajar perempuan yang beragama Islam supaya memakai tudung. Pelajar tersebut

harut menambah "Islam mewajibkan umatnya menu-
p aurat".

Encik Anwar secara lewa mengatakan "tak payah-
lah" dan terus menyatakan bahawa pihak sekolah ter-
sebut sudah mempunyai terlalu banyak peraturan yang
banyak hendak dilaksanakan.

Pelajar berkenaan telah cuba meneruskan hujah-
hujahnya. Tetapi oleh kerana Menteri Pendidikan ter-
sebut yang menguasai majlis pada ketika itu, maka suara
"kebenaran" itu dapat ditenggelamkan oleh jawapan
yang remeh temeh seorang Menteri yang kononnya
menerap nilai-nilai Islam dalam pentadbirannya.

Beliau tidak kelihatan ragu-ragu menjawab secara
remeh untuk soalan yang mahu menegakkan kebenar-
an itu.

Apakah dasar penerapan nilai-nilai Islam yang di-
gunakan?

Beliau dikatakan sering menyelitkan "kata-kata
nikmat" yang dilapazkan oleh bijak pandai Islam yang
diiktiraf oleh dunia Islam dalam ucapan-ucapannya,
tetapi beliau mungkin melupakan kata-kata Assyahid
Syed Qutub yang berbunyi; "jika kamu mahu Islam
naka Islamlah kamu keseluruhannya".

AMALUDIN BADRUZAMAN,
Kuala Lumpur.

(Harakah 3 Jun, 1989)

ANWAR IBRAHIM CEMARI BUDAYA ILMU

Kuala Lumpur: Budaya mungkar yang melanda kampus
ini boleh mencemaskan kewibawaan universiti dan

menodai tradisi keilmuan yang sering dicanangkan oleh Menteri Pendidikan sendiri.

Sdr Abdul Rahman Embong, Yang Dipertua Mahasiswa Islam Universiti Teknologi Malaysia (PMIUTM) seterusnya menyifatkan kegiatan seumpama itu seperti dirancang secara tersusun untuk memenuhi matlamat tertentu.

"Persoalannya, di manakah sikap Encik Anwar yang selalu ditonjol sebagai seorang tokoh yang bersungguhsungguh dalam proses pembudayaan ilmu," jelas beliau.

Katanya, mahasiswa tertanya mengapa Encik Anwar tidak gunakan akta universiti untuk menghalang kegiatan mungkar di kampus-kampus.

Kalau kongres Mahasiswa Kebangsaan boleh digagalkan oleh Akta Universiti, sedangkan ia merupakan kegiatan yang boleh menyuburkan budaya ilmu yang sihat, kenapa pula ianya tidak digunakan untuk menghalang kemasukan konsert ke kampus.

"Janganlah kerana hendak menjaga kedudukan dalam politik, beliau sanggup mencemarkan tradisi keilmuan dikampus dan memejam mata terhadap kezaliman yang dilakukan terhadap mahasiswa yang terlibat dalam demonstrasi menentang kemungkar," tegas Sdr Abdul Rahman.

(Harakah 22 Sep, 1989)

HARAPAN AHLI AKADEMIK PADA ANWAR PUDAR

Kuala Lumpur: Harapan golongan akademik di universiti-universiti tempatan kepada Encik Anwar Ibrahim untuk memulihkan kembali martabat universiti

ampaknya hilang begitu sahaja.

Perhimpunan para tenaga akademik di Universiti Sains Malaysia 13 Oktober lalu menyaksikan sikap mereka kepada Encik Anwar.

Pada mulanya ada cadangan supaya dialu-alukan pernyataan menteri tersebut mengenai akta universiti tetapi akhirnya ditolak begitu sahaja kerana Encik Anwar dikatakan tidak mampu memahami hasrat orang-orang universiti.

Encik Anwar dilantik menjadi Menteri Pendidikan pada awal 1986, di kala itu, golongan mahasiswa mahasiswa dan akademik merasakan universiti dapat dikembalikan kepada tempatnya yang wajar dengan penuh kewibawaan dan kecemerlangan.

Walaupun pemimpin mahasiswa tidak beranggapan untuk turun berdemonstrasi seperti di zaman Anwar dulu, tetapi harapan mereka biarlah menteri mereka lebih memahami kehidupan seorang mahasiswa.

Sdr Rustam Sani, seorang tokoh akademik menyimpulkan peringkat awal pentadbiran Encik Anwar sebagai perkembangan yang sihat, malangnya, keluhuran cita-cita itu tampaknya sudah mulai pudar pada akhir dasawarsa 80an ini. Sejak akhir-akhir ini gagasannya lebih menonjol adalah gagasan pendidikan universiti yang lebih relevent dan berguna.

Universiti cuba diubah menjadi mengajarkan ilmu pengetahuan yang akan dapat dimanfaatkan secara langsung oleh para majikan. Perkembangan seumpamanya ini disifatkan oleh sebahagian tokoh akademik sebagai pencemaran terhadap peranan dan sifat universiti itu yang sebenarnya.

(Harakah 10 Nov, 1989)

ANWAR TERPERANGKAP DALAM UMNO

Saudara Pengarang

Sejarah zaman berzaman di permukaan bumi ini menjadi medan pertarungan di antara golongan yang menegakkan kebenaran dan golongan yang menegakkan kebatilan, antara golongan kanan dan golongan kiri, golongan Islam dengan golongan kafir, antara parti Allah dengan parti syaitan dan seterusnya.

Dalam konteks pertarungan politik kini, kita umat Islam perlu jelas politik yang bagaimanakah yang mewarisi politik para nabi dan Rasul dan politik manakah yang menyambung perjuangan musuh-musuh Allah?

Kesilapan pemilihan inilah yang berlaku kepada Sdr Anwar Ibrahim. Kesilapan ini berpunca bila Anwar terpesona dengan Dr Mahathir dan pentadbirannya. Kalimah "terpesona" yang tidak ada tempat yang hak dan selayaknya daripada perspektif Islam sekaligus menjahanamkan kehebatan Anwar.

Membenci dan memusuhi ulamak atau orang-orang yang menyintai Allah dan RasulNya akan menyebabkan seseorang semakin hanyut dan jauh dari Islam.

Inilah bila berlaku bila mana projek-projek Islamisasi Anwar tidak lebih dari projek-projek Mahathir, USA dan Yahudi yang mahu mendapat simpati masyarakat Islam supaya semangat jihad dan perjuangan kebangkitan Islam dapat dikendurkan dan seterusnya dihancurkan.

Kerajaan kufar jahiliah mana-mana jua pun akan menempelkan berbagai-bagai projek dan program Islamisasi seperti yang dilakukan oleh Anwar kalau disana ada keuntungan dan muslihat politik.

Benar, projek-projek tersebut adalah projek Islam tetapi janganlah sampai mempesonakan diri sendiri dan mendabik-dabik dada memberi tahu ke seluruh dunia.

Anwar sebenarnya amat perlu menginsafi bahawa prinsip Islam yang diperjuangkannya sejak dari kampus, kemudian dalam Abim, tidak ada tapak dalam Umno dan kerajaan Barisan Nasional kerana falsafah BN tidak dibina diatas kefahaman Islam.

Prinsip Islamnya berbeza dengan pengetahuan dan pemahaman Islam Dr Mahathir dan rakan-rakannya. Sebab itulah Dr Mahathir menawarkan jawatan Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan kepadanya dahulu.

Anwar akan terus gagal dalam niat murninya untuk mengIslamkan Umno kerana Umno adalah pewaris perjuangan kebatilan sejak dahulu kala dan pendoong utama kuasa kapitalis Barat dan Amerika.

Anwar akan terus gagal kerana Umno adalah sebuah organisasi yang tidak ada dalam catatan sejarah seorang individu biasa yang bagaimana kuat sekalipun dapat menghancurkan sebuah organisasi politik dari selain daripada para nabi dan Rasul yang diberikan kekuatan.

Yang jelas berlaku organisasi Ummolah yang memenangkap sehingga lidah Anwar menjadi kelu untuk menjadi jurubicara ummah dan pembela masyarakat sebagai mana peranan yang telah dimainkannya suatu ketika dahulu.

Adanya Anwar dalam Umno kini, hanya menamahkan lagi kem-kem konflik dalam politik Umno dan semuanya sedang bergerak dengan rakus menuju kemuncak dan Anwar menyakini apabila sampai saatnya beliau akan naik lalu melaksanakan negara Islam yang diinginkannya, sedangkan alangkan berlikunya,

alangkah rumitnya jalan yang dipilih untuk menyempurnakan hasrat sucinya itu.

HAJI WAN NDIK WAN MAN,
Kuantan Pahang.

(Harakah 17 Nov, 1989)

Saudara Pengarang,

Akhbar "The Star" Isnin 13 Mac, 1989 telah menyiarkan petikan-petikan bicara Anwar Ibrahim disuatu bengkel di Singapura dengan tajuk Masa Hadapan Islam di Malaysia (*The Future of Islam in Malaysia*). Kata-kata Encik Anwar Ibrahim menjelaskan pendiriannya yang menyokong dasar ekonomi yang dilaksanakan oleh Dr Mahathir.

Selanjutnya, bahawa penekanan terhadap peningkatan ekonomi negara menjadi tumpuan utama sehingga mengatasi kepentingan Islam. Dan bahawa peningkatan ekonomi merupakan manhaj/methode yang boleh menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh Malaysia, khususnya mengenai kemiskinan dikalangan rakyat.

Isu menegakkan daulah Islam, menurut Encik Anwar sepatutnya tidak menjadi *priority* umat Islam di negara ini.

Tentunya sudah menjadi pengetahuan asas kepada para intelektual Islam bahawa dasar menumpukan usaha kearah kemajuan ekonomi adalah punca keruntuhan peradaban manusia.

Ianya adalah dasar barat yang mempunyai roh jahiliah, yang mempertuhankan kebendaan dan mengo-

ongkan jiwa manusia daripada kepuasan hidup dengan
pa yang ada.

Sebagai bukti, kes-kes rasuah dan penyelewengan
ng besar-besar dilakukan oleh orang-orang bijak
andai dan kaya raya di negara ini.

Encik Anwar lebih senang sekiranya umat Islam
mengalihkan pembicaraan kepada hal-hal bagaimana
ra pembasmi kemiskinan. Saya berpendapat bahawa
ra paling praktikal dan mudah ialah dengan para
emimpin Islam di semua peringkat di negara ini hi-
up secara sederhana sehingga tidak membezakan
hidupan mereka dengan rakyat jelata, supaya harta-
arta yang mereka kumpulkan itu dapat dibahagi-baha-
kan kepada rakyat yang memerlukan.

Islam menanamkan konsep zuhud kepada penga-
ut-penganutnya, lebih-lebih lagi di kalangan pemim-
anya.

Tetapi itu tidak mungkin berlaku kerana rata-rata
emimpin yang ada sekarang suka kaya dan harta se-
ngga sanggup menggunakan status mereka untuk
mendapatkan sebanyak mana kemewahan yang boleh.

Fikiran, hati dan tujuan hidup mereka tertumpu
pada meningkatkan ekonomi semata-mata.

Encik Anwar tidak akan menyelesaikan masalah
nyelewengan-penyewengan yang menghabiskan wang
kyat dengan mewujudkan jawatan kuasa anti Penyele-
ngan, Undang-Undang yang ketat atau dengan
antuan pasukan-pasukan anti rasuah dan polis yang
mai.

Maksiat selalunya dilakukan secara sembunyi,
ngan itu hanya hati yang sentiasa sensitif akan pe-
awasan Allah S.W.T. sahaja yang dapat mengawal
indakan-tindakan penyelewengan yang sedemikian

rupa. Maka adalah lebih efektif sekiranya Encik Anwar bekerja bersama-sama jemaah Islam untuk menanamkan kesedaran tersebut ke dalam hati dan pemikiran umat Islam dewasa ini kerana mereka bukannya setakat miskin harta sahaja tetapi miskin aqidah.

Memang kita tidak menyangka bahawa kita perlu menyakinkan umat Islam dengan mengemukakan alternatif terhadap sistem jahiliah, tetapi didalam amal Islam yang dahulu patutlah didahulukan. Jika tidak, pelaksanaan terhadap alternatif yang telah dirancang dengan begitu teliti tidak memberi apa-apa makna.

Bank Islam sendiri dilaporkan mengalami kes pecah amanah (\$80,000.00) dan pentadbirannya tidak memandang berat masalah-masalah melabur didalam syarikat-syarikat di Pasaran Saham KL. dari pandangan syarak sehingga kemurnian alternatif Islam itu tercemar dan tidak nampak perbezaan yang jelas diantara sistem Islam dan sistem jahiliah.

Oleh kerana Encik Anwar Ibrahim mempunyai kelebihan (*advantage*) di mana pendapat-pendapatnya sering diutarakan oleh media-massa, maka saya menyarankan kepada mana-mana pihak yang menganjurkan bengkel/forum/perbincangan yang menyentuh Islam walau dari aspek manapun, di mana Encik Anwar dijemput, supaya menjemput juga ulamak yang tidak sependapat dengan Encik Anwar agar isu-isu yang diketengahkan dapat dilapurkan dan dinilai dengan lebih adil, barulah majlis seumpama itu menjadi satu sesi perbincangan yang intelektual bukan *bias* dan yang lebih penting kita dapat mendengar/membaca pendapat-pendapat yang disokong oleh sumber-sumber yang diakui oleh Islam, bukan hanya pandangan-pandangan hasil daripada aliran pemikiran dan pengalaman-penga-

aman individu sahaja. Allahlah yang paling intelektual.
(*Harakah 31 Mac, 1989*)

Saudara Pengarang

Mula-mula pegang jawatan menteri kabinet dulu, Anwar Ibrahim pernah umumkan bahawa dia akan mengkaji untuk membuat pindaan terhadap Akta Universiti dan Kolej Univeristi (AUKU) yang menjadi sebab kejumudan masyarakat kampus.

Hingga sekarang dah dekat sepuluh tahun jadi menteri namun AUKU tak juga dipinda-pinda walaupun Anwar entah berapa puluh kali cakap nak pinda.

Anwar perlu kuasa apa lagi untuk buat pinda AUKU dia dah jadi Menteri Pendidikan sekarang. Bukan lagi menteri yang duk jaga subsidi kerbau lembu. Takkan sampai jadi Perdana Menteri baru hendak pinda AUKU.

Yang sebenarnya kegagalan pindaan AUKU ini adalah disebabkan oleh kelembapan-kelembapan Anwar sendiri. Kita tidak pernah jumpa menteri yang embab macam Anwar di negara ini. Nak pinda AUKU pun takkanlah makan masa berpuluh tahun?

Malang Kementerian Pendidikan punya menteri yang lembab. Saya nasihatkan Anwar silalah letakkan jawatan menteri cepat-cepat sebelum Kementerian Pendidikan menjadi pejabat walfare.

CIKGU MAT BULAN

Bangi Selangor

(*Harakah 20 April, 1990*)

11

**ANWAR DALAM
SURATKHABAR**
(Bahagian Kedua)

SEBAGAI seorang ahli politik, Anwar Ibrahim banyak mengemukakan wawasan, pandangan dan juga idea perjuangannya. Tidak syak lagi segala wawasan tersebut menjadi salah satu "modal" utama bagi seseorang politik untuk kemajuan dirinya. Untuk itu Anwar telah mengeluarkan berbagai pendapat, formula, pandangan dan juga idea dalam semua aspek kehidupan. Apa yang paling ketara formula, wawasan, pendapat serta pandangan Anwar itu semuanya berlatar kepada Islam. Anwar menjadikan Islam sebagai dasar pemikirannya. Keadaan inilah menyebabkan Anwar popular dan komitmennya kepada Islam dilihat agak menonjol berbanding dengan tokoh-tokoh politik lain.

Tetapi apa yang menyedihkan, Anwar kadang-kadang tidak berjaya mempraktikkan sendiri apa yang beliau sarankan itu. Kadang-kadang pendapat Anwar itu juga jelas bertentangan di antara satu sama lain dan sangat mengelirukan. Dan paling ketara sekali bahawa pendirian, sikap dan pandangan Anwar terhadap sesuatu isu itu berubah-ubah mengikut keadaan dan suasana. Ianya semacam tidak konsisten walaupun apa yang beliau ucapkan itu merupakan formula berdasarkan Islam yang tidak seharusnya berubah-ubah mengi-

kut mood beliau sendiri.

Di bawah ini diperturunkan beberapa pendapat dan kenyataan Anwar dalam masa 10 tahun lalu yang dikutip dalam pelbagai media-massa. Kita tenguk akan kesungguhan dan keikhlasan Anwar tentang apa yang beliau ucapkan dulu berbanding dengan apa yang berlaku ke atas dirinya hari ini.

ISLAM DI SINI SEBAGAI MASYARAKAT PINGGIRAN

BUTTERWORTH 1 Mei - Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) Encik Anwar Ibrahim menyifatkan keadaan masyarakat Islam di negeri ini menurut istilah kajian masyarakat telah pun sebagai "masyarakat pinggiran". Katanya jika masyarakat Islam yang disifatkan sebagai masyarakat pinggiran itu tidak diperbaiki dan ditingkatkan kembali maka masyarakat Islam akan datang hanyut dengan arus kemajuan.

Bagi mengatasi masalah tersebut maka seluruh pemimpin-pemimpin Islam dari peringkat negeri ini mencari jalan bagaimana untuk mengatasinya.

Encik Anwar Ibrahim berkata demikian ketika berucap merasmikan tamrin al Kadir dan muktamar kedua Abim di Pulau Pinang di Sekolah Kebangsaan Tanah Liat di sini hari ini. Menurut Encik Anwar oleh kerana masyarakat Islam di negeri ini sekarang sebagai masyarakat pinggiran maka harus diadakan satu orientasi dan usrah kepada generasi hari ini yang bakal memimpin masyarakat dan negara akan datang. Sekiranya ini tidak dilakukan hari ini maka masyarakat

Islam yang ada hari ini akan terus jatuh dan tidak akan membangun lagi ditambah pula dengan kepesatan kemajuan pembangunan.

"Sekiranya masyarakat Islam sendiri tidak dapat menyesuaikan diri dengan perkembangan kemajuan, dengan merancang pembangunan ekonomi sendiri terutamanya di negeri ini maka tentunya masyarakat Islam akan terus tenggelam begitu sahaja.

(Utusan Malaysia 2 Mei, 1977)

ANWAR NAFI UMNO PARTI SEKULAR

BALING: Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, Encik Anwar Ibrahim menolak tuduhan setengah kalangan pemimpin parti pembangkang bahawa Umno adalah sebuah parti sekular dan memperjuangkan asobiyah. "Tuduhan Umno itu sekular, toghut, fasik dan asobiyah sebenarnya lahir daripada kalangan orang-orang yang bebal dan iri hati terhadap kemajuan yang dicapai oleh parti itu. Berucap kepada kira-kira 1,000 penduduk kampung Carok dekat sini kelmarin, Encik Anwar menyatakan sebenarnya pemimpin-pemimpin parti pembangkang itu sudah tidak mempunyai modal politik lagi. "Oleh kerana mereka kehabisan modal, terutama dalam zaman pentadbiran Perdana Menteri Mahathir Muhammad, mereka terpaksa membuat pelbagai fitnah untuk mempengaruhi rakyat" katanya.

Encik Anwar menjelaskan sebilangan mereka yang menuduh Umno sebagai parti sekular sebenarnya tidak faham maksud perkataan itu.

Perkataan sekular jelasnya berasal daripada istilah Greek berbunyi *sculus* yang bererti agama asing dan dunia asing.

"Dalam hal ini, apakah Umno sebuah parti yang mengasingkan agama dan dunia di dalam perjuangannya?" tanya beliau.

Encik Anwar menjelaskan sebenarnya apa yang dilaksanakan oleh Umno dalam perjuangannya adalah untuk kemajuan jasmani dan rohani yang merangkumi kedua-dua bidang agama dan dunia.

Beliau yang juga Menteri Kebudayaan dan Sukan berpendapat parti pembangkang yang menuduh Umno dengan pelbagai tuduhan yang bukan-bukan itu tidak pernah langsung membuktikan sebarang kerja yang berkesan sama ada untuk agama, apa lagi untuk dunia.

Katanya Umno tidak pernah mengamalkan konsep bercakap sahaja, tapi ia mengamalkan segala rancangan yang disusun secara berperingkat demi peringkat.

Beliau menambah Umno tidak pernah memperjuangkan fahaman kebangsaan yang sempit.

"Buktinya boleh dilihat dalam amalan yang ditunjukkan oleh Umno yang memperjuangkan cita-cita untuk meninggikan maruah bangsa Melayu di samping memberi peluang kepada kaum-kaum lain untuk hidup aman damai di negara ini" katanya.

Sebaliknya parti yang menuduh Umno memperjuangkan asobiyah itulah yang mengamalkan konsep itu, tegasnya.

Encik Anwar menyatakan parti itu hanya memperjuangkan fahaman kelompok yang sungguh sempit dengan pegangan bahawa apa orang lain buat walau-

...pun baik, ia tetap akan dicap sebagai perkara yang salah belaka.

Beliau menyatakan di negara ini setiap orang mestilah menyedari hakikat bahawa kenyataan yang wujud ialah kita hidup sama-sama rakyat bukan Islam.

"Islam tidak melarang kita berkerjasama dengan bukan Islam dalam bidang-bidang tertentu" jelasnya.

Beliau menambah "Saya tidak menafikan memang masih wujud beberapa hal yang belum memuaskan dalam pentadbiran kerajaan.."

(Berita Harian 19 April, 1984)

ANWAR: MASA DEPAN ISLAM DI MALAYSIA JUGA DITENTU OLEH ORANG BUKAN ISLAM

PERKEMBANGAN dan masa depan Islam di Malaysia ditentukan bukan sahaja oleh masyarakat Islam, malah masyarakat bukan Islam.

Kerajaan tidak dapat melaksanakan sebarang perubahan atau pembaharuan tanpa musyawarah.

Demikian dinyatakan oleh Menteri Pendidikan Malaysia Encik Anwar Ibrahim di sini petang semalam.

Bercakap mengenai "Masa Depan Islam di Malaysia" dalam majlis ceramah makan tengah hari anjuran Pusat Maklumat dan Rujukan, di Marina Mandrin, Encik Anwar berkata bahawa berdasarkan landasan itulah pucuk pimpinan Umno memandang penting untuk mengadakan hubungan dan mengadakan dialog dengan kumpulan kaum dan agama lain.

"Kami tidak akan melaksanakan sebarang rancangan perubahan dan pemulihan tanpa persetujuan

ramai demi mewujudkan sebuah masyarakat yang hormoni," jelas beliau.

Masyarakat Islam pula, kata beliau, harus menghormati kebebasan masyarakat untuk bersetuju atau sebaliknya; malah mempersoalkan asas dasar penerapan nilai-nilai Islam itu.

Beliau berpendapat, untuk menjadikan Islam relevan di Malaysia pada masa depan, masyarakat Islam harus digalakkan untuk menghormati hak asasi orang ramai untuk melahirkan pandangan. Mereka juga harus menjalin hubungan dengan masyarakat bukan Islam lain.

Encik Anwar berkata beliau akan memilih sebuah sistem yang tidak mempunyai label Islam tetapi yang secara berterusan menghormati pandangan mereka yang tidak bersetuju dengan pemerintah.

Yang penting, kata beliau, ialah wujudnya keadilan, penggunaan sumber-sumber negara bagi membanteras kemiskinan desa dan bandar, serta menjamin wujudnya kewibawaan dan rasa tanggungjawab, penguasaan kewangan yang cermat dan membasmi rasuah.

"Inilah nilai-nilai Islam yang kami maksudkan," tegas Encik Anwar.

Adalah lebih baik membincangkan mengenai isu dan rancangan yang dilaksanakan seperti Bank Islam dan Universiti Islam, daripada mengenai kemungkinan Malaysia menjadi sebuah 'negara Islam'.

Beliau kemudian menarik perhatian bahawa kebangkitan semula Islam adalah satu fenomena sejagat dan masyarakat Islam di Malaysia juga turut menyertainya.

Tetapi corak dan penghayatan masyarakat Islam di Malaysia terhadap kebangkitan Islam itu berbeza sama

sekali dengan lain-lain negara Islam di dunia.

Encik Anwar juga menyatakan soal kebangkitan Islam dalam konteks Malaysia terlalu dikaitkan dengan atau bahan politik.

Keadaan demikian berlaku kerana kurangnya unsur-unsur intelektual dalam rancangan-rancangan yang dilaksanakan dan dengan itu ia mudah menimbulkan kebimbangan bukan saja di kalangan masyarakat Kristian dan lain-lain, malahan masyarakat Islam sendiri.

(Berita Minggu Singapura 12 Mac, 1989)

SISTEM PENDIDIKAN TIDAK BERKIBLAT KE BARAT - ANWAR

KUALA LUMPUR - Sistem pendidikan negara sekarang tidak berkiblatkan ke Barat walaupun beberapa bidang ilmu tertentu bahan rujukan dari Barat dijadikan sandaran utama. Menteri Pendidikan Encik Anwar Ibrahim, memberitahu Dewan Rakyat hari ini.

Katanya, adalah tidak benar jika dikatakan sistem pendidikan tempatan berkiblatkan ke Barat semata-mata kerana negara banyak bersandarkan kepada bahan-bahan rujukan Barat dalam bidang-bidang seperti komputer dan sains teknologi.

Dalam bidang ilmu seperti itu, Malaysia harus mengakui bahawa negara-negara Barat adalah lebih maju, katanya sewaktu menjawab soalan Haji Abdullah Haji Arshad (Pas Pengkalan Chepa).

Bagaimanapun katanya dalam perkara seperti akidah, nilai budaya, akhlak dan sejarah, sistem yang diamalkan masih mengutamakan kepada kepercayaan

dan kehendak agama serta tradisi tempatan.

Encik Anwar berkata prestasi pendidikan negara juga tidak boleh diukur hingga dianggap terkebelakang berbanding dengan negara-negara Barat. Dalam hal ini juga Malaysia hanya boleh dikatakan ketinggalan dalam, bidang-bidang ilmu khusus seperti komputer sains dan teknologi.

(Utusan Malaysia 14 Mac, 1989)

JANGAN TERLALU IDEAL TENTANG EKONOMI ISLAM

PETALING JAYA: 7 July - Encik Anwar Ibrahim hari ini mengingatkan ahli-ahli ekonomi Islam supaya jangan terlalu ideal tentang sistem ekonomi Islam dan meminta mereka menerima kenyataan yang ada di sekeliling mereka.

Menteri Pendidikan itu berkata walaupun sistem ekonomi Islam paling baik bagi mengatasi masalah ekonomi dunia sekarang, namun ia tetap terikat dengan sistem lain yang ada diluar Islam.

Tambahnya walaupun jelas terdapat dasar-dasar yang tidak adil dalam sistem ekonomi antarabangsa namun orang-orang Islam harus menerima bahawa mereka terpaksa bergantung kepada sistem itu sambil cuba melaksanakan sistem Islam secara berperingkat-peringkat.

Berucap merasmikan seminar antarabangsa mengenai ekonomi Islam di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) disini hari ini, beliau menegaskan bahawa pelaksanaan sistem ekonomi Islam juga harus mengambil kira pandangan dan faktor-faktor lain dalam sese-

buah masyarakat.

Seminar tiga hari anjuran Fakulti Ekonomi UIA itu membincangkan satu kertas dasar oleh Rektor UIA Tan Sri Prof. Muhammad Abdul Rauf dan 11 kertas kerja lain yang ditulis oleh pakar-pakar ekonomi Islam dalam dan luar negeri.

Dalam sesi perbincangan seminar seperti ini, kata Encik Anwar, orang-orang Islam yang terkemuka wajar diajak bersama-sama menyertainya untuk mewujudkan persefahaman dan mengelakkan penentangan daripada mereka.

"Adalah berbeza apabila kita berbilang sesama Islam semata-mata berbanding perbincangan yang melibatkan orang-orang bukan Islam, di mana kita boleh memujuk agar mereka dapat menerima setidaknya di segi fakta yang ada," ujarinya.

Katanya apa yang harus ditekankan dalam sistem ekonomi Islam ialah aspek pembangunan insan yang bertujuan memberikan kesejahteraan kepada manusia di dunia dan akhirat. Mengambil contoh masalah yang dihadapi oleh koperasi-koperasi pengambilan deposit (KPD) Encik Anwar berkata perkara pokok bagi masalah itu bukanlah sistem tetapi soal moral dan etika.

Dalam ekonomi Islam tambahnya, matlamat utama ialah kearah menjamin keadilan ummah serta memeringkai amalan rasuah. Dalam pada itu katanya perimbangan harus diberikan kepada sama ada sistem boleh diterima oleh anggota masyarakat keseluruhannya.

(Utusan Malaysia 8 July 1989)

ANWAR JAMIN 'BERJUANG' SEPERTI DULU

KUALA LUMPUR, 18 April: Menteri Pelajaran Anwar Ibrahim memberi jaminan bahawa beliau akan meneruskan usaha untuk memperbaiki sistem pembelajaran di institusi pengajian tinggi seperti yang pernah diperjuangkannya dahulu.

Menurutnya, ini merupakan satu komitmen yang perlu dicapai untuk melihat universiti dan pusat pengajian tinggi sebagai satu gedung untuk menerima kekuatan dan insprasi dalam pembentukan satu corak pemikiran baru.

Berucap merasmikan Kongres Nasional para akademik di universiti Malaya disini hari ini, beliau menyatakan kesal dengan dakwaan yang kononnya beliau kini tidak lagi mengambil berat terhadap soal yang pernah diperjuangkan dahulu.

Sesuatu perubahan itu jelas beliau, terpaksa mengambil masa dan ianya tidak boleh dilakukan secara serentak kerana ianya akan menimbulkan berbagai reaksi.

Oleh kerana terdapat kelewatan dalam pelaksanaan perubahan itu saya didakwa tidak lagi mengutamakan apa yang pernah diperjuangkan dan ini sesungguhnya adalah sesuatu yang tidak berasas.

"Saya menganggap kata-kata seperti 'semua ahli politik itu adalah sama' yang dilemparkan kepada saya sebagai satu penghinaan pada ketika pelaksanaan perubahan itu sedang dilaksanakan," tegasnya.

Encik Anwar menyifatkan golongan yang melemparkan dakwaan seumpama itu sebagai kumpulan yang takut menerima perubahan.

Sambil menyifatkan ini sebagai satu fenomena

iasa dalam melaksanakan sesuatu yang baru, Menteri Pelajaran berkata, beliau yakin perubahan yang sedang dilakukan ini dapat diterima.

"Sementara perubahan sedang dalam peringkat pelaksanaan saya meminta rakan-rakan yang memimin universiti yakin dengan jaminan yang saya beri ini" tegas beliau.

Kata Encik Anwar orang-orang yang mempunyai ilmu pengetahuan yang rendah takut perubahan yang ingin dilaksanakan ini kerana ianya agak liberal.

Menurut beliau liberal yang dimaksudkan dalam konteks ini tidak langsung menyentuh soal-soal yang berkaitan dengan perkara yang bercanggah dengan kehendak agama, tetapi sebaliknya akan menitikberatkan pendekatan terhadap galakan dan usaha membentuk alam pemikiran baru.

(Mingguan Malaysia, 19 April, 1987)

JANGAN MINTA SAYA 'SERANG' PRESIDEN PARTI - ANWAR

PULAU PINANG, 6 Sept - Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia Encik Anwar Ibrahim tidak akan tunduk terhadap sebarang desakan yang mahukan beliau 'menyerang' Datuk Sri Dr Mahathir Muhammad dalam mengemukakan pandangan Pemuda terhadap sesuatu isu yang dibangkitkan.

"Jangan minta saya 'serang' Presiden parti kerana saya merasakan perjuangan Pemuda mesti seiring dengan pucuk pimpinan dan jika ada sebarang teguhan ianya hendaklah dibuat mengikut saluran tertentu amada dalam mesyuarat jemaah menteri atau Majlis

Tertinggi Umno."

Encik Anwar yang akan mempertahankan kerusi Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia dalam pemilihan akan datang menegaskan, setiap sesuatu yang hendak diperjuangkan oleh Pemuda mesti mempunyai alasan mengikut tradisi dan akhlak perjuangan dan bukannya menyuarakan pandangan secara membuta tuli.

Mengenai perebutan jawatan tersebut, Encik Anwar yang juga Menteri Pelajaran juga berkata pertandingan itu diharap berjalan dalam suasana yang baik serta dapat mengelakkan kempen fitnah memfitnah antara satu sama lain yang akan turut menjejaskan imej Pemuda.

Beliau mengingatkan semua pihak termasuk para penyokong supaya tidak 'bersandiwara' dengan kempen-kempen tidak sihat, biadap, kurang sopan, fitnah-memfitnah dengan menggunakan 'askar-askar upahan' untuk mencerca dan memaki orang lain yang akan bertanding.

Encik Anwar mengingatkan jika ada di antara penyokong beliau sendiri yang cuba berkempen untuk dirinya dengan membuat sesuatu yang biadap, mereka yang menyedari perkara tersebut hendaklah melaporkan perkara itu kepada beliau untuk tindakan.

(Mingguan Malaysia 7 Sept, 1986)

KERAJAAN AKAN KETAT KELULUSAN PERTUNJUKAN POP

JOHOR BAHRU: 5 Ogos - Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan akan mengetatkan kelulusan izin

untuk pertunjukan-pertunjukan terutama persembahan muzik pop jika pihak penganjur nyata tidak mampu mengawal disiplin para penonton.

Menteri berkenaan Encik Anwar Ibrahim berkata hari ini beliau bimbang melihat gejala buruk dan tidak sopanan penonton semakin menular di setengah-setengah pertunjukan di negara ini.

Beliau bercakap kepada para pemberita untuk menghurai ucapannya mengenai hal tersebut semasa merasmikan Khemah Kerja Pemuda Umno Bahagian Kenggam di Felda Bukit Batu 64 km dari sini.

Bahagian kebudayaan di kementeriannya telah dirahkan jangan melanjutkan tempoh kebenaran bagi mengadakan persembahan pentas jika penganjur gagal mengawal para penonton daripada berkelakuan tidak enonoh.

Kata beliau perbuatan penonton membuka baju, meremaj pentas untuk mencium artis dan lain-lain kelakuan tidak sopan tidak direlakan berterusan.

Katanya, "Saya bukan anti muzik, tetapi saya tidak ingin melihat kelakuan belia Malaysia yang menggila."
(*Utusan Malaysia* 6 Ogos, 1983)

SEDIA BAHAS DASAR PENGISLAMAN: ANWAR

KUALA LUMPUR: Khamis - Kepemimpinan negara sedia melaksanakan dasar-dasar dan rangka kerja pengislaman ilmu pengetahuan seperti yang digariskan oleh *International Institute of Islamic Thought*, yang berpusat di Amerika Syarikat.

Menteri Pelajaran Encik Anwar Ibrahim, berkata kepemimpinan negara sedia memberi kesempatan

membahas, menguji, dan melaksanakan dasar-dasar itu dalam beberapa bidang tertentu.

"Sehubungan itu, Kementerian Pelajaran dan pusat-pusat pengajian tinggi akan menyokong usaha besar itu dan saya akan memastikan ianya dilaksanakan dengan baik," kata Encik Anwar Ibrahim.

Beliau menyifatkan kepemimpinan negara ini sebagai istimewa kerana kesediaan dan kesungguhannya berbincang mengenai kemungkinan melaksanakan dasar-dasar ke arah mewujudkan peradaban Islam.

"Cendekiawan Islam hendaklah membahaskan falsafah dan rangka pembangunan negara, usul fiqh, ekonomi dan cabang ilmu lain, serta mencari pendekatan serta penyelesaian Islam," katanya.

Tidak memandai lagi melaungkan Islam adalah deen yang lengkap, sempurna dan ia satu cara hidup menyeluruh tanpa megemukakan jalan keluar daripada kemelut yang dihadapi oleh umat Islam sekarang.

Encik Anwar menyifatkan penguasaan ilmu Barat ke atas umat Islam sebagai penjajahan bentuk baru yang mempengaruhi nilai akhlak, dan pertumbuhan umat Islam seluruhnya.

(Berita Harian 6 Feb, 1987)

UMNO AND PAS READY TO HOLD DISCUSSIONS

KUALA LUMPUR Thurs- Umno and Pas will work towards holding the proposed muzakarah (discussions) soon, Umno Youth leader Anwar Ibrahim said today.

Speaking to reporters after opening an International Seminar on Islamic Thought here he said since

Both parties had expressed their readiness to hold the muzakarah, they would now have to work towards it.

"We will work it out very soon...God willing," he said.

Pas Deputy President Haji Fadzil Nor was reported to have said on a Tuesday that "Pas has agreed to hold a muzakarah with Umno for the sake of muslim unity" in the country. The party's central committee members made the decision at its meeting here a few days ago.

Encik Anwar also said that Umno welcomed any assistance from third parties to make the muzakarah a reality.

The Malaysians Islamic Dakwah Foundation (Yadim) yesterday welcomed Pas unconditional agreement to the muzakarah with Umno and said it was prepared to act as middleman to bring it about.

Yadim's Deputy President Dato' Haji Dasuki Ahmad, said the stand adopted by Pas would open greater opportunities to Yadim to organise the muzakarah.

He also said a number of preliminary meetings between Yadim leaders and top Pas leaders had been held to discuss the question of getting the two parties to meet.

Encik Anwar, however, would not say whether the muzakarah issue would be raised during the Umno Supreme Council meeting on Saturday.

(New Strait Times 6 Feb, 1987)

12

MIMPI ANWAR

UATU yang tidak menjadi rahsia lagi cita-cita dan perjuangan terbesar Anwar Ibrahim ialah untuk menjadi Perdana Menteri. Malahan sebaik sahaja beliau melangkah masuk ke dalam kandang Umno, sembilan tahun lalu, itulah cita-cita yang tergantung di hatinya. Cita-cita itulah juga mendorong beliau untuk menyertai Umno.

Untuk menjadi Perdana Menteri itu adalah hak Anwar. Dan hak sesiapa juga yang menjadi warga negara Malaysia. Sesiapa sahaja boleh jadi Perdana Menteri asalkan tidak gila dan dijatuhkan hukuman oleh mahkamah. Dalam buku **Merdeka Kedua**, saya telah menggaris panjang lebar berhubung kriteria seseorang yang hendak menjadi PM.

Nama Anwar Ibrahim juga telah saya senaraikan ialah seorang calon Perdana Menteri Malaysia. Lain-lain nama yang duduk sebaris dengan nama beliau ialah Tengku Razaleigh Hamzah, Fadzil Nor, Lim Kit Siang, dan Ashaari Muhammad. Di antara mereka ini saya kira berkemampuan untuk menjadi PM. Hanya Allah sahaja yang boleh menentukan nanti.

Bagi Anwar untuk menjadi PM, dia kena berjalan jauh. Beliau perlu berjuang lebih lama. Kalau lima tahun dahulu, kita begitu optimistik bahawa beliau adalah tokoh paling layak, tetapi kelayakan itu sedikit demi sedikit terhakis dari minda keyakinan kita. Keadaan ini menyebabkan dia terpaksa memulih-baikkan dirinya sendiri. Kalau dia tidak berjaya berbuat begitu, bermakna Anwar sebenarnya sedang bermimpi untuk menjadi PM.

Berjayakah dia memulih dirinya? Itu Anwar sendiri yang dapat menjawabnya secara konkrit. Bagi kita yang sentiasa meneliti tindak tanduk Anwar hanya dapat memberi jawapan dengan melihat apa yang berlaku ke atas dirinya kini. Dan dari apa yang kita nampak, Anwar begitu sulit sekali untuk memulih dan membaiki dirinya setanding dengan kewujudan Anwar dalam tahun 1970an dulu.

Sebab kalau diibaratkan kepada sebuah kereta kerosakan Anwar bukan sahaja di bahagian *body* (luar), tetapi telah melarat ke bahagian-bahagian injin yang terpenting, termasuk chasisnya sekali.

Untuk kita nampak dengan lebih jelas, elok kalau diturunkan disini antara kerosakan dan juga kelemahan-kelemahan yang telah dan sedang berlaku ke atas diri Anwar. Mudahan dengan pendedahan ini (*post-mortem*) ianya akan memberi kesempatan baik kepada Anwar untuk membaiki dirinya serta membeli mana-mana *spare-part* yang perlu untuk membuat penggantian.

Kerosakan Anwar yang pertama ialah sifat dan kapanya sebagai seorang pemimpin Islam. Kalau sebelum ini kita mengenali dia sebagai seorang pemimpin Islam, tetapi pengenalan itu sudah tidak ada lagi kepada Anwar. Pengenalan ini terhakis disebabkan sifat dan pandangan politik beliau yang telah berubah.

Beliau telah banyak berubah. Beliau tidak lagi mengamalkan sifat sebagai seorang pemimpin Islam. Sebaliknya sifat yang dimiliki oleh beliau kini ialah sifat-sifat yang kontra dengan Islam. Ini terbukti bila beliau banyak terlibat dengan pelbagai bentuk maksiat dan bersubahat dengan kemungkaran dalam kariernya sebagai seorang politik dan pemimpin kerajaan.

Beliau juga sudah banyak kehilangan sifat-sifat ulit sebagai seorang pemimpin Islam seperti tegas, bertanggungjawab, bertoleransi serta mempunyai jiwa untuk menyatukan ummah. Beliau kini menjadi seorang *politician* yang munafik dan tidak tegas kerana terpaksa mengikut arus dan kehendak dasar parti yang beliau anuti.

Keadaan ini menyebabkan beliau sudah hilang perasaan toleran dengan pihak-pihak Islam lain, yang sebelum ini menjadi rakan perjuangan beliau, seperti PAS, Darul Arqam dan harakah Islamiah lainnya. Ini juga berlaku kerana beliau lebih banyak menjaga kepentingan dan keuntungan perjuangan Umno daripada doktrin perjuangan asal beliau.

Dulu kita cukup bangga mendengar cakap-cakapannya untuk menyatukan ummah Melayu dan golongan

politician Melayu. Tetapi, cakap-cakap itu semua sudah ghaib. Kalau benar beliau hendak menyatukan Melayu beliau sudah berjaya kerana ketika itu ummah Melayu memang bergantung penuh kepadanya.

Dan kalau beliau juga mempunyai jiwa penyatu (ukhwah) dan mahu melihat umat Islam aman dan rukun damai sudah pasti dia akan berusaha sedaya upaya untuk membawa Pas masuk ke dalam Umno, ataupun membawa Umno masuk ke dalam Pas sesuai dengan kehendak beliau dulu agar Melayu tidak banyak *politiking*.

Kita masih ingat lagi tentang pandangan Anwar berhubung masalah polarisasi kaum di Malaysia. Menurut Anwar sewaktu dalam Abim, cara paling baik untuk mengatasi masalah perkauman (perpecahan kaum) ialah dengan mengambil dasar Islam.

Kuala Lumpur, 27 Februari - Dasar-Dasar Islam adalah satu cara yang paling baik bagi mengatasi masalah berbangkit di kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini, kata Encik Anwar Ibrahim.

Katanya, apa yang perlu dilakukan hanya menyesuaikan segala pandangan yang terdapat di kalangan masyarakat bukan Islam dengan masyarakat Islam ke dalam satu cara hidup yang lebih sesuai.

Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia itu selanjutnya menegaskan bahawa di satu masa yang sama rakyat mestilah menerima agama Islam sebagai jalan penyelesaian di samping mengembangkan lagi ajaran tersebut.

Encik Anwar berkata demikian di dalam sidang

eno seminar dakwah belia Islam Asia berlangsung di
ewan Bahasa dan Pustaka di sini hari ini.

Tajuk ucapan beliau ialah "Kebangkitan Islam
dengan rujukan khas kepada belia-belia Islam"

Beliau percaya negara mempunyai potensi ke arah
memandangkan perhatian semakin serius terhadap
lam sejak kebelakangan ini.

Bagaimanapun Encik Anwar menekan sebelum
kerka tersebut dapat dijayakan, orang Islam mesti
h terlebih dahulu menukar corak pemikiran mereka...

(Utusan Malaysia 27 Februari, 1977)

Demikian keyakinannya Anwar kepada *methode*
aupun ajaran Islam. Saat itu beliau telah memilih
lam sebagai penawar paling mujarab untuk menyele-
ikan apa sahaja, sejajar dengan janji dan firman
uhan sendiri.

Tetapi, pandangan cantik beliau itu hanya menjadi
andangan sahaja. Kesyumulan dan keberkesanan
lam yang beliau akui sendiri ketika itu tidak pernah
praktikkan. Ianya tidak lebih hanya dijadikan sebuah
ogan lunak untuk mempesonakan orang ramai saha-

Ini terbukti apabila hari ini beliau bukan sahaja
tidak mampu untuk berbuat seperti apa yang beliau
ucapkan itu, sebaliknya beliau pula yang muncul
sebagai taukeh menggalakkan *politiking* Melayu se-
ingga berpecah terutama diantara Pas dengan Umno,
emata-mata untuk *survival* politik peribadinya.

Kerosakan dan penyakit Anwar seterusnya ialah

peribadinya yang sangat tercela dan ternoda. Perubahan ini amatlah terserlah sekali apabila dia terpaksa menjadi pemimpin nasionalis yang mengikut gaya dan *style* tokoh imperialis. Perubahan peribadi baru Anwar juga turut mengecewakan ummah Islam, dan sekaligus menyebabkan orang hilang keyakinan kepadanya sebagai seorang mujahid Islam yang tulin.

Kesilapan lain kepada Anwar ialah pengamalan *style* dan bentuk politik yang jauh terpesung dari garis-garis siasah Islamiah. Anwar semata-mata menggunakan teori-teori politik berlandaskan kepada nafsu besar beliau yang tamak dan takabur. Budaya politik yang beliau amalkan tidak ada nilai-nilai Islam yang sangat mementingkan kepada kejujuran, keikhlasan (integriti) dan kebenaran sejagat.

Apa yang Anwar laksanakan ialah budaya politik, tipu, bohong, berpura-pura, dolak dalih, dan hipokret menggunakan topeng-topeng berwajah dan berunsur Islam untuk mempengaruhi golongan tertentu. Anwar nampaknya tanpa segan silu menggunakan Islam untuk kepentingan politiknya.

Kelemahan Anwar juga, ianya tidak mempunyai *planning* perjuangan yang cukup menyakinkan. Apa yang kita nampak melalui *planning* dan strategi yang beliau langgamkan hari ini tidak menyakinkan sekali. Lagipun beliau nampaknya meletakkan kemahuan dan cita-cita peribadinya terlalu tinggi daripada hasrat dan objektif perjuangan sebenar.

Dan kerusakan yang paling teruk pada Anwar yang

sepatutnya tidak terjadi ialah malas untuk mengisi ilmu Islam ke dalam dirinya. Beliau tidak melengkapkan dirinya dengan sifat-sifat kepimpinan Islam yang tulin. Beliau tidak yakin dengan kecemerlangan pemimpin Islam terdahulu yang disanjung kerana mereka mengamalkan budaya dan *style* politik para solafussoleh.

Anwar begitu jumud dalam soal ini, dan tidak yakin bahawa *style* yang pernah diamalkan oleh para rasul dan pemimpin Islam lampau boleh diamalkan di zaman sains dan teknologi ini. Lantaran itu Anwar nampaknya terlalu jauh mengasingkan dirinya dengan sifat-sifat pemimpin yang bertaraf wali. Malahan dalam aspek-apsek tertentu penentangan Anwar terhadap bentuk dan gaya kepimpinan demikian amatlah jelas sekali.

Kejahilan dan kemalasan Anwar dalam tindakan mengisi ilmu jelas apabila beliau nampaknya masih bertahan di takuk pemahaman lama (primitif). Wap kebangkitan Islam dewasa ini seolah tidak merangsang beliau untuk melakukan sesuatu baik ke atas partinya maupun kerajaan. Kalau beliau seorang yang peka dan bersedia mengisi suasana, sudah pasti dia akan menga-ur satu strategi ke arah untuk menatang kebangkitan Islam yang wujud hari ini.

Walaupun dalam falsafah perjuangan Anwar ber-ubung dengan Islam, tidak ada kebangkitan semula Islam, tetapi beliau harus menerima dan tidak menge-nepikan bahawa perubahan jiwa ummah Islam dan manusia seluruhnya sedang berlaku hari ini. Untuk itu maka beliau selaku pemimpin harus membuat per-

sediaan ke arah itu, agar apa yang akan berlaku sedikit hari nanti sia-sia sahaja, lantaran tidak ada persediaan dalam perjuangannya itu.

Sikap Anwar yang menyeru supaya ummah Islam serderhana dan tidak terlampau fanatik dengan *isme-isme* Islam jelas membuktikan bahawa beliau menentang bentuk dan *style* kepimpinan Islam. Sebaliknya beliau telah mengamalkan *style* politik dan budaya kerja sendiri yang beliau cipta hasil pengadunan dari pelbagai bentuk budaya kufur dan mungkar.

Penolakan Anwar terhadap kekuatan kerohanian sebagai roh kekuatan perjuangan, membuktikan bahawa beliau tidak percaya bentuk perjuangan dan sifat pemimpin Islam seumpama itu boleh merubah suasana yang berlaku hari ini. Kepada Anwar mungkin beliau menyifatkan bahawa kekuatan-kekuatan yang diceritakan dalam kitab suci Al Quran dan diterjemahkan dalam Hadith itu sebagai pembohongan dan tidak lebih dari mitos agama sahaja.

Berdasarkan kepada beberapa kesilapan yang nyata itulah, kita semua (umamah Islam semua) tidak boleh lagi mengharap Anwar untuk melakukan perubahan besar terhadap tamadun ilmu dan empayar kekuasaan Islam di abad akan datang. Jika kita serah dan lepaskan pengharapan itu kepada Anwar, kita bukan sahaja kecewa, malahan bangsa, agama, keperibadian dan segala yang kita cita-citakan ini akan turut digadai oleh beliau untuk membeli kuasa dan kepentingan peribadinya.

Dan kita juga berkeyakinan, sekiranya teguran dan gambaran yang kita jelmakan dari dalam diri dan realiti Anwar ini dipandang ringan, tanpa dipedulikan oleh beliau, tidak mustahil Anwar akan menjadi "arwah" tidak lama lagi. Sisa-sisa perjuangannya, komitmennya pada Islam dan objek pemburuan nafsu besar itu juga akan hilang, kalau dia tidak bertaubat dan mengambil kira segala apa yang kita catatkan di sini.

Itulah *reality* Anwar bin Ibrahim.



Hari ini tuan hamba dijulang, diangkat. Dan mereka akan angkat dan julang tuan hamba. Tetapi... ingatlah bila mereka itu sudah letih dan lenguh menunggu janji tuan hamba... mereka akan campakkan tuan hamba ke longkang. Sebelum apa-apa terjadi baiklah tuan hamba Anwar berwaspada... sementara nasi belum menjadi bubur.

13

**HIKAYAT ANWAR
DENGAN SULTAN
PAHANG**

"HIKAYAT Anwar Dengan Sultan Pahang", inilah tajuk bab ini. Bab ini ditulis terkemudian sekali. Setelah penulisan buku ini sudah dikafankan. Sepatutnya bab ini tidak masuk kerana buku ini sudah pun selesai ditulis. Hanya sedang menunggu masa saja untuk dicetak. Tetapi kerana bab ini dirasanya penting, maka ianya terpaksa juga diselitkan dalam buku ini.

Penting saya kata ialah untuk membolehkan anda semua mengetahui apa yang terbaru berlaku ke atas Anwar. Dan cerita terbaru ini sungguh memeranjatkan kita. Ianya lebih hebat daripada kisah kerajaan Kelantan zaman dahulu menghantarkan ufti Bunga Emas kepada raja Siam.

Kisah saya maksud ialah, hikayat 'beri dan terima' antara Anwar dengan Sultan Pahang. Drama purba yang berlaku di zaman moden. Yang sebenarnya sukar untuk kita mempercayai kerana ianya berlaku pada sang tokoh Islamisasi Malaysia. Tetapi ianya benar-benar berlaku. Untuk mengetahui drama itu silalah baca bab ini sampai habis.

Bab ini juga adalah untuk meraikan Anwar yang

baru menerima Darjah Pingat Pertama Seri Sultan Ahmad Shah Pahang (S.S.A.P) yang membawa gelaran Dato' Seri daripada Sultan Pahang. Rasanya tidak elok kalau kita tidak rai ataupun mengalu-alukan penganugerahan itu. Selaku bangsa Melayu yang beradab sopan dan memegang tinggi kepada budaya bangsa, maka wajar sekali kita mengucapkan tahniah kepada Dato Seri Anwar Ibrahim.

Tahniah Dato' Seri semoga hidup akan berseri!

Kalau zaman dulu setiap pahlawan yang dianugerahkan pingat kebesaran, ianya akan diraikan oleh raja. Raja akan mengadakan perayaan besar-besaran di istananya. Adakan majlis tari menari dan minum-minum. Tetapi disebabkan zaman sekarang bukan zaman dulu, maka majlis seumpama itu tidak dibuat lagi. Mungkin ianya diadakan dengan cara berlainan.

Sebenarnya, sejak selesainya pilihanraya umum ke-10 pada 21 Oktober lalu Anwar Ibrahim benar-benar berseri dan sukacita. Beliau nampaknya begitu bernasib baik. Barang kali disinilah terletaknya keberkatan kepada orang bernama Anwar. Bukan sahaja beliau, Annuar Musa yang kalah di tangan Muhammad Sabu di Nilam Puri Kelantan juga bernasib baik. Bintang Annuar Musa juga bersinar. Walaupun kalah, tetapi boleh jadi menteri. Bukan macam Dollah Badawi, sungguhpun menang tapi tak jadi apa benda.

Nampaknya Abdullah Badawi kenalah tukar namanya, jadi Anwar Abdullah Badawi ataupun Abdullah Anwar Badawi ataupun Badawi Anwar Abdullah atau

apa-apa sahaja, asalkan ada perkataan 'Anwar' itu. Mana tahu berkat tukar nama itu Datuk Dollah juga akan berjaya.

Saya katakan nasib Anwar Ibrahim cerah selepas pilihanraya, kerana sebelum pilihanraya lalu beliau sudah kelihatan muram. Mukanya keruh sahaja. Beliau dikatakan sedang terjempit dengan beberapa masalah.

Sebelum pilihanraya raya baru-baru ini, kawan-kawanya juga menjauhkan diri daripadanya. Beberapa orang menteri yang sebelum ini dikatakan kawan rapatnya, sudah mula renggang. Mereka tidak mahu mendekati Anwar lagi. Kononnya takut 'kudis' buta yang tumbuh di tubuh Anwar itu berjangkit kepada mereka.

Saya sendiri tidak tahu Anwar mengidap 'kudis' buta ini. Tetapi bila lihat kawan-kawanya mula renggang baru saya dapat mengagak. Kalau beliau tidak ada kudis buta, tentu kawannya akan terus rapat. Penyakit kudis buta memang bahaya, lebih bahaya daripada Aids. Gara-gara mengidap kudis butalah menyebabkan Anwar menjadi 'magak' dan sering membesar diri sendiri dan merendahkan member-member lain.

Tetapi seperti dikatakan tadi, selepas pilihanraya mukanya menjadi merah kembali. Tawanya bergema semula. Dia kelihatan bertenaga kembali, Anwar seperti pulih dari sakit dan demam. Dia mula berlagak dan menyombong semula.

Sekurang-kurangnya ada dua tiga sebab kenapa

Anwar begitu *happy*. Dan adalah wajar kalau beliau gembira dan bangga kerana apa yang beliau perolehi itu adalah hasil titik peluh tubuhnya sendiri. Dan adalah wajar juga kalau beliau raikan kegembiraannya itu dengan majlis yang besar. Majlis yang *glamour* dan penuh dengan cahaya kristal dan dansa.

Peristiwa pertama menggembirakan beliau ialah, kemenangannya di Permatang Pauh. Beliau patut bergembira dengan kemenangan itu. Jika beliau kalah sudah pasti, segala peluang yang terbuka di hadapannya akan terlepas. Bukan sahaja tidak berjaya masuk ke parlimen, masa hadapan politiknya juga akan malap.

Jadi kejayaan beliau me'mampus'kan Mahfuz Omar di Permatang Pauh itu adalah sesuatu yang harus diraikan. Harus dinobat dan diarak demikian rupa. Biar segala majal sial dan petaka yang cuba dibawa oleh Mahfuz itu hilang dan tidak berulang lagi.

Kejayaan itu juga sangat penting bagi Anwar bukan sekadar untuk melenyapkan pengaruh Pas di Penang, sebaliknya, kejayaan itu membuktikan mamak-mamak Penang dan rakyat Melayu Pulau Pinang benar-benar berharap kepada beliau menjadi Sang Rajuna Tapa untuk membela nasib dan negeri mereka di masa akan datang.

Kedua kenapa beliau perlu bersyukur dan patut bergembira, kerana beliau adalah satu-satunya Ketua Perhubungan Umno di Negeri itu yang berjaya meletakkan Umno di martabat setinggi hari ini. Beliau bukan

sahaja memastikan semua 12 kerusi Umno menang sebaliknya berjaya meletakkan seorang bangsa Melayu menjadi Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang yang pertama selepas merdeka.

Di sini kita tidak perlu sangsi kepada beliau. Kejayaan anak buahnya itu Dr Ibrahim Saad menjadi Timbalan Ketua Menteri ialah kejayaan orang Melayu semua. Kejayaan itu untuk bangsa Melayu Penang dan menjadi lambang bahawa Melayu mampu untuk dominan dalam kelompok bangsa lain. Kita berharap semoga Dr Ibrahim akan dapat berperanan dan membela nasib umat Melayu dan Islam di Pulau Mutiara itu.

Peristiwa ketiga yang amat memberi erti kepada beliau ialah, kerana masih lagi dilantik menjadi Menteri Pendidikan. Mahathir masih lagi mempercayai dan memberi peluang kepadanya. Walaupun beliau sedang dalam dilema kerana isu akta pendidikan yang masih belum selesai, tetapi Mahathir masih serahkan jawatan itu kepadanya.

Dengan perlantikan itu membolehkan Anwar terus membuka empayar kekuasaannya untuk menakluki Umno. Tetapi sejauh mana beliau boleh melebarkan sayap kekuasaannya belum tentu lagi. Beliau mungkin menghadapi sedikit kesulitan untuk memperluaskan pengaruhnya di masa akan datang. Ini ekoran beberapa orang harapannya seperti Ahmad Shahibuddin Mohd Noor dan Kamaruddin Mohd. Noor kalah di Kelantan dalam pilihanraya lalu.

Melihat percaturan politik Umno di Kelantan menyebabkan Anwar rasa tidak sedap duduk. Langkah Mahathir melantik orang di luar kem Anwar menjadi menteri mewakili Kelantan, seperti menunjukkan bahawa Mahathir sudah tidak terlalu mendewakan Anwar lagi dengan memenuhi kehendaknya. Orang semua tahu Annuar Musa yang dilantik menjadi Menteri Belia dan Sukan itu adalah orang Sanusiunid.

Kalau benar seperti mana yang didengar, yang mengatakan bahawa Mahathir kini sedang memerhati tingkah laku Anwar yang dianggap keterlaluan, ternyata perlantikan Annuar Musa dan mengenenepikan orang Anwar itu adalah pukulan hebat kepada diri Anwar. Dan kalau mengikut logik, Mahathir tidak sepatutnya melantik Anwar Musa sebagai menteri mewakili Kelantan kerana yang lebih senior daripadanya masih ada.

Di segi usia berpolitik, Ahmad Shahibuddin bekas Exco Kelantan itu lebih berpengalaman daripada Annuar Musa. Sewajarnya Ahmad Shahibuddin dilantik menjadi menteri bukannya Annuar Musa. Lagipun Ahmad Shahibuddin itu baik dengan Sultan Kelantan adalah tepat kalau Ahmad Shahibuddin dipilih, kerana secara tidak langsung boleh merapatkan Umno dengan istana.

Tetapi apakah kerana Ahmad Shahibuddin orang Anwar maka Mahathir terpaksa mengenenepikan? Biarlah... kita tinggal persoalan itu!

Seperti saya sebut diawal tadi, bahawa Anwar

benar-benar gembira saat ini. Penganugerahan gelaran Dato' Seri itu benar-benar menaikkan imej dirinya. Sekurang-kurang dia tidak lagi merasa dirinya rendah kerana di panggil Encik ataupun Brother. Kini darjat dan juga statusnya di kalangan istana samalah dengan menteri-menteri lain yang sudah lama menerima darjah kebesaran itu.

Sebenarnya anugerah gelaran Dato' Seri itu bukan sesuatu yang ganjil untuk dipertikaikan di sini. Apa lagi untuk diungkit dalam sebuah buku seperti ini. Ianya perkara biasa sahaja. Sudah ribuan orang menerima gelaran demikian. Dan anugerah itu juga bukan sesuatu yang *glamour* dan boleh dibanggakan demikian rupa.

Sejak dari dulu lagi Sultan-sultan dan Yang Dipertua Negeri telah menganugerahkan pingat-pingat kebesaran dan gelaran kepada pelbagai lapisan masyarakat. Baik politik, ahli perniagaan ataupun sasterawan. Semuanya dianugerah setimpal dengan jasa mereka. Mereka yang berjasa dan berkhidmat dengan setia akan dianugerahkan pingat kebesaran itu tanpa memilih warna kulit.

Malahan mereka yang sudah lama meninggal dunia pun diberi pingat setelah difikirkan orang itu berjasa kepada negara. P. Ramlee yang pandai menyanyi dan berlakon itu, sudah 13 tahun mati, pun diberikan pingat. Malahan pingat yang diberikan kepada P. Ramlee itu lebih tinggi daripada apa yang Anwar terima hari ini.

Sebab itu soal dapat pingat, tidak menjadi masalah. Tetapi dalam kes Anwar ini lain sedikit. Penganugerahan pingat kepadanya, macam ada sesuatu yang tidak kena. Seolah-olah pemberian itu tidak mengikut aturan dan kaedah sepatutnya. Justeru itu menyebabkan Dato' Seri itu seperti Datuk Seri palsu sahaja.

Kita benar-benar musykil dengan gelaran diterima dan diberi itu. Apa yang menyebabkan kita hairan, perubahan sikap Anwar sebelum ini yang tidak mahu menerima gelaran-gelaran seumpama itu. Beliau adalah di antara menteri yang dikatakan tidak gilakan sama gelaran seperti Encik Ghafar Baba. Malahan pernah satu ketika apabila beliau ditawarkan pingat oleh raja beliau menolak, atas alasan beliau tidak layak menerima gelaran itu.

Katanya kalau gelaran atau pingat itu hendak juga diberikan kepadanya, berilah kepada ayahnya, kerana jasa ayahnya lebih banyak daripada jasa beliau.

Sikap itu cukup membanggakan. Secara tidak langsung menunjukkan Anwar orang yang ikhlas dan tidak gilakan pangkat. Tetapi kali ini lain pula ceritanya. Sekoyang-koyang beliau menerima dengan senang hati anugerah Sultan Pahang itu. Beliau nampaknya sudi pula menghulurkan lehernya untuk dijerat dengan rantai pingat itu oleh Sultan Pahang.

Perubahan itulah mengherankan kita. Kenapa Anwar tiba-tiba berubah perangai dan bertukar wajah. Apa menyebabkan kita jadi semakin tertarik untuk mengkaji soal pingat dan anugerah ini, kerana ada

beberapa cerita disebalik pemberian pingat itu. Ada cerita-cerita yang agak "sensitif" berlaku beberapa hari sebelum pingat itu diberi. Dan cerita sensitif ini tidak dimaklum dan dipermaklumkan kepada rakyat jelata.

Apakah cerita sensitif dan tersembunyi di balik tabir itu? Ceritanya begini:

Pada 9 Oktober 1990 maka berhimpunlah sekalian rakyat negeri Pahang Indra Pura (sekarang Pahang Darul Makmur) di bandar Indra Mahkota. Kerana pada hari itu berlangsungnya satu istiadat perletakan batu asas pembinaan kampus Fakulti Perubatan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di atas tanah seluas 400 hektar.

Sekalian rakyat begitu gembira menyaksikan istiadat yang dilakukan oleh baginda sultan mereka itu. Mereka merasa bangga kerana negeri mereka mendapat perhatian Sultan dan Menteri Pendidikan. Dalam kepala, mereka mengira negeri mereka akan menjadi tumpuan orang ramailah sedikit masa nanti apabila kampus Universiti Islam itu siap.

Sultan mereka berangkat ke istiadat tersebut. Menteri Pelajaran Anwar Ibrahim juga turut berangkat. Di majlis itu Anwar Ibrahim dikatakan telah menyampaikan cek sebanyak \$5 juta kepada sultan mereka.

Rakyat semua bertepuk tangan dan sultan tersenyum riang menerima cek sebanyak itu. Tetapi sayang seribu kali sayang mereka tidak tahu untuk apakah cek

sebanyak itu? Cuma mereka fikir wang itu tentulah untuk tujuan membina kampus Fakulti Perubatan seperti mana yang diheboh-hebohkan.

Sampai sekarang penyerahan cek itu tidak diumumkan oleh rakyat. Surat khabar dan media-massa tidak menyebut dengan jelas untuk apa dan kenapakah cek itu diserahkan kepada Sultan. Anwar juga tidak mengumumkan dengan jelas melalui media-massa. Maka jadilah pemberian cek sebanyak 5 juta itu satu perkara misteri dan sungguh meng suspensikan rakyat.

Tetapi, mulut tempayan boleh ditutup, mulut orang akan tetap terbuka. Maka akhirnya rahsia pemberian cek itu pecah juga. Rupa-rupanya cek sebanyak 5 juta itu ialah sebagai bayaran tapak pembinaan kampus Fakulti berkenaan.

Sebenarnya soal bayaran itu tidak timbul. Memang untuk membangunkan sesuatu bangunan, mesti ada tapak. Dan tapak itu mesti dibayar. Usahkan apa, hendak bangunkan bangsal setingan pun kena bayar.

Tetapi apa yang menjadi tanda tanya, menghairankan serta aneh dan pelek, kenapakah Kementerian Pendidikan (Anwar Ibrahim) rela membeli tanah Sultan untuk tujuan itu. Apakah sudah tidak ada tanah lain untuk dibeli dan bangunkan kampus itu.

Kenapa Anwar tidak cari kawasan lebih murah harganya. Kenapa harus membayar 5 juta hanya untuk 400 hektar? Bukankah harga itu mahal? Dan logik-

nya juga, kalau tanah raja, tentunya mahal. Kalau kepunyaan raja semuanya mahal. Pinggan makan raja sahaja berharga ratusan ribu ringgit. Inikan pula tanah.

Apa Anwar tidak fikirkan perkara ini? Kenapa beliau bersedia dan sanggup untuk mengambil tanah kerabat sultan yang berharga berjuta-juta ringgit itu? Inilah menyebabkan kita merasa aneh dan pelek.

Satu perkara lagi, kenapa Kementerian Pendidikan bersusah payah kena beli tanah untuk mendirikan kampus itu. Kalau benar kerajaan Pahang berkehendakkan kampus didirikan di negeri itu, kenapa kerajaan Pahang tidak menawarkan kawasan dengan percuma. Kenapa harus bayar.

Kebiasaanya kalau sesebuah kerajaan negeri inginkan projek kerajaan pusat dibangunkan di negerinya, kerajaan tersebut akan menyediakan tapak ataupun kawasan. Kalaupun kena bayar, harganya istimewa. Tengok menteri besar Selangor Muhammad Mohd Taib, beliau telah menawarkan tanah di Sepang untuk pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa. Sememangnya begitulah *procedure*.

Di sinilah kita merasa aneh dan pelek. Dan perkara ini seperti ada sesuatu yang berlaku di antara Anwar dengan sultan Pahang. Semacam ada sejenis 'bisnes' berlaku antara Anwar dengan tuan tanah di Pahang itu. Kedua pihak seperti sedang bertukar-tukar 'cenderamata'.

Itulah cerita misteri yang cuba diselindungi oleh Anwar Ibrahim dan Sultan Pahang. Cerita ini tidak diketahui oleh rakyat jelata. Cerita ini menjadi berita sulit yang sangat aib kalau didedahkan. Dan rakyat yang datang ke istiadat meletakkan batu asas tempoh hari, tidak tahu sampai ke hari ini. Bagaimanapun pegawai UIA tahu akan perkara ini. Tetapi mereka kunci mulut takut di murka oleh sultan dan Dato' Seri Anwar.

Itulah satu cerita. Satu cerita lagi lain pula plotnya. Cerita di atas tadi, nampak kedua pihak sama untung. Satu pihak tanah dibeli orang, dan satu pihak mendapat penghormatan daripada sultan. Tetapi cerita ini lain sekali kerana ianya kelihatan seperti merugikan satu pihak sahaja.

Ceritanya begini. Al kisah, cadangan Kementerian Pendidikan untuk membina kampus induknya ialah di Gombak bukan di bandar Indra Mahkota, seperti mana yang difahamkan oleh Anwar kepada sultan Pahang. Kampus di Gombak itu akan dibina di atas tanah kepunyaan Kementerian Pendidikan.

Menurut perhitungan Anwar tanah di Gombak itu lebih sesuai berbanding kawasan di bandar Indra Mahkota itu. Banyak fasalitas terdapat di situ. Ianya berdekatan dengan Kuala Lumpur. Dan paling penting ialah, kawasan di Gombak itu berhampiran dengan tanah kepunyaan Anwar yang dikongsi dengan salah seorang pemimpin Pas.

Kerana fasalitas itulah Anwar lebih berminat untuk

bina kampus induk UIA itu di Gombak, bukannya di Pahang. Dan sudah pasti bila kampus itu wujud, tanah Anwar di Gombak itu akan naik harganya melambung-lambung.

Kononnya, Anwar dikatakan sengaja berjanji dengan sultan untuk menjadikan kampus di bandar Indra Mahkota itu sebagai kampus induknya. Beliau berbuat begitu sengaja untuk mengambil hati sultan. Biar Sultan senang hati dan tidak mengungkit-ungkit sesuatu. Maklumlah sultan Pahang ni selaku Censelor UIA, katanya cerewet sangat dengan Anwar. Jadi untuk menghindarkan itu, Anwar terpaksa lakukan begitu.

Bukan setakat itu sahaja. Anwar juga mempunyai kepentingan politiknya. Mungkin mengikut formula politiknya, beliau harus tawan hati sultan dulu agar cita-citanya hendak naik menjadi Perdana Menteri senang. Bila berjaya tawan hati sultan maka mudahlah segala kerja. Bukan saja puteri raja akan dapat dipeluk, negeri pun boleh dijajah kalau sudah baik dan boleh jamah kepala sultan.

Demikianlah cerita dan hikayat Anwar dengan Sultan Pahang. Ianya sungguh mentrajiskan sekali. Berliku-liku dan bengkok bengkok. Tetapi biarpun bengkok, hikayat itu dapat juga dimengertikan oleh sekalian rakyat.

Seandainya hikayat itu benar, maka kena tipulah sultan Pahang, dan seluruh rakyat Pahang Indra Pura akan kecewa dengan janji Anwar itu. Cuma apa hen-

tidak kita sebutkan di sini, harapnya jangan suatu hari kelak akan ada sultan yang murka kepada penglimanya. Bertindak menarik balik segala pingat dan nama-nama gelaran.

Mudah-mudahan tidak akan berulanglah sejarah sultan mengugurkan pingat dan menarik gelaran yang dikurniakan kepada seseorang. Janganlah berlaku hikayat 'murka dewata' seperti yang berlaku dalam hikayat Sultan Kelantan dengan Hussein Ahmad ataupun Sultan Selangor dengan Lee Kim Sai.

Tetapi, sejarah sering kali berulang!
 mungkin



Sultan: "Nah..masoklah ke dalam 'jerat' beta ini, mudah-mudahan akan selamat...."

Anwar: "Oooo..dia fikir aku ni sebodoh itu, hari ini aku tunduk padanya, esok lusa belum tentu lagi siapa yang kena tunduk pada siapa..."

